


Jilid III
Bil. 17



MALAYSIA

Hari Isnin
19hb Julai 1993

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta

[Ruangan 3753]

Perutusan daripada Dewan Negara

[Ruangan 3754]

Cutt kepada Ahli - Kebenaran:

Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz (Kuala Kangsar)

[Ruangan 3756]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 3756]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Skandal Saham Union Paper Holdings Berhad-

Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

[Ruangan 3861]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 3866]

USUL-USUL:

**Merentikan Kkuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 di bawah
Peraturan Mesyuarat 90(1) [Ruangan 3868]**

**Penangguhan Mesyuarat
[Ruangan 3951]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993
[Ruangan 3870]**

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

**Kemunduran Perkhidmatan Awam di Malaysia-
Y.B. Dr. V. David (Puchong)
[Ruangan 3951]**

**Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di
Wangsa Maju, Setapak: Pembinaan-
Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
[Ruangan 3957]**

19HB JULAI 1993

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N,

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan POS, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai)

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh)

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei)

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi)

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas)

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub)

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok)

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis)

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin)

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)
- " DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)
- " TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)
- " DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus)
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- " TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)
- " DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- " TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)
- " TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)
- " TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)
- " DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)
- " DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)
- " TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)
- " DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J, (Limbawang)
- " TUAN NASRUDDIN BHN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIOH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)

TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)

TUAN SIM KWANO YANG (Bandar Kuching)

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)

DR TAN SENG GIAW (Kepong)

" TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)

" WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)

" TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)

" WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)

^{t.} TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)

TUAN WONG WING ON (Kampar)

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)

" TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEOAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

PELAPOR BERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Julai, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG
DI-PERTUA

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1993;
2. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1993;
3. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1993;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993;
5. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993;
6. Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993;

7. Akta Pusat Jagaan 1993;
8. Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1993;
9. Akta Perikanan (Pindaan) 1993;
10. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993; dan
11. Akta Keterangan (Pindaan) 1993.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA KEPADA DEWAN
RAKYAT**

"10hb Jun, 1993-

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993;
2. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992;
3. Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1992;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993;
5. Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1992;
6. Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993;
7. Rang Undang-undang Pusat Jagaan 1992;
8. Rang Undang-undang Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1992;
9. Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 1992;
10. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993; dan
11. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1993.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA."

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN

**Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz
(Kuala Kangsar)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhonnat Dato' Seri Rafidah Aziz, Ahli Parlimen bagi Kawasan Kuala Kangsar dari 19 Julai hingga 3 Ogos, 1993.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN KE NEGERI CHINA

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil Lawatan Perdagangan dan Pelaburan ke Negara Republik Rakyat China dari segi:

- (a) bentuk kesemua "Memorandum Persefahaman" yang telah ditandatangani bersama;
- (b) jenis-jenis projek usahasama yang akan dijalankan;
- (c) jumlah pelaburan tiap-tiap projek;
- (d) penglibatan syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf bumi-putera;

- (e) syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China; dan
- (f) bagaimanakah kedudukan im-bangan pembayaran dari segi hubungan dagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China sekarang.

25. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan peluang-peluang perniagaan dengan negara China yang baru dilawati dan bagaimanakah harapan pengusaha-pengusaha Malaysia untuk bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha China di masa hadapan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi hubungan kebudayaan dan diplomatik memandangkan China masih lagi belum menerima demokrasi secara mutlak.

32. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan berpuashati dengan lawatan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini dan apakah di antara kejayaan yang dicapai dalam lawatan itu.

46. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan rasmi ke China yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri pada 13.6.1993 hingga 22.6.1993 khasnya dalam aspek kebudayaan dan pendidikan;
- (b) adakah rombongan Malaysia berbincang dengan pihak China berkenaan dengan masalah murid-murid kita yang belajar ke sana. Jika ya, apakah hasilnya. Jika tidak, mengapa; dan

- (c) memandangkan negara kita sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh, adakah rombongan kita bercadang kepada China supaya tenaga buruh China dibenarkan masuk ke negara demi kepentingan kedua-dua pihak. Jika ya, sebutkan butir-butir. Jika tidak, mengapa.

48. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah tujuan lawatan YAB Perdana Menteri dan rombongannya ke negara Republik Rakyat China pada 13hb-22hb Jun, 1993 dan apakah hasil yang dicapai dari lawatan itu. baik di sektor awam mahupun sektor swasta;
- (b) apakah kemajuan dalam usaha promosi gagasan EAEC, soal kepulauan Spratly, hubungan antara rakyat; dan
- (c) apakah reaksi Taiwan daripada lawatan ini.

50. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan Perdana Menteri baru-baru ini ke Negeri China mendatangkan manfaat kepada negara.

53. Tuan Mohamed Kamal bin Hussein minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (d) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dari segi hubungan perdagangan dan politik di dalam lawatan ke negara China baru-baru ini; dan
- (b) apakah jaminan negara China untuk menyelesaikan tuntutan

bertindih ke atas kepulauan Spratlys.

55. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyatakan lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke negeri China baru-baru ini mencapai matlamat sepenuhnya termasuk bidang perdagangan, teknologi, kebudayaan dan perhubungan dua hala, selaras dengan kos perbelanjaan lawatan dan pulangan hasil yang dicapai.

20.7.93

46. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai lawatan YAB Perdana Menteri ke China:

- (a) nyatakan jumlah delegasi rasmi yang dibawa;
- (b) kos perbelanjaan lawatan tersebut; dan
- (c) perincian peranan delegasi Malaysia.

51. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan YAB Perdana Menteri beserta rombongan ke Negara China pada 14 Jun baru-baru ini.

21.7.93

32. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil kejayaan lawatan rombongan YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini dalam bidang:

- (a) ekonomi dan perdagangan; dan
- (b) politik dan hubungan luar.

49. Tuan Wong Wing On minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil-hasil dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pendidikan akibat daripada lawatan rombongan Malaysia yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) baru-baru ini dengan jelas dan terperinci.

22.7.93

49. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia ke China baru-baru ini merupakan satu lawatan yang amat berjaya. Apakah kejayaan-kejayaan yang utama telah dicapai di dalam lawatan tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tenaga-tenaga kerja yang tertentu daripada Negara China untuk berkhidmat di Negara Malaysia, kalau bercadang, bilakah akan ditaksanak. kalau tidak bercadang, mengapa.

53. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang sebenarnya lawatan YAB Perdana Menteri dan rombongannya ke China pada bulan Jun yang lalu. Apakah langkah-langkah susulannya. Berapa tahunkah negara-negara seperti Jepun dan Singapura yang berada di depan Malaysia di semua bidang di negara China. Mengapa kita membiarkan Malaysia ketinggalan di belakang negara-negara tersebut.

26.7.93

37. Dr. V. David minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bolehkah beliau memberi sedikit penjelasan kepada Dewan ini tentang lawatan YAB Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini;
- (b) apakah perusahaan-perusahaan yang telah diluluskan oleh kedua-dua Kerajaan bagi menjalankan urusan eksport-import antara negara kita dan China; dan

- (c) tarikh urusan-urusan ini dijangka bermula.

43. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Luar Negeri menyatakan;

- (a) sejauh manakah kejayaan lawatan ke China baru-baru ini yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri dan pengusaha-pengusaha lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mewujudkan perdagangan antara negara kita dengan China.

27.7.93

24. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil kunjungan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini terutama dari segi perdagangan; dan
- (b) apakah Kerajaan memastikan ia mendatangkan keuntungan, terutama kepada usahawan bumiputera.

54. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke China baru-baru ini.

67. Tuan Michael Asang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke China dan keuntungannya kepada Malaysia (Kerajaan Dengan Kerajaan);
- (b) bilangan syarikat dari China yang telah dan akan melabur di negara ini hasil dari lawatan ke China tempoh hari; dan

- (c) jumlah pelaburan negara China di Malaysia setakat ini.

29,7.93

18. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan misi lawatan Perdana Menteri ke luar negeri bagi menarik pelaburan; dan
- (b) apakah Kerajaan Pusat ada rancangan tnenyertakan sama pihak Kerajaan Negeri Kelantan dalam misi lawatan itu.

2.8.93

4. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Malaysia boleh mempercayai negara China benar-benar ikhlas dan tidak mempunyai cita-cita untuk menguasai Asia Timur dengan kekerasan kerana mereka bukan sahaja mengembangkan ekonomi tetapi juga mengukuhkan dan membesarkan angkatan tentera mereka.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berkaitan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hasil lawatan itu yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sidang ini kesemuanya 22 soalan. Apabila dikaji soalan-soalan yang telah dikemukakan itu, banyak yang berupa mengulangi soalan-soalan yang sama dan maklumat-maklumat pun lebih kurang sama juga. Jadi, untuk memberi gambaran yang menyeluruh, saya cadangkan untuk memberi jawapan kepada semua soalan itu dan bagi detail-detail yang diperlukan,

saya cadangkan untuk menyampaikan kepda Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kerana maklumatnya banyak, hampir-hampir 18 mukasurat.

Untuk catatan, soalan yang telah dikemukakan mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan hasilnya adalah 8 soalan untuk hari ini yang ditanya, iaitu:

1. Tuan Ahmad bin Omar
2. Tuan Fong Kui Lun
3. Tuan Liew Ah Kim
4. Tuan R. Karpal Singh
5. Tuan Nurnikman bin Abdulrahman
6. Tuan Mohamed Kamal bin Hussein
7. Tuan Chian Heng Kai
8. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

20.7.93

1. Puan Rohani binti Abd. Karim
2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad.

27.7.93

1. Y.B. Tuan Wong Wing Ong
2. Y.B. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa.

22.7.93

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah
2. Y.B. Dr. Tan Seng Giaw,

26.7.93

1. Y.B. Dr. V. David
2. Y.B. Tuan Wong Sing Nang.

27.7.93

1. Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.
2. Y.B. Tuan Michael Asang
3. Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

29.7.93

1. Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

2.5.93

1. Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.

Jadi, sebagaimana diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka izinkanlah saya memberi jawapan yang menyeluruh dan butir-butir lanjut yang terperinci akan saya hantar secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkisar keseluruhannya kepada tujuan dan hasil lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China baru-baru ini, izinkan saya untuk menjawabnya secara serentak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah telah melakukan lawatan rasmi yang kedua ke Republik Rakyat China dari 13hb hingga 22hb Jun 1993 atas jemputan Tuan Yang Terutama Li

Peng, Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC). Lawatan terakhir Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara tersebut ialah pada bulan November 1985.

Rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdiri dari 97 orang ahli rombongan rasmi termasuk Menteri Luar, Menteri Pengangkutan, Menteri Perusahaan Utama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Ketua Menteri Sarawak, Menteri Besar Pahang, Ketua Menteri Pulau Pinang, kedua-dua Timbalan-Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Serombongan 143 ahli-ahli perniagaan yang membiyai perbelanjaan sendiri turut serta mengiringi Perdana Menteri. Ahli rombongan yang lain termasuk 17 orang daripada media-massa dan 27 orang ahli rombongan kebudayaan yang dibiayai oleh Genting Berhad.

Tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan lagi persahabatan dan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan RRC serta untuk tujuan peluang-peluang kerjasama di bidang ekonomi, perdagangan, perniagaan dan pelaburan selaras dengan kepesatan perkembangan ekonomi negara tersebut.

Lawatan Perdana Menteri itu bertujuan juga untuk memberi kesempatan kepada beliau sendiri untuk menyaksikan dan meninjau perubahan-perubahan dan perkembangan pesat pembangunan ekonomi masa kini di RRC.

Aturcara lawatan tersebut merangkumi lawatan-lawatan ke Beijing, Urumqi, Kunming dan Shenzhen. Sebelum berlepas pulang Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah singgah di Bandaraya Haikou, Pulau Hainan dan melakukan upacara meletakkan batu asas satu projek usaha sama Malaysia-RRC. Selain mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan para pemimpin tertinggi negara dan Kerajaan RRC di bandaraya-bandaraya yang dilawati, Perdana Menteri telah berucap dan mengadakan perbincangan dengan para usahawan RRC di Beijing dan Shenzhen mengenai peluang-peluang kerjasama dua hala di bidang perdagangan, pelaburan dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China tersebut telah mencapai kejayaan yang besar lagi bermakna. Pemimpin kedua-dua negara telah berpeluang membincangkan pelbagai isu hubungan dua hala, serantau dan antara-bangsa.

Di samping kejayaan mempereratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman di antara para pemimpin serta rakyat kedua-dua buah negara, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC telah dengan jayanya menghasilkan pulangan yang bermakna di bidang perdagangan dan kerjasama dua hala seperti berikut:

- (a) para usahawan Malaysia-Republik Rakyat China telah menandatangani sejumlah 36 perjanjian usaha sama dan Memorandum Persefahaman berniali RM8,224 juta di bidang perdagangan dan pelaburan seperti perhotelan, hartanah, infrastruktur dan perusahaan makanan. Selain daripada itu, kedua-dua belah pihak sedang merundingkan untuk memperolehi sejumlah RM325.2 juta pesanan dan kontrak eskpori

barangan ke China sementara kontrak belian daripada China adalah RM60.4 juta.

(b) Kedua-dua negara bersetuju untuk menubuhkan pejabat Konsulat masing-masing. Konsulat Malaysia akan ditubuhkan di Guangzhou di Wilayah Guangdong di Selatan China, sementara RRC di Kuching, Sarawak. Penubuhan Konsulat Malaysia di Gaunghou adalah untuk memudahkan urusan pengeluaran visa bagi pelawat-pelawat Malaysia sama ada atas urusan pelancongan atau perdagangan. Persetujuan telah dengan jayanya dicapai untuk mengadakan hubungan berkembar di antara Perbandaran Pulau Pinang dengan Perbandaran Pulau Xiamen, Wilayah Fujian di Selatan China.

(d) Satu Memorandum Persafahaman (MOU) mengenai hak pendaratan tambahan kepada MAS telah ditandatangani yang membenarkan MAS memperluaskan perkhidmatannya ke Beijing dan Guangzhou daripada tiga kali seminggu ke enam kali seminggu. Mulai 1994 perkhidmatan MAS ini ditambah kepada lapan kali seminggu dan seterusnya 12 kali seminggu mulai 1996. RRC juga mengambil maklum terhadap permintaan MAS untuk hak pendaratan ke Xiamen, Shanghai, Chengdu, Kunming dan Shenzhen. Perbincangan lanjut mengenainya akan disusuli oleh kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini,

persembahan rombongan kebudayaan yang mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kesempatan kepada masyarakat tempatan RRC menyaksikan kejayaan kebudayaan Malaysia. Persefahaman kebudayaan ini telah diadakan di Beijing, Urumqi, Kunming dan Shenzhen.

Mengenai kerjasama pendidikan, dimaklumkan juga bahawa diawal tahun ini pihak Kerajaan telah meluluskan cadangan supaya pelajar tajaan Kerajaan Malaysia boleh mengikuti kursus-kursus pendek di peringkat ijazah lanjutan di institusi-institusi pengajian tinggi RRC. Tenaga akademik institusi pengajian tinggi awam di Malaysia juga dibenarkan juga untuk mengikuti kursus-kursus pendek di peringkat ijazah lanjutan di institusi pengajian tinggi awam RRC. Semua cadangan untuk menghantar pelajar atau tenaga akademik Malaysia ke RRC mesti mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan terlebih dahulu. Soal pengambilan tenaga buruh dari RRC untuk bekerja di Malaysia tidak dibincangkan semasa lawatan itu. Buat masa kini Malaysia sendiri cuba mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh ini melalui pengambilan tenaga buruh dari negara asing seperti Indonesia, Bangladesh dan Pakistan.

Perbincangan mengenai isu serantau dan antarabangsa telah membuahkan hasil yang positif di mana kedua-dua negara bersependapat bahawa sebarang pertelingkahan sewajarnya diselesaikan secara rundingan dan bukan kekerasan ketenteraan. Isu tuntutan bertindih di kepulauan Sprally dijadikan sebagai rujukan khusus. Para pemimpin RRC juga telah mengulangi sokongan mereka terhadap EAEC anjakan Malaysia serta memberi jaminan akan dasar terbaik RRC dengan negara serantau. China

sekali lagi menegaskan dasar tidak mencampuri hal-ehwal dalam negeri negara asing khususnya Malaysia yang dianggap negara sahabat.

Mengenai isu keselamatan serantau, para pemimpin RRC telah menegaskan dan memberi jaminan kepada Malaysia bahawa China tidak mempunyai sebarang cita-cita 'hegemonistic' iaitu cita-cita untuk mempengaruhi dan menakluki mahupun untuk mengisi kekosongan kuasa di rantau Asia. China memerlukan suasana politik antarabangsa yang aman lagi stabil demi menjayakan pembaharuan dan pembangunan ekonominya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu berpuas hati dan gembira dengan tercapainya matlamat tujuan lawatan beliau ke RRC tersebut. Menurut penilaian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara China pasti akan dapat mencapai matlamat penyusunan semula dan pembaharuan ekonominya dengan jayanya. Kesungguhan China di dalam usaha pembaharuan ekonomi ke arah sistem ekonomi pasaran telah dengan jelas menunjukkan hasilnya adalah penting bagi Malaysia untuk mengekalkan hubungan baik lagi rapat yang sedia ada dengan negara tersebut seterusnya mengambil peluang-peluang kerjasama ekonomi yang ada di China demi kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah Yang Behormat?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Satu paragraf sahaja lagi. Di masa kini pelaburan Malaysia di China adalah sederhana jika dibandingkan dengan lain-lain negara yang sememangnya terkenal dengan kelebihan kapasiti pelaburan asingnya. Dengan

berkembangnya kerjasama perdagangan dan ekonomi di antara Malaysia dan RRC adalah menjadi harapan Malaysia supaya projek-projek pelaburan sewajarnya juga dapat dipertingkatkan. Kerajaan akan terus menggalakkan penghantaran misi-misi perdagangan dan ekonomi ke China dan di masa yang sama mengalu-alukan rombongan sedemikian daripada negara tersebut. Sebelum ini terdapat sesetengah Kerajaan Negeri yang telah mengambil inisiatif menghantar rombongan penggalakan pelaburan dan ekonomi ke negara tersebut dan Kerajaan selanjutnya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian-kementerian yang berkaitan akan terus memberi kerjasama dan bantuan yang sewajarnya dalam usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam mengadakan misi penggalakan pelaburan dan kerjasama seberang laut.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Yang pertama sejauh manakah penglibatan China dalam perdagangan dan pelaburan di negara ini dengan mengambilkira aspek-aspek politik dan keselamatan?

Yang kedua, apakah penglibatan syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf bumiputera dan apakah Yang Berhormat boleh membuat perbandingan secara peratus di antara syarikat bumiputera dengan bukan bumiputera?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, China memang mempunyai kepentingan perdagangan dan pelaburan yang banyak dengan negara kita pada waktu ini, Dan daripada segi kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka di negara kita ini, penilaian yang kita buat tidak ada apa-apa yang membimbangkan negara Malaysia, walaupun kita memahami negara China itu adalah negara Komunis.

terhadap saham syarikat ini di peringkat awal iaitu pada masa harganya mencatatkan kenaikan berleluasa.

29. Tuan Fung Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur mengalami kenaikan yang agak cepat dan kemudian turun sepanjang bulan Mei, Jun dan Julai 1993 dan sejauh manakah syarikat-syarikat tersenarai terlibat dalam menyembunyikan maklumat dalaman terkini dari pengetahuan BSKL dan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap syarikat-syarikat itu.

41. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hasil siasatan Suruhanjaya Sekuriti (SS) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam perdagangan dalaman, manipulasi harga dan penyelewengan di BSKL baru-baru ini yang menyebabkan harga sesetengah kaunter-kaunter khususnya Union Paper Holdings Sdn. Bhd. melambung tinggi ke tahap yang ajaib;
- (b) sila nyatakan kaunter-kaunter yang disiasat serta tindakan yang diambil setakat ini;
- (c) adakah kegagalan SS menyekat perkembangan tidak sihat ini yang mengakibatkan kerugian besar kepada para pelabur mencerminkan kegagalan peranan dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada SS. Apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan kelemahan yang jelas wujud dalam SS ini;

(d) mengapakah SS gagal campurtangan semasa harga saham sesetengah kaunter tertentu naik secara terumbang-ambing yang jelas kepada sesiapa menunjukkan manipulasi dan adakah SS akan membayar ganti rugi kepada pelabur-pelabur saham yang mengalami kerugian kerana kegagalan SS ini. Sila nyatakan yang mungkin dialami; dan

(e) adakah beliau bercadang menggubal undang-undang pemberian maklumat penuh secara sukarela oleh syarikat yang disenaraikan di BSKL.

42. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini apakah keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti di dalam usaha untuk memastikan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjalan dengan licin tanpa penyelewengan. Apakah bilangan syarikat yang beroperasi diluar aturan di BSKL pada tempoh hari. Mengapa Union Paper Holdings Bhd. (UPHB) dianggap 'cornered' dan digantung.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Prestasi saham-saham di beberapa bulan kebelakangan ini pada umumnya memuaskan. Oleh itu dakwaan setengah pakar analisa saham tidaklah tepat. Apa yang berlaku dalam pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur bukanlah disebabkan oleh kelemahan peraturan, tetapi antara lain oleh harga-harga saham yang disenaraikan sekarang telah lama tidak berubah dan memerlukan rerating dan pembedaan teknikal.

Dan dalam memperluaskan usaha-usaha perniagaan dan perdagangan antara negara China dan Malaysia memang syarikat-syarikat yang bertaraf bumiputera yang juga ada ekuiti bumiputera juga turut serta, dan kita sekarang ini sedang meminta maklumat-maklumat daripada syarikat-syarikat yang terlibat yang hampir 18 buah semuanya, untuk mengetahui apakah equity holding yang ada, yang dipegang oleh bumiputera. Untuk mengetahui sejasasnya sejauh manakah penglibatan bumiputera dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan pelaburan di negara tersebut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, semasa lawatan Yang Amat Berhormat ke China adakah soalan EAEC diperbincangkan dan bagaimanakah penerimaan Kerajaan China atas cadangan atau adakah China berminat to join the EAEC, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua?

Soalan yang kedua, soal China tidak berkehendak menakluki kawasan timur jauh dan bagaimanakah penjelasan diberi di atas pembinaan pengkalan di kepulauan Paracel yang dilaporkan kita baca baru-baru ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah memberi jawapan kepada soalan yang pertama mengenai EAEC dalam pertemuan Yang Amat Berhormat dengan Li Peng, pihak pemimpin China telah menegaskan sekali lagi yang mereka terus menyokong EAEC dan ingin menyertainya.

Yang kedua, apa Yang Berhormat sebutkan tadi adalah sebenarnya satu

laporan yang dikeluarkan oleh akhbar dan saya telah pun menjelaskan bahawa saya tidak berniat untuk membuat jawapan ke atas spekulasi yang telah dikeluarkan oleh akhbar.

Saya lebih berminat untuk mendapat penjelasan daripada Menteri Luarnya sendiri iaitu Chin Chee Chian apabila beliau menghadiri Mesyuarat AMM/PMC di Singapura pada hujung bulan ini.

SAHAM-SAHAM DI BSKL - PRESTASI

2. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar dakwaan oleh setengah pakar analisa saham-saham bahawa prestasi saham-saham di BSKL beberapa bulan kebelakangan ini telah jelas menunjukkan ianya tidak mempunyai suatu peraturan kemajuan yang sihat dan senantiasa mudah dimanipulasikan oleh sindiket-sindiket atau individu yang berpengaruh dari segi kewangan tanpa pengetahuan atau ketidakcekan BSKL atau Suruhanjaya Sekuriti;
- (b) jika tidak benar, bagaimanakah prestasi 'Syarikat Union Paper Holdings' yang telah disenaraikan di Papan Kedua boleh membawa perkembangan yang begitu buruk hingga pelabur-pelabur kecil "terperangkap" dan mengalami kejatuhan harga yang teruk dan transaksi saham syarikatnya digantung sementara; dan
- (c) mengapakah BSKL tidak mengambil tindakan keras

(b) Faktor yang menyebabkan harga saham Union Paper (UPHB) naik melambung baru-baru ini sedang dalam siasatan oleh pihak yang berkuasa iaitu BSKL, Suruhanjaya Sekuriti, Pendaftar Syarikat dan pihak polis. Siasatan awal yang dibuat menunjukkan apa yang berlaku kepada kaunter Union Paper Holdings Berhad adalah satu perkara yang menyalahi peraturan kontrak jualan di mana setakat ini terdapat 12 penjual yang dikenalpasti melibatkan lebih 2 juta saham yang gagal diserahkan kepada pihak pembeli. Di samping itu pihak BSKL mengesyaki berlaku manipulasi dalam kaunter tersebut kerana proses pembelian ganti sijil saham oleh pihak BSKL gagal disempurnakan dan harga saham UPHB terus naik disebabkan oleh pembeli walaupun ia telah dikelaskan sebagai sekuriti bertanda. Dengan sebab itu BSKL telah memutuskan untuk menggantung kaunter tersebut. Perkara ini telah dijelaskan secara terperinci oleh BSKL pada 13hb Julai.

(c) Kementerian Kewangan percaya kes itu tidak akan menjejaskan prestasi BSKL dan ini telah dibuktikan dengan perkembangan mutakhir. Dalam kes itu juga tidak timbul soal lambat bertindak termasuk oleh BSKL kerana urusan niaga di kaunter UPHB adalah mengikut peraturan biasa sehingga berlaku kegagalan penyerahan sijil saham yang menyebabkan BSKL terpaksa bertindak. Soal naik turun harga yang luar biasa tidak dapat dikawal kerana ia ditentukan oleh

pihak pembeli dan penjual. Walau bagaimanapun, BSKL memang sedia mempunyai peraturan tertentu dalam mengawal turun naik harga tsetiap kaunter.

Saya ingin mengulangi amaran yang pernah dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan saya sendiri supaya pelabur melihat kepada asas (fundamentals) dan tidak terpengaruh kepada spekulasi yang tidak berasas.

Soalan-soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, dijawab bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Fung Kui Lun (soalan No. 29); Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng (soalan No. 41); dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (soalan No. 42).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perkembangan-perkembangan baru-baru ini di Bursa Saham Kuala Lumpur menunjukkan Bursa Saham Kuala Lumpur ialah satu kasino dan bukan satu pasaran yang sihat, yang teratur, yang adil dan transparent. Dan apakah tindakan Kerajaan atau Kementerian Kewangan akan ambil terhadap agensi-agensi pengawal semacam Bursa Saham Kuala Lumpur yang tidak bertanggungjawab, yang nampaknya sudah menjadi "apologist" short-sellers dalam kes Union Paper yang dikatakan bukan short-selling tetapi default selling dan tidak kenal siapa 12 orang itu sungguhpun seorang daripadanya ialah seorang Tan Sri yang sangat terkemuka - Yang Berhormat sendiripun tahu siapa dia. Adakah peranan ini direstui oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan adakah beliau sedar bahawa tindakan yang diambil oleh KLSE tidak adil kepada pelabur-pelabur kecil oleh kerana memihak kepada

mereka yang ada pertalian dengan orang-orang yang berpengaruh atasan dan bertanggungjawab atas skandal Union Paper ini, khususnya mengenai keputusan yang dibuat mengenai designated securities, cornering, tetap harga dan lain-lain.

Akhirnya, adakah Yang Berhormat sedar sungguhpun KLSE sudah menjadi pasaran saham yang terbesar lebih daripada Tokyo Exchange dan New York Stock Exchange oleh kerana pada bulan April, lebih daripada satu bilion saham didagang di mana banyak trading itu tidak tulen, "shortists", penyelewangan. Jadi apakah tindakan yang diambil untuk membersihkan Stock Exchange ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkembangan yang berlaku sebenarnya, sebelum apa-apa rayuan atau bantahan dibuat tiga amaran keras telah diberikan.

Pertama oleh Perdana Menteri dan kedua kenyataan berulang yang saya lakukan mengingatkan pelabur supaya membeli saham berdasarkan pertimbangan asas fundamental syarikat, track record syarikat dan tidak spekulasi atau dikaitkan dengan sesiapa. Kita memberi amaran kerana sebagai penganalisa perkembangan saham ada perkembangan saham yang melonjak, yang didapati kurang sihat.

Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pasaran saham harus sihat, transparent (telus) dan tidak terpengaruh dengan pertimbangan luar daripada itu.

Sekarang masalah Union Paper itu tidak dipertahankan. Union Paper sepertimana yang saya sebut sedang hangat diteliti dan disiasat oleh semua

badan yang dipertanggungjawabkan termasuk polis, BSKL, Suruhanjaya Sekuriti dan pendaftar syarikat.

Saya ingin memberi jaminan bahawa kita tidak melindungi sesiapa. Kalau Yang Berhormat menyebut Tan Srikah, Datokkah, Yang Mulia Rajakah, itu bukan soal atau pertimbangan di sini. Sesiapa yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke mahkamah atau dihukum mengikut peraturan biasa. Untuk diambil keputusan, sementara kes ini dalam siasatan, sukarlah saya memberikan penjelasan yang berikut.

Pelabur kecil dipertahankan dengan memberi ingatan berulang kali, pelabur besar yang terlibat juga tidak akan terselamat sekiranya mereka mengambil satu tindakan yang gopoh yang tidak melihat kepada fundamentals dan track record company.-

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa perkembangan sihat dan segar bugar pasaran saham kita disebabkan semata-mata kerana spekulasi dan bukan trading secara tulen, kerana umumnya track record dalam pasaran saham dapat dipertahankan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita semua sedia maklum, harga ataupun fair price, dengan izin, yang telah ditetapkan oleh BSKL baru-baru ini untuk maksud "buying-in", dengan izin, adalah RM15.20 setiap saham UPHB. Dengan itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah definisi "fair-price" ini dan macam mana BSKL dapat menentukan harga RM15.20 sebagai "fair-price"?

Kedua, dengan penentuan RM15.20 sebagai "fair-price" bukankah ini semata-mata hanya untuk menguntungkan

"short-sellers" telah menjual awal RM23 tetapi BSKL telah menetapkan kemudian RM15.20 supaya dapat membeli dengan harga yang lebih murah dan apabila mereka telah menjual "forward" dengan harga yang mahal.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, adakah beliau mempunyai pecuniary interest dalam Union Paper? Dan ada yang kena bakar pun! *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan yang di-Pertua, untuk rekod, saya tidak pernah ataupun tidak biasa melabur dalam UPHB. Memang saya seorang investor yang tulen. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, penentuan harga yang dianggap adil adalah dalam bidang kuasa BSKL. Dari maklumat yang diperolehi ialah kerana harga pasaran saham Union Paper itu melonjak dari sekitar RM4 sehingga RM24, pertimbangan akhir yang dibuat oleh BSKL ialah apa yang dianggap munasabah. Jadi mereka menetapkan RM15.20, tetapi harga ini tentulah setelah ditetapkan, dipertikaikan. Ada yang menganggap terlalu tinggi dan ada juga yang menganggap terlalu rendah. Cuma kita pertahankan keputusan BSKL kerana mereka anggap, setelah membuat beberapa penelitian.

Keduanya, tentang sama ada ini menguntungkan "short-sellers" atau tidak, saya jawab, sebahagiannya kalau menjual sebelum - mungkin. Tetapi ada yang membeli dengan harga lebih tinggi. Soal menguntungkan semua pihak saya tidak bersetuju, tetapi di dalam mana-mana pelaburan dalam bentuk ini tindakan terpaksa kita ambil. Cuma saya fikir, perkara ini tidak selesai di sini sahaja. Kita harus mengambil satu sikap

yang lebih bertanggungjawab dan bijaksana kerana siasatan masih diteruskan dan pihak Kerajaan telah memberikan dokongan yang penuh supaya kes Union Paper ini juga menjadi pengajaran kepada orang yang terlibat dalam usaha menipu pasaran saham.

SIASATAN MENGENAI FOREX BANK NEGARA OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan pendirian beliau di atas keenganan Bank Negara untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dalam siasatannya ke atas kerugian pertukaran asing Bank Negara dalam lingkungan RM12.8 bilion hingga RM16 bilion pada tahun lepas, di mana Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein, telah enggan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sementara Timbalan Gabenor, Tan Sri Lin See Yan telah enggan menjawab sebarang pertanyaan dengan alasan rahsia perbankan; sama ada keenganan Bank Negara untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara adalah satu penafian kepada prinsip akauntabiliti demokratik yang penting dan kedaulatan Parlimen dan sama ada beliau akan mengarahkan Gabenor Bank Negara supaya tidak mengingkari hasrat parlimen dan memberikan kerjasama sepenuh beliau kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

58. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap permintaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang meminta maklumat lanjut berhubung dengan kerugian

tukaran asing RM9.3 bilion yang dialami oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Sila berikan sebab-sebab di atas tindakan tersebut.

29.7.93

15. Dato' Haji Abdul Manan bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar setelah kontrak ke hadapan (forward contract) urusan matawang asing yang dikendalikan oleh Bank Negara matang, jumlah kerugian Bank Negara meningkat kepada RM15 bilion. Sekiranya tidak benar, berapakah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank Negara, akibat permainan spekulasi matawang asing.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya jawab sekali dengan soalan No. 58, Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang dan soalan pada 29.7.93, Y.B. Dato' Haji Abdul Manan bin Othman.

Sebenarnya, tidak benar bahawa Bank Negara Malaysia enggan memberi kerjasama kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam siasatan berkaitan rizab Bank Negara. Pihak Bank Negara telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam sesi hampir tiga jam kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Bank Negara yang bermesyuarat pada bulan Jun. Tan Sri Gabenor Bank Negara telah memaklumkan lebih awal kepada Pengerusi PAC bahawa beliau terpaksa menghadiri satu mesyuarat Gabenor-Gabenor Bank-bank Pusat di Brussels yang telah lama ditetapkan dan beliau memohon sekiranya beliau dikehendaki, supaya mesyuarat itu disesuaikan setelah beliau kembali. Mesyuarat itu diteruskan, oleh yang demikian, ia dihadiri oleh Timbalan Gabenor yang telah memberikan penuh kerjasama. Semua

soalan-soalan berkaitan dengan apa yang dianggap sebagai kepentingan nasional yang tidak boleh dikemukakan dalam sesi itu sepertimana yang tidak dapat saya kemukakan tatkala menjawab dalam perbahasan sebelum itu, itu sahaja yang tidak dijawab. Selainnya, Tan Sri Timbalan Gabenor telah memberikan maklumat yang terperinci dan yang semaksimum mungkin.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bererti bahawa apa Gabenor Bank Negara atau Timbalannya dibenarkan untuk mengutarakan dalam PAC ialah untuk mengulangi apa Yang Berhormat Menteri Kewangan ucapkan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau begitu, bukankah tidak bererti mengadakan satu PAC. Bukankah PAC itu ialah untuk mendapatkan siasatan yang lebih mendalam untuk mendapatkan bukti butiran-butiran yang lebih terperinci.

Kedua, bukankah benar sampai sekarang ini contingent liability yang ada dalam laporan Bank Negara 1992 sudah menunjukkan bahawa sekarang bukannya contingent liability tetapi sudah menjadi liabiliti yang benar oleh kerana kerugian kian bertambah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengesahkan bahawa kerugian forex Bank Negara sekarang lebih tinggi daripada apa yang dilaporkan dalam Laporan 1992?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya memaklumkan ini satu berita yang kurang baik bagi Yang Berhormat dari Tanjong. Kerugian yang dimaksudkan itu tidak berlaku dan tidak bertambah. Yang Berhormat mahu percaya atau

tidak, tetapi saya ada maklumat yang sebenar tentang keadaan tersebut. Saya juga meneliti tiap-tiap minggu perkembangan kerana masalah yang dihadapi sebelum ini. Tetapi saya ingin mengulangi kenyataan saya bahawa kita akan memberikan kerjasama di Parlimen dan juga kepada PAC tetapi tidak dapat memberikan maklumat yang akan menjejaskan seluruh perjalanan rizab Bank Negara. Ada umpamanya maklumat dan persoalan bahawa kerugian itu seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat dari PAS umpamanya, yang berulang kali mengatakan kerugian itu kerana kita terpaksa mendokong pound sterling. Kenyataannya ialah bahawa kepunyaan atau simpanan kita dalam rizab pound sterling itu paling minimum. Jumlahnya di antara yang paling kecil. Akan tetapi oleh kerana kenyataan itu tidak dapat disandarkan dengan jumlah dan angka dan data yang dibandingkan dengan matawang yang lain-lain, mereka memilih untuk mengeneipkan sahaja. Itu soal mereka. Tetapi kenyataannya ialah kerugian itu kerana kekuatan ringgit Malaysia, dan ini berlaku. Cuma perkembangan akhir ini, juga ada tanda-tanda yang membantu kita.

Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat dari Tanjong bahawa perkara ini kita teliti lebih dekat dan kita lebih waspada kerana pengalaman yang lalu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, PAC adalah sebuah committee yang paling penting yang diwujudkan di bawah Peraturan Parlimen ini sebagai satu alat untuk public accountability pihak pentadbiran ini. Sebagai bekas ahli PAC, saya tahu juga bahawa semua ahli-ahli PAC tidak kira sama ada mereka Pembangkang ataupun Kerajaan, mereka di bawah Official Secrets Act, mereka sudah menjamin kepada Jawatankuasa

ini supaya mereka menyimpan rahsia. Ini supaya memudahkan penyiasatan PAC ini. Maka kenapa Timbalan Gabenor Bank Negara pada satu ketika dalam keadaan yang begini selamat masih enggan memberikan butir-butir yang dianggap akan menjejaskan kepentingan negara ini. Kalau begini, apakah gunanya menggunakan PAC to hold the Government accountable, dengan izin. Jikalau Pengerusi PAC, Yang Berhormat dari Padang Terap seorang yang paling pandai tidak boleh memaksa Gabenor Bank Negara untuk memberi maklumat yang diperlukan sebab dia seorang Ahli Barisan Nasional, maka bolehkah Yang Berhormat Menteri yang pandai ini, yang mungkin satu hari akan datang akan menjadi Perdana Menteri, adakah beliau boleh memberi satu jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa beliau akan menghormati kedudukan PAC dalam sistem demokrasi berparlimen supaya mengarahkan Gabenor memberikan maklumat yang dikehendaki oleh PAC. Bolehkah atau tidak berbuat demikian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jaminan bahawa kita memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Parlimen dan kepada PAC dan bila dimaklumkan tentang pertemuan Jawatankuasa PAC, saya telahpun memberitahu Gabenor Bank Negara dan juga wakil-wakil Perbendaharaan untuk menghormati dan memberikan penuh kerjasama.

Saya juga tahu dalam beberapa negara tertentu di mana Gabenor Bank Pusatnya tidak dapat memberikan maklumat lebih kepada kongres dalam urusan yang sama termasuk di beberapa buah negara ASEAN. Maknanya ia tidak boleh ditafsirkan sebagai tidak menghormati PAC. Ada maklumat tambahan yang

telah diberikan dan seluruh perjalanan itu digunakan dengan sebaik mungkin untuk memberi penjelasan yang terperinci. Cuma ada beberapa keterangan yang sekiranya diberikan, itu terlalu dianggap sensitif kepada rizab kita yang sedang dalam proses. Kalau perkara itu sudah selesai, itu soal lain. Ini soal yang masih dalam "forward trading" sebagai yang disebut sebelum ini. Kita ada "forward position", dan sekiranya kita berikan maklumat, risikonya terlalu besar. Sebab itulah maka beberapa soalan itu telah tidak dapat diberikan penjelasan oleh Tan Sri Timbalan Gabenor.

PEMBERIAN GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

4. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah peruntukan-peruntukan wajib di bawah Perlembagaan Persekutuan telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun-tahun 1991, 1992 dan 1993. Jika ya, bilakah bayaran-bayaran tersebut telah dibuat, jika tidak bilakah pembayaran akan dibuat.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua pemberian geran oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 1991 dan 1992 telahpun dibayar dengan sepenuhnya. Bagi tahun 1993, pembayarannya akan dibuat selewat-lewatnya sebelum akhir tahun kewangan 1993.

SINDIKET MENJUAL BAYI LUAR NIKAH

5. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas sindiket menjual bayi luar nikah bagi pasangan Islam kepada pasangan bukan Islam yang mahukan anak angkat; dan apakah statistik mengikut negeri bagi bilangan anak luar nikah yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak ada menerima laporan dan tidak dapat mengesahkan sama ada wujudnya sindiket menjual bayi luar nikah bagi pasangan Islam kepada pasangan bukan Islam yang mahukan anak angkat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bilangan sebenar bayi yang dilahirkan di luar nikah di Malaysia tidak diketahui kerana perkara demikian jarang dilaporkan kepada pihak berkuasa. Jika sekiranya ada berlaku jual-beli bayi, maka tindakan akan diambil mengikut perbekalan undang-undang di dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 di mana orang-orang yang melakukan kesalahan akan didakwa dan, jika bersabit kesalahannya, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mengendalikan anak-anak di luar nikah secara khusus tetapi apa yang dilaporkan ke Jabatan ialah kes-kes anak-anak "buangan". Kes-kesnya telah meningkat dari tahun 1988 di mana kita ada 19 kes kepada tahun 1990 di mana kita ada 44 kes, tahun 1991 - 48 kes dan tahun 1992 - 55 kes.

**PASUKAN BOMBA DIGANGGU
OLEH "PANGGILAN
MENGACAU" (CRANK CALL)**

6. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:—

- (a) apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah "crank call" yang mengganggu pasukan bomba sewaktu menjalankan tugas; dan
- (b) sejak Mei, 1992,60 stesen bomba di seluruh Malaysia telah menerima 325,366 panggilan-panggilan palsu yang kebanyakannya dibuat oleh pelajar-pelajar sekolah, Apakah tindakan disiplin yang dikenakan ke atas mereka bagi memberhentikan masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bagi mengatasi masalah yang dipanggil "panggilan mengacau" atau "crank call" yang sering mengganggu Pasukan Bomba, Jabatan Bomba dari masa ke semasa sering mengadakan ceramah-ceramah, kempen-kempen dan pendidikan awam kepada orang ramai dalam aspek kebombaian dan sivik supaya mereka bekerjasama. Orang awam juga diingatkan supaya tidak mengganggu Jabatan ini. Mengikut Akta Bomba 1988 (Seksyen 56 dan 58), mereka yang membuat gangguan seperti panggilan palsu boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

- (ii) Jabatan Bomba pada masa ini belum mengambil apa-apa tindakan hukuman terhadap pelajar-pelajar yang terlibat. Pendekatan pendidikan kini digunakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan mengadakan ceramah, pendidikan awam, kempen-kempen mencegah kebakaran dan penubuhan kadet-kadet Bomba di sekolah-sekolah. Dengan langkah-langkah ini diharap kesedaran sivik pelajar-pelajar dan orang ramai dapat dipertingkatkan.

**DASAR TELEKOMUNIKASI
NEGARA**

7. Tuan Wong Wing On minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat mana Kerajaan berjaya merangka satu polisi atau pelan induk telekomunikasi untuk menghadapi cabaran masa depan di mana telekomunikasi akan menjadi faktor pertumbuhan sosio-ekonomi yang semakin kritikal, dan juga nyatakan dengan jelas langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk:

- (a) mempertingkatkan kuantiti dan kualiti perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar, terutamanya sistem telefon awam;
- (b) menyatakan sistem-sistem telefon kad awam yang kini terpecah kepada Uniphone dan Telekom, memandangkan sistem yang kini ada mengelirukan dan menyusahkan pengguna-pengguna;
- (c) menurunkan kos panggilan telefon antarabangsa, memandangkan Malaysia telah mempertingkatkan penyertaannya

dalam aktiviti-aktiviti sosial, ekonomi dan politik antarabangsa; dan

1992 2,842

1993 (sehingga bulan Jun) 1,055

- (d) memperluaskan kawasan liputan perkhidmatan telefon cellular, terutamanya di kawasan-kawasan terletaknya Lebuhraya Utara-Selatan (misalnya kawasan-kawasan di antara Tanjung Malim dan Bidar, Perak Darul Ridzuan) dan lebuhraya-lebuhraya yang lain.

Jumlah 5,621

Bilangan yang akan dipasang

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1993 (Dari bulan Julai)	1,595
1994	3,249
1995	3,690

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

[Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang kepentingan telekomunikasi dan peranan dalam pertumbuhan sosio ekonomi negara. Kementerian telah pun menyediakan Draf Dasar Telekomunikasi Negara untuk pertimbangan Kerajaan dan bagi penyediaan Pelan Induk Telekomunikasi. Kementerian bercadang untuk melantik Juruperunding yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk Rancangan Malaysia Keenam, Telekom Malaysia telah memperuntukkan RM1.72 bilion untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar. Dari jumlah ini RM275 juta adalah untuk pemasangan sebanyak 14,149 pondok telefon awam luar bandar. Bilangan telefon awam luar bandar yang telah dipasang ialah seperti berikut:

Telefon yang telah dipasang

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan</i>
1991	1,724

- (b) Pihak Kerajaan telah membincang dengan kedua-dua pihak yang terlibat untuk mengadakan satu Sistem Telefon Kad Awam yang serupa. Perkara ini adalah dalam pertimbangan pihak berkenaan sekarang. Pihak Kementerian akan mengambil langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini.

Walaupun demikian, keadaan ini tidak seharusnya menimbulkan masalah kepada pengguna kerana telefon awam yang menggunakan wang syiling akan terus dipasang.

- (c) Pelanggan telefon di Malaysia pada masa kini membuat panggilan antarabangsa melalui Sistem Telekom Malaysia. Pihak Kerajaan telah melesenkan CELCOM Malaysia untuk memberikan perkhidmatan yang serupa kepada pelanggan-pelanggan CELCOM. Dengan persaingan yang diperkenalkan ini adalah diharapkan pengguna-pengguna mendapat faedah yang lebih baik dari segi pilihan dan tarif yang kompetitif.

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ATUR 450 yang

dikendalikan oleh Telekom Malaysia, merupakan perkhidmatan 'nationwide' dan perkhidmatan ini dapat dinikmati di kawasan-kawasan Lebuh raya Utara-Selatan kecuali di beberapa kawasan tertentu di mana isyarat radio tidak dapat diliputi. Untuk mengatasi masalah ini, Telekom Malaysia sedang menambah bilangan 'base station' untuk tempat-tempat ini. Untuk Sistem ART 900 yang dikendalikan oleh CELCOM Malaysia, ianya dapat metiputi hampir semua kawasan di seluruh negara dan adalah harapan Kerajaan bahawa dalam 15 bulan yang akan datang, perkhidmatan ini akan meliputi semua kawasan-kawasan strategik memandangkan pihak Kerajaan telah melesenkan CELCOM untuk mengendalikan Sistem Perhubungan 'Digital Micro-wave'.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Menteri berkenaan, berkenaan dengan secrecy dalam perbualan telefon, sama ada terutama sekali di bawah sistem ATUR yang mana perbualan yang sedang dibuat di antara satu pihak dengan satu pihak, boleh dicuri dengar oleh pihak-pihak yang ketiga. Apakah tindakan, apa nasihat yang boleh diberi oleh Menteri berkenaan untuk mengadakan keyakinan umum kepada service telefon ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dengan undang-undang yang sedia ada tidak ada pihak yang boleh mendengar perbualan dalam telefon daripada pihak yang lain tanpa kebenaran daripada Polis. Jikalau ada arahan-arahan Polis barulah 'recording' boleh dijalankan oleh Telekom Malaysia

Berhad Selain daripada itu kita tidak ada kuasa.

Saya percaya, kita boleh juga dengar suara-suara oleh kerana, dengan izin, line contact satu sama lain. Tetapi nasihat daripada saya, apabila kita tahu orang dengar, lebih baik kita panggil balik sekali lagi. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos apakah Kementerian Yang Berhormat membuat kajian yang teliti terutamanya keperluan telefon awam di kawasan bandar dan juga luar bandar, kerana kita dapati kerosakan telefon yang berlaku ialah oleh kerana telefon-telefon yang diletakkan ini tidak di tempat yang strategik, dan satu lagi tidak mencukupi. Contohnya, kalau di luar bandar, satu talian diletak, manakala penggunaanya ramai. Dan apabila seorang pengguna mengguna telefon sampai setengah jam, maka yang lain terpaksa menanti - tunggu begitu lama. Akhirnya, sesudah yang mengguna itu lama, dan yang kemudian guna telefon itu geram pada pengguna yang pertama, maka telefon itu dihentam, sebab lama sangat menunggu giliran. Oleh itu, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk memasang telefon di luar bandar sekurang-kurangnya dua, tiga talian serentak, iaitu menggunakan syiling dengan kad sekali supaya mencukupi untuk digunakan oleh pengguna-pengguna. Saya dapati iaitu kemudahan telefon mudah rosak oleh kerana tidak mencukupi dan pengguna naik marah kerana terpaksa menunggu giliran yang lama, maka akhinya telefon itu dijadikan mangsa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, seperti apa saya jawab tadi, ada juga lebih kurang 15,000 telefon akan dipasang oleh Telekom Malaysia sahaja.

Selain daripada itu, syarikat-syarikat swasta memasang beberapa ribu telefon di tempat-tempat yang sedia ada telefon sekarang. Saya mengarah mereka untuk mengadakan lebih daripada satu telefon iaitu - satu dengan syiling dan satu lagi dengan kad. Di tempat-tempat tertentu, Ahli Yang Berhormat boleh melihat tiga atau empat telefon telah dipasang. Jika ada juga kawasan-kawasan yang mana Yang Berhormat percaya tidak mencukupi dengan perkhidmatan Telekomunikasi ini, boleh lapor kepada kita, untuk tindakan selanjutnya.

GARIS PANDUAN TANDA 'HALAL'

8. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwat Pengguna menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai garis panduan sebagai jaminan kepada para pengguna Islam bahawa makanan yang bertanda 'halal' benar-benar halal di sisi Islam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan bukan sahaja menyediakan garis panduan, tetapi menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan penggunaan perbahasan 'halal' pada atau berhubung dengan makanan untuk menjamin makanan yang bertanda 'halal' benar-benar halal di sisi hukum syarak.

Undang-undang berhubung dengan penggunaan perbahasan 'halal' ialah

Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan "Halal") 1975. Umumnya, undang-undang ini memberi takrifan khusus kepada perbahasan 'halal' dan melarang penggunaan perbahasan 'halal' kepada atau berhubung dengan apa-apa makanan, kecuali makanan itu mendapat takrifan yang telah ditetapkan.

Bagi memudahkan orang ramai, khususnya pengusaha makanan memahami dan mematuhi undang-undang ini, Bahagian Hal Ehwat Islam, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan garis panduan, iaitu "Garis Panduan Makanan, Minuman dan Bahan Gunaan Orang Islam." Garis panduan ini disediakan dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina. Bahagian itu juga mengeluarkan sijil pengesahan 'halal' untuk membantu pengusaha menentukan kesahihan halal mengenai makanan yang mereka bekalkan dan juga para pengguna bagi menyakinkan dengan penggunaan tanda-tanda 'halal'.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah tangkapan yang telah dibuat tentang kesahihan perkataan 'halal' ini sejak undang-undang itu dikuatkuasakan? Adakah Kerajaan sedar bahawa banyak restoran yang telah mencampurkan barang-barang makanan yang halal dengan tidak halal, dan begitu juga dengan hotel-hotel yang bertaraf lima bintang.

Soalan yang terakhir, adakah Kerajaan bercadang untuk tidak membenarkan perkataan 'halal' bagi restoran-restoran yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha yang bukan Islam, demi bagi mengelakkan perasaan was-was terhadap pengguna-pengguna Islam.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi bilangan kes yang telah diambil semenjak perintah dikuatkuasakan tahun 1975, sehingga kini ialah sebanyak 53 kes semuanya, dan denda yang telah dikenakan kepada mereka yang terlibat ialah sebanyak RM57,735.00.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, iaitu hotel-hotel dan tempat-tempat yang lain yang dikatakan mencampuradukkan barang-barang yang halal dengan yang haram dan sebagainya, pihak Kementerian dan juga Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri ingin mendapatkan maklumat berkenaan perkara ini. Jika kita dapat maklumat, pemeriksaan akan dibuat supaya tindakan selanjutnya boleh diambil.

Berkaitan dengan soalan yang ketiga, sama ada Kerajaan ingin mengharamkan penggunaan perbahasan 'halal' di restoran-restoran tempat lain yang diuruskan oleh orang bukan Islam, kita tak cadang berbuat demikian, kerana sesiapa juga yang menggunakan perbahasan ini mestilah mengikut perintah dan garis panduan yang telah dikeluarkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tarabahan. Setakat mana penyelewengan yang dihebohkan baru-baru ini iaitu bebola ikan atau fish ball mengandungi campuran daging khinzir, dan kalau ianya benar, bagaimana usaha mengatasi perkara ini dan bagaimana untuk mengembalikan keyakinan umat Islam untuk memakan semula bebola ikan yang diberitakan tercemar dengan daging khinzir? Saya minta penjelasan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan

berkaitan dengan perkara ini telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya fikir Kementerian akan menjawabnya semasa menjawab soalan yang berkenaan.

PUNCA NAHAS SKYVAN — LAPORAN SIASATAN

9. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan memberhentikan buat sementara waktu perkhidmatan pesawat Skyvan yang sedang beroperasi di Malaysia atas sebab bahawa siasatan terhadap punca nahas udara yang berlaku di Long Seridan, Baram, Sarawak pada 3hb September, 1991 dan di Sumatera, Indonesia baru-baru ini belum lagi dikenalpasti, iaitu sama ada berpunca atas sebab kecuaihan pihak pengeluar ataupun kelalaian pihak juruterbang dan syarikat penerbangan atau punca-punca lain; dan
- (b) bilakah siasatan terhadap nahas udara Skyvan di Long Saridan, Baram, Sarawak dan laporan mengenainya akan siap dan adakah laporan tersebut akan diumumkan untuk pengetahuan orang ramai.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pengangkutan buat masa ini tidak bercadang memberhentikan perkhidmatan Skyvan atas sebab siasatan terhadap punca nahas-nahas udara tersebut belum selesai. Untuk

makluman Yang Berhormat, perkhidmatan sesuatu jenis pesawat hanya akan diberhentikan jika siasatan mendapati keadaan tidak sempurna (defects) di semua pesawat yang sama jenisnya.

- (b) Siasatan nahas udara Skyvan di Long Seridan, Sarawak pada 3hb September, 1991 masih berjalan. Laporan hanya dapat disediakan selepas siasatan selesai. Keputusan sama ada laporan nahas tersebut akan diumumkan kepada orang ramai atau tidak, akan hanya dapat dibuat selepas laporan diterima.

SKIM PINJAMAN CETI HARAM NINJA

10. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian telah membuat penyiasatan mengenai skim pinjaman haram yang dikenali dengan nama Skim Pinjaman Ninja;
- (b) kalau sudah, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil;
- (c) adakah Kerajaan juga bercadang untuk mengenakan tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan haram ini; dan
- (d) selain dari itu, apakah Kementerian mempunyai apa-apa cadangan untuk mengadakan skim pinjaman khusus untuk usahawan kecil di luar bandar dan di rancangan tanah FELDA untuk menghindari dan mengatasi masalah ini.

28.7.93

34. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membanteras-kan kegiatan 'ceti haram' yang beroperasi dengan begitu luasnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai yang dijadualkan pada 28.7.1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan pemberi pinjaman tanpa lesen yang sah adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Pemberi Pinjamanwang 1951, yang hanya boleh disiasat dan diambil tindakan oleh pihak Polis.

Kementerian Kewangan difahamkan bahawa kegiatan tersebut sedang diawasi oleh pihak Polis. Di Pahang, misalnya, sebanyak 10 laporan Polis telah dibuat dalam tahun 1992 dan bagi tempoh dari bulan Januari hingga Jun, 1993 sebanyak 3 laporan Polis telah dibuat oleh orang awam. Kesemua kes itu sedang di dalam penyiasatan pihak Polis. Bagi memastikan para usahawan dan peniaga kecil boleh mendapat sumber pembiayaan yang mudah untuk menjalankan kegiatan ekonomi mereka, Kerajaan sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan supaya skim-skim pinjaman yang sedia ada dapat dinikmati oleh semua peringkat dan golongan usahawan kecil di negara ini.

Di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan sekarang, termasuklah

mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak Bank dan wakil-wakil Persatuan Perniagaan bagi memastikan bahawa skim-skim pinjaman dapat disalurkan dengan lebih meluas dan mudah kepada para usahawan kecil termasuk peniaga dan penjaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara skim-skim pinjaman yang sedia ada sekarang termasuklah Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil yang dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Bhd. (CGC).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Adoption Scheme, iaitu skim Anak Angkat Peniaga Kecil kepada sekurang-kurangnya 5 peniaga kecil oleh tiap-tiap cawangan Bank. Jika boleh, mereka diperlukan untuk menjamin di antara satu sama lain. Kita mempunyai 1,100 cawangan Bank untuk menggunakan skim ini dan kita bercadang untuk menyampaikan kemudahan pinjaman kepada 5,500 peniaga kecil dalam masa 3 bulan akan datang.

Kemudian, kita juga mempunyai skim Pinjaman Khas Persatuan yang dikendalikan oleh CGC, yang sedang mengkaji semula persatuan-persatuan yang digantung kuasanya dan mempunyai kegagalan 30% yang diberi semula kuasa kepada mereka untuk meluluskan pinjaman kepada ahli-ahli mereka.

Kita juga sedang menjalankan sejenis pinjaman penjaja dan peniaga kecil menerusi pendekatan Amanah Ikhtiar Malaysia oleh CGC. Kini 10 kumpulan di Jalan Ipoh/Sentul dan Kota Tinggi telah lulus "Ujian Pengesahan Kumpulan" ini dan sedang diproses kepada kumpulan ini. Pendekatan ini

akan diperluaskan ke kawasan lain iaitu menggunakan pendekatan Amanah Ikhtiar Malaysia melalui pendekatan sahabat di antara peminjam-peminjam.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar sebab-sebab berlakunya skim pinjaman haram ini ialah kerana kesukaran untuk mendapatkan pinjaman daripada sumber-sumber yang sah. Jadi, setiap kali kita mendengar jawapan ataupun jaminan daripada pihak berkuasa, terdapat banyak skim-skim pinjaman, tetapi sebahagian besar peniaga-peniaga kecil tidak accessible kepada skim pinjaman ini, kerana terdapat halangan-halangan dan syarat-syarat tertentu yang tidak membolehkan mereka meminjam, tetapi dari segi publisitinya, memang terdapat secara besar-besaran bahawa pinjaman ini mudah diperolehi. Oleh sebab itu, sebahagian besar daripada mereka ini kecewa dengan jaminan-jaminan tersebut dan mereka terus pergi kepada peminjam yang mudah diperolehi, walaupun ia secara haram.

Jadi, adakah skim-skim yang telah disebutkan tadi benar-benar beroperasi dan mudah diperolehi oleh peniaga-peniaga kecil?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kewangan sentiasa mengesan apa yang sebenarnya berlaku di peringkat bawahan untuk memelihara kepentingan peminjam secara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang terakhir yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan melalui CGC ialah:

- (i) Mengarahkan kepada CGC supaya setiap cawangan Bank,

iaitu sebanyak 1,100 cawangan bank yang ada berniaga melalui CGC supaya menyampaikan 5 pinjaman setiap cawangan dalam masa tiga bulan. Ini bermakna datam masa tiga butan akan datang kita akan menyalurkan pinjaman kepada lebih kurang 5,500 peniaga-peniaga kecil. Ini sebenarnya adalah bertujuan untuk menterjemahkan program ini di peringkat pelaksanaannya.

- (ii) Pihak Kementerian Kewangan juga mengarahkan kepada CGC untuk menggunakan pendekatan Amanah Ikhtiar Mataysia (AIM), melalui pendekatan sahabat di antara peminjam-peminjam. Pendekatan ini agak teruji dari segi keberkesanannya untuk menyampaikan kemudahan pinjaman dan juga untuk pihak peminjam mendapatkan balik pinjaman-pinjaman. Jadi, jika sekiranya masyarakat meminjam adalah untuk tujuan perniagaan, maka ini adalah kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan melalui CGC dan Bank-bank yang kita harap sebenarnya dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 59 adalah diberi di bawah ini]

BANJIR — FAKTOR PENYEBAB DAN LANGKAH MENGATASI

Tuan Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan peruntukan untuk

projek-projek tebatan banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Sila senaraikan projek-projek tersebut. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan banjir tersebut terutamanya banjir teruk yang dianggap tidak boleh dielakkan. Apakah langkah-langkah yang boleh di ambil untuk mencegah banjir tersebut.

Perdana Menteri: Di bawah Rancangan Malaysia Ke-6, peruntukan sejumlah RM91.7 juta telah disediakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang, RM20 juta bagi Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan RM10 juta bagi program kecil Membuang Kelodak di bawah program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang.

Pembangunan pesat yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur dalam tempoh 10 hingga 20 tahun yang lalu telah mengakibatkan kejadian banjir semakin meningkat daripada segi kekerapan dan ketenatannya. Kejadian banjir di Kuala Lumpur boleh dikategorikan dalam dua jenis iaitu banjir kilat dan banjir besar (teruk). Punca-punca fizikal yang menyebabkan banjir besar ialah:

- (i) koridor untuk rizab sungai yang terhad melalui pusat Bandaraya, yang menghadkan saiz dan keupayaan saluran sungai;
- (ii) sekatan aliran disebabkan oleh jambatan-jambatan lama yang sempit dan rendah;
- (iii) pengelodakan saluran sungai akibat hakisan dari skim-skim pembangunan tanah;
- (iv) tapak-tapak perkampungan dan setinggan sepanjang pinggir

sungai yang menghalang kerja-kerja pembaikan dan pembesaran saluran sungai;

- (v) aliran balik melalui saluran-saluran keluar parit induk akibat paras air yang tinggi di sungai.

Untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan Lembah Sungai Klang beberapa projek penyaluran, pembaikan dan mendalamkan sungai-sungai sedang dijalankan di bawah program Rancangan Tebatan Banjir Lembah Sungai Klang, Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan dan Program 10 Tahun Pembersihan Sungai Klang.

Pada masa ini, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang mengkaji semula keseluruhan aspek projek Tebatan Banjir, Rancangan Perparitan dan Program 10 Tahun yang telah dan sedang dilaksanakan dan mengenalpasti kawasan-kawasan di mana pelaksanaan projek mencegah perlu dipercepatkan dan diberi keutamaan. Pada masa yang sama kerja-kerja membuang kelodak di Sungai Klang dari Jambatan Lebuh raya Persekutuan hingga Jambatan Jalan Puchong sepanjang 17 km dengan kos RM3.9 juta sedang dijalankan. Perancangan sedang dijalankan bagi kawasan hilir Sungai Klang daripada Jambatan Jalan Puchong ke Kuala Sungai Klang dan kerja-kerja ukur dijangka siap tahun ini.

KAD PENGENALAN MERAH — KRITERIA PEMEGANG

12. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kriteria pemegang kad pengenalan merah yang boleh memohon menjadi warganegara Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua. Kriteria pemegang kad pengenalan merah yang boleh memohon menjadi Warganegara Malaysia ialah bergantung kepada tempoh kemastautinannya di negara ini. Bagi isteri kepada warganegara, tempoh kemastautinannya ialah dua tahun atau lebih dan bagi pemohon yang berumur 21 tahun ke atas tempoh kemastautinannya ialah 12 tahun atau lebih. Manakala mereka yang lahir di negara ini sebelum hari kemerdekaan tempoh kemastautinannya ialah tujuh tahun atau lebih.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK — JUMLAH KAKITANGAN

13. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah kakitangan-kakitangan di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sarawak;
- (b) Purata jumlah kekosongan yang diproses oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sarawak setiap bulan;
- (c) Sama ada sedar bahawa beberapa kekosongan memerlukan masa hampir 9 bulan untuk diproses sebelum pengesahan sehingga menyebabkan kerumitan serta kekosongan jawatan yang berpanjangan di dalam badan-badan Kerajaan dan mengurangkan kecekapan badan-badan Kerajaan; dan
- (d) Sama ada Kerajaan dapat mempertimbang untuk mewakili pihak berkuasa bagi mengesah kekosongan kepada

badan-badan Kerajaan yang terbabit agar kekosongan dapat diisi dengan sempurna supaya:-

- (i) kerja badan-badan Kerajaan yang terbabit tidak terganggu disebabkan oleh kekurangan kakitangan; dan
- (ii) rakyat Malaysia yang berkelayakan profesional tidak akan mencari pekerjaan di negara jiran kerana lama menanti pengesahan jawatan yang dipohon oleh mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:

- (a) Bilangan kakitangan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Urusetia Cawangan Sarawak adalah seramai 36 orang.

(Tambahan: 4 orang anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

32 orang anggota dalam Perkhidmatan Sokongan).

- (b) Purata jumlah kekosongan yang diproses oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sarawak adalah sebanyak 40 kekosongan setiap bulan.
- (c) Proses untuk mengisi setiap kekosongan mengambil masa selama 17 minggu mulai dari tarikh jawatan berkenaan diiklankan. Setiap kekosongan perlulah mendapat kelulusan Agensi Pusat sebelum ianya dapat diiklankan dan masalah timbul

sekiranya kekosongan berkenaan belum lagi mendapat kelulusan Agensi Pusat.

- (d) Adalah menjadi tanggungjawab jabatan berkenaan untuk mengesahkan kekosongan di jabatan masing-masing, dan jabatan-jabatan berkenaan juga bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan Agensi Pusat sebelum kekosongan itu dapat diisi. Kerajaan telahpun, menurunkan kuasa kepada jabatan-jabatan untuk mengisi kekosongan dalam beberapa jawatan dalam kumpulan sokongan.

**LESEN 'SIPUT RETAK SERIBU'
— SYARAT PEMBERIAN**

14. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pertanian menyatakan apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian untuk pemberian lesen 'Siput Retak Seribu'. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pemberian lesen tersebut lebih banyak mendatangkan keburukan dari kebaikan seperti merosakkan benih-benih ikan, pencemaran dan menggugat keindahan alam. Jika sedar, apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menamatkan lesen Siput Retak Seribu ini yang telah dikeluarkan di seluruh negara.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Sanusi bin Junid]: Saya suka memaklumkan bahawa di antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian untuk lesen Siput Retak Seribu seperti berikut:

- (a) kawasan tangkapan siput ialah di perairan 5 batu dari pantai;

- (b) vesel penangkapan ikan yang hendak digunakan hendaklah dimiliki dan diusahakan sendiri oleh Ahli Persatuan Nelayan Tempatan;
- (c) jenis vesel yang boleh digunakan ialah vesel penangkapan ikan tradisi yang mempunyai lesen yang sah dan bermuatan tidak melebihi 25 GRT;
- (d) hasil tangkapan hendaklah didaratkan di pangkalan yang ditetapkan;
- (e) waktu operasi adalah di antara jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam;
- (f) pekerja vesel hendaklah 100% warganegara Malaysia;
- (g) vesel tidak boleh ditukar ganti dengan vesel baru.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah menjalankan beberapa siri kajian untuk mendapatkan maklumat saintifik mengenai biologi, sumber, mutu air, ekonomi dan lain-lain lagi berhubung dengan operasi vesel Siput Retak Seribu. Adalah didapati bahawa aktiviti penangkapan Siput Retak Seribu setakat ini tidaklah banyak menyebabkan perubahan kepada kumpulan-kumpulan ikan yang ditangkap oleh nelayan-nelayan tradisi. Pada keseluruhannya status sumber perikanan seperti ketam, ikan dan udang yang menjadi tangkapan utama bagi nelayan-nelayan tradisi tidak terjejas walaupun terdapat aktiviti penangkapan Siput Retak Seribu. Penggunaan alat tangkuk tunda untuk menangkap siput itu boleh menyebabkan perubahan kepada dasar laut kerana peralatan berkenaan mengorek ke dalam lumpur. Walau

bagaimanapun perubahan "suspended solid" dan kekeruhan air yang berlaku adalah kecil dan tidak membimbangkan setakat ini. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa pengeluaran lesen menangkap Siput Retak Seribu lebih mendatangkan keburukan dari kebaikan adalah tidak benar.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perikanan sentiasa mengawasi kegiatan vesel-vesel menangkap Siput Retak Seribu dan menjalankan kajian ke atas sumber siput tersebut dari masa ke semasa. Sekiranya didapati keadaan sumber siput ini tidak lagi mengizinkan pengeluaran lesen berkenaan atau pengusaha-pengusaha melanggar syarat-syarat perlesenan yang dikenakan, maka Kementerian Pertanian berhak menarik balik dan sekaligus membatalkan lesen-lesen tersebut.

JABATAN PENERBANGAN MALAYSIA—SIASATAN KES SHAMSUL RAMLI

15. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sudahkah penyiataan ke atas kes Shamsul Ramli yang ditemui mati di dalam ruang tayar pesawat 747-200 Penerbangan Malaysia di Johannesburg pada 15hb. Mac 1993 selesai. Jika ya, adakah Kementeriannya bercadang mengumumkan keputusan siasatan, jika belum, bilakah penyiataan dijangka dapat selesai; dan
- (b) berapakah orang kakitangan/pengawal Penerbangan Malaysia, Jabatan Penerbangan Malaysia dan Malaysia Airport Berhad dikenakan tindakan tatatertib bersabit dengan kejadian tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
[Datin Hajah Zaleha binti Ismail]:**

- (a) Penyiasatan mengenai kes Shamsul Ramli yang ditemui mati dalam ruang tayar pesawat 747-200 Penerbangan Malaysia di Johannesburg pada 15 Mac 1993 masih sedang dijalankan. Penyiasatan tersebut adalah dalam peringkat akhir dan dijangka selesai dalam masa tidak lama lagi.
- (b) Soalan ini tidak berbangkit buat masa ini kerana siasatan belum selesai lagi. Walau bagaimanapun jika didapati kakitangan yang cuai dalam menjalankan tugas mereka, tindakan tatatertib akan diambil.

**MAJLIS UNIYERSITI—
BIDANGKUASA**

16. Dr. Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat manakah bidang kuasa Majlis Universiti untuk membuat keputusan mengenai segala sesuatu yang berhubung dengan perjalanan Universiti;
- (b) benarkah, Majlis Universiti telah hilang kuasa autonominya. Kalau tidak, nyatakan kuasa autonomi yang masih dimiliki; dan
- (c) pemahkah Kementerian mendapat cadangan bertulis dari mana-mana pihak bagi memperkemas kuasa Majlis Universiti. Jika ada, apa langkah yang telah diambil.

Menteri Pendidikan [Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Daud]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis

adalah merupakan badan kerja bagi Universiti dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberi kepada Universiti berdasarkan kepada Perlembagaan Universiti, Status, Akta dan Peraturan-peraturan Universiti. Buat masa sekarang terdapat 18 kuasa universiti yang digariskan di dalam Perlembagaan Universiti yang meliputi pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan peraturan/tatatertib universiti,

Majlis Universiti diwakili oleh pelbagai agensi yang berkaitan seperti JPA, Perbendaharaan, Kementerian Pendidikan, Peguam Negara, termasuk juga ahli-ahli yang dilantik oleh Raja/Gabenor, Majlis Raja-Raja, Yang di-Pertuan Agong dan Senat. Dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Majlis selaku badan kerja tertinggi universiti dan ahli-ahli yang menganggotai Majlis berkenaan, maka soal Majlis hilang kuasa tidak timbul langsung.

. Setakat ini Kementerian belum lagi pernah menerima cadangan dari mana-mana pihak untuk memperkemas kuasa Majlis Universiti.

**PERJANJIAN PERSEFAHAMAN
DI ANTARA KERAJAAN
MALAYSIA DAN PERANCIS**

17. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Pertahanan menyatakan mengenai Perjanjian Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Perancis yang ditandatangani di Paris pada pertengahan Jun 1993 ini dari segi:

- (a) butiran perjanjian;
- (b) kepentingan perjanjian dibuat;
- (c) persetujuan yang dicapai oleh kedua pihak; dan

(d) kos perbelanjaan yang terlibat.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:

- (a) Butiran perjanjian mengenai kerjasama pertahanan antara Kerajaan Malaysia dan Perancis meliputi aspek-aspek kerjasama dua hala di bidang ketenteraan, industri pertahanan dan peminahan teknologi,
- (b) Perjanjian ini dibuat untuk menjaga kepentingan negara di bidang pertahanan melalui dasar menjalin hubungan dua hala yang terbaik-baik.
- (c) Persetujuan yang dicapai oleh kedua pihak adalah mengenai perkara-perkara yang saya nyatakan di (a).
- (d) Kos perbelanjaan yang terlibat hanyalah bagi menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang ditubuh di Paris.

BANK PERUMAHAN — KAJIAN PENUBUHAN

18. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah perkembangan kajian untuk menubuh sebuah Bank Perumahan. Apakah fungsi yang telah dikenalpasti bagi urusan bank tersebut. Adakah segala masalah perumahan dapat di atasi selepas bank tersebut dapat ditubuhkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan satu kertas cadangan bagi penubuhan Bank Perumahan. Tujuan utama penubuhan

bank ini ialah untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan kos rendah dan sederhana rendah bagi pembeli dan pemaju dengan kadar yang munasabah. Bank ini dijangka akan dapat menyediakan kemudahan dan menggerakkan tabung orang ramai di sektor perumahan. Kertas ini akan dibincangkan dengan agensi-agensi pusat yang berkaitan seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan sebelum ianya dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Memandangkan pembiayaan kewangan merupakan salah satu masalah perumahan, cadangan penubuhan bank ini sekurangnya dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan punca kewangan.

LEBUHRAYA KL/SEREMBAN — KOS PEMBINAAN

19. Dato' Basri bin Bajuri minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah kos pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur — Seremban dan bilakah mula dibuka;
- (b) berapakah kos senggaraan dan pengubahsuaiannya serta bilakah dijangka pengubahsuaian yang sedang dilakukan akan siap; dan
- (c) berapakah jumlah kutipan tol yang telah dikutip setakat 30 Jun 1993, bagi lebuhraya tersebut.

Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

- (a) Kos pembinaan asal Lebuhraya Kuala Lumpur — Seremban semasa di bawah jajaan JKR

ialah RM97 juta. Lebuhraya ini telah dibuka kepada lalulintas dalam bulan Julai tahun 1978.

Lebuhraya ini kemudiannya diambilalih oleh LLM dalam tahun 1982. Kos untuk kerja-kerja pemulihan jalan dan perparitan serta pembinaan persimpangan-persimpangan bertingkat dan plaza-plaza tolnya ialah RM98 juta. Kerja-kerja ini siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 1985.

- (b) Di bawah perjanjian konsesi Lebuhraya Utara — Selatan yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dengan UEM (M) Bhd. pada 18.3.1988, bahagian Lebuhraya Kuala Lumpur — Seremban telah diserahkan kepada PLUS Bhd., untuk penyelenggaraan dan pemungutan tol. Kos penyelenggaraan dan naiktaraf lebuhraya ini oleh PLUS Berhad ialah RM209.8 juta dan dijangka siap pada bulan Oktober 1993.
- (c) Jumlah kutipan tol semenjak pungutan tol dimulakan oleh LLM dalam tahun 1982 sehingga 30 Jun 1993 di plaza-plaza tol di sepanjang Lebuhraya KL — Seremban ialah RM275.4 juta.

**HOSPITAL KERAJAAN —
MENGATASI KELALAIAN
DOKTOR**

20. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes kelalaian doktor di hospital-hospital umum secara amnya dan khasnya di Sarawak pada tahun 1992 dan 1993;

- (b) berapakah kes telah dibawa ke mahkamah dan jumlah pampasan yang sudah dibayar pada 1992 dan 1993; dan

- (c) apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengelakkan dan mengatasi kes ketalaian ini dihospital umum.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:

- (a) Secara amnya terdapat 8 kes kecuaiian oleh pihak hospital-hospital umum yang terbukti pada tahun 1992 dan 2 kes bagi tahun 1993. Tiada kes kecuaiian terbukti didapati di Sarawak sepanjang tahun 1992 sehingga Jun 1993.

- (b) Terdapat 19 kes pertuduhan kecuaiian ("alleged negligence") difailkan sepanjang tahun 1992 dan bagi tahun ini sehingga Jun 1993, terdapat 12 kes telah difailkan. Sebanyak RM373,118.20 gantirugi (termasuk kos) telah dibayar pada tahun 1992 dan RM130,050 bagi tahun 1993.

- (c) Bagi menghindari berlakunya kecuaiian di hospital-hospital Kerajaan. Kementerian ini sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran dan budaya kerja cemerlang kakitangannya. Langkah-langkah yang diambil antaranya:

- (i) Mewujudkan dan melaksanakan garis-garis panduan, protokol-protokol pengendalian rawatan;
- (ii) Menganjurkan seminar, kursus dan latihan dalam

perkhidmatan untuk kakitangan mengenai pengendalian rawatan;

- (iii) Melaksanakan program "Quality Assurance" dengan izin, untuk memastikan perkhidmatan rawatan perubatan menepati sasaran piawai yang ditetapkan, dan
- (iv) Memperkemas bimbingan, pengawasan dan penyeliaan kakitangan oleh pakar-pakar dan pegawai atasan.

PINJAMAN PERNIAGAAN MARA

21. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab pengeluaran pinjaman kewangan oleh MARA kepada Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia walaupun ahli persatuan dikatakan menghadapi kesulitan mendapatkan pinjaman Syarikat Jaminan Kredit menerusi bank perdagangan di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pinjaman perniagaan oleh MARA tidak memberi keutamaan kepada Bumiputera yang menjadi persatuan ataupun sebaliknya. Semua permohonan adalah diberi pertimbangan yang sama berasaskan syarikat-syarikat pinjaman yang tertentu. MARA juga tidak mengambilkira sama ada pemohon berkenaan pernah membuat permohonan pinjaman CGC dan telah ditolak ataupun tidak. Skim pinjaman perniagaan MARA adalah lebih berorientasikan kepada pembangunan usahawan manakala skim yang diuruskan oleh bank-bank perdagangan menekankan aspek komersial.

INSURANS BAGI DOKTOR SWASTA — BENTUK PERUNDANGAN

22. Dato' Hj. Mohd Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kerajaan untuk mengenakan perlindungan insurans bagi doktor swasta;
- (b) adakah perlindungan insurans tersebut dimestikan sebelum seseorang doktor memulakan kliniknya;
- (c) bilakah cadangan tersebut akan dikuatkuasakan melalui undang-undang; dan
- (d) apakah bentuk perlindungan insurans yang dinikmati oleh doktor-doktor Kerajaan sekarang ini.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a), (b) & (c) Doktor-doktor swasta kebanyakannya mempunyai perlindungan insurans. Dengan yang demikian buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengenakan perlindungan insurans kepada doktor-doktor swasta. Pada masa ini tidak ada undang-undang yang memerlukan seseorang doktor mengambil perlindungan insurans sebelum membuka klinik.
- (d) Tidak ada perlindungan insurans yang dinikmati oleh doktor-doktor Kerajaan sekarang.

TV4 — SYARIKAT PENGENDALI

23. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) nama 9 syarikat yang menyertai tawaran untuk mengendalikan TV4 dan nama 4 syarikat yang terpilih untuk menjadi konsortium untuk mengendalikan projek ini;
- (b) harga tawaran yang ditawarkan oleh setiap syarikat tersebut;
- (c) apakah kriteria yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memilih 4 syarikat itu; dan
- (d) mengapa pancaran TV4 hanya dihadkan dalam Lembah Kelang sahaja.

Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]: Nama 9 buah syarikat yang telah mengemukakan tender mereka bagi menubuhkan TV4 adalah seperti berikut:

- (a) Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.
- (b) Berjaya Group Berhad.
- (c) Diversified System Sdn. Bhd.
- (d) Metropolitan TV Sdn. Bhd.
- (e) Nanyang Press (Malaysia) Berhad.
- (f) Company Director: En. Mustafa bin Haji Saman.
- (g) Medanmas Sdn. Berhad.
- (h) Kemasrunding Sdn. Berhad.
- (i) Redifussion Group Sdn. Berhad; dan
- (j) Telekom Malaysia @erhad.

Mengenai harga tawaran setiap syahkat dan kriteria yang digunakan oleh Kementerian didalam memutuskan tender ini, saya fikir adalah tidak wajar butiran-butiran tersebut dinyatakan sekarang, menimbangkan jawatankuasa tender Kementerian sedang dalam proses menimbang dan memutuskan tender tersebut. Namun begitu saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Penerangan bercadang untuk membenarkan TV4 ini dikendalikan oleh sebuah konsortium yang terdiri daripada beberapa buah syarikat yang telah memohon. Menimbangkan TV4 mungkin merupakan lesen TV swasta terakhir yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Saya tidak dapat menyebut nama-nama syarikat yang akan menganggotai konsortium ini kerana perkara ini masih didalam pertimbangan jawatankuasa tender.

Kerajaan telah memutuskan bahawa perkhidmatan TV4 ini adalah dihadkan di kawasan Lembah Kelang menimbangkan bahawa 50% daripada jumlah 2 juta isi rumah yang mempunyai TV terdapat di kawasan ini. Sambil itu Kerajaan merasa wajar ditambahkan lagi perkhidmatan TV di Lembah Kelang atas asas permintaan atau 'demand' oleh penduduk-penduduk dan juga atas keperluan pihak swasta yang ingin memasarkan barang-barang dan perkhidmatan mereka. Ia juga bertujuan bagi membantu industri pelancongan yang sedang pesat berkembang di Lembah Kelang.

**SJK(C) DI WILAYAH
PERSEKUTUAN — KESESAKAN
DI BILIK DARJAH**

24. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada sedar kesesakan dalam bilik darjah di sekolah-

sekolah Jenis Kebangsaan (C) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disebabkan menampung ramai murid, Nyata juga:

- (a) sama ada Kerajaan akan membina beberapa buah sekolah rendah jenis kebangsaan (c) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mengatasi kesesakan ini; dan
- (b) sama ada pihak swasta dipelawa untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Cina di Wilayah Persekutuan.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan keperluan menyeluruh di sesuatu kawasan itu setelah mengambil-kira beberapa perkara. Antaranya ialah tidak terdapat sekolah di kawasan yang berkenaan dan kawasan-kawasan yang berhampiran, sekolah-sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan berkenaan, tidak ada rancangan untuk menambah bangunan atau bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan-kawasan berkenaan dan adanya peruntukan kewangan untuk projek berkenaan.

Berdasarkan alasan di atas, Kerajaan belum bercadang untuk menambah bilangan SRJK(C) di sekitar Wilayah Persekutuan.

- (b) Buat masa ini Kementerian Pendidikan belum ada cadangan untuk mempelawa pihak swasta membina sekolah-sekolah Cina di Wilayah Persekutuan.

INSTITUT JANTUNG NEGARA — RAWATAN PERCUMA

26. Tuan Ahmad Nor minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) siapakah orang-orang yang diberi rawatan percuma dan ditanggung oleh Kerajaan sepenuhnya apabila dimasukkan ke Institut Jantung Negara; dan
- (b) bagaimana dan apakah syarat-syarat yang ditetapkan bagi pesakit-pesakit yang miskin untuk mendapat rawatan percuma di Institut Jantung Negara.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Seseorang Raja Negeri, Yang Di Pertua Negeri dan keluarga adalah dikecualikan dari sebarang bayaran di bawah Perintah Fee (Perubatan) 1982 apabila menerima rawatan di hospital Kerajaan. Orang-orang tertentu dan keluarga mereka yang dinamakan oleh Kerajaan Negeri dengan kelulusan Perbendaharaan juga dikecualikan dari sebarang bayaran di bawah Perintah Fee yang sama, Kemudahan ini juga diberi bagi rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB).
- (b) Kerajaan juga telah memutuskan bahawa pesakit-pesakit dari golongan miskin dan kurang mampu yang menerima rawatan di Kelas 3 di IJNSB diberikan bantuan oleh Kerajaan. Pihak hospital dan juga IJNSB akan menentukan keupayaan pesakit berkenaan menanggung caj yang akan dikenakan sama ada sepenuhnya atau sebahagian atau

sejumlah wang yang pesakit mampu bayar dan bakinya akan ditanggung oleh Kerajaan.

PEKERJA ASING — TINDAKAN KEPADA MAJIKAN MEMBUANG PEKERJA TEMPATAN

27. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kes pembuangan pekerja-pekerja tempatan dan menggantikannya dengan pekerja-pekerja asing adalah satu masalah yang perlu perhatian. Berapa banyak aduan yang diterima oleh Kementerianya setakat ini dan bagaimanakah boleh kementerianya menghukum majikan-majikan terbabit yang tidak menunjukkan pertimbangan dan belas kasihan pada pekerja-pekerja tempatan yang telah dikorbankan kerana mendapatkan kos buruh yang murah.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Dasar Kerajaan mengenai pengajian pekerja asing pada umumnya adalah jelas iaitu ianya merupakan jangka pendek untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu. Dasar ini juga memastikan pengajian pekerja asing tidak akan menjejaskan hak rakyat Malaysia terhadap peluang-peluang pekerjaan dan oleh itu pengambilan pekerja asing adalah tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang ketat iaitu majikan-majikan hanya akan dibenarkan mengaji pekerja asing selepas mereka dapat membuktikan usaha-usaha telah diambil untuk mendapat pekerja tempatan tetapi tidak berjaya. Sejak Jawatankuasa Pengajian Buruh Asing ditubuhkan, sejumlah 285,362 pekerja asing telah dipohon, tetapi hanya 138,467 sahaja yang diluluskan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia sedang mengubal satu Rang Undang-undang yang bernama "Employment of Foreign Workers Act 1993" untuk memastikan kepentingan pekerja tempatan tidak digugat oleh kehadiran buruh asing. Selain dari itu, Akta ini juga akan mengawal dan menyelenggarakan pengajian buruh asing di negara kita.

Sepanjang tahun 1992 hingga kini, sebanyak 30 aduan telah diterima oleh Kementerian yang melibatkan penyelewengan di dalam pengajian pekerja asing. Daripada jumlah ini hanya 10 kes yang menyentuh masalah pengenehan pekerja-pekerja tempatan. Kesemua aduan tersebut telah disiasat dan dari siasatan yang dijalankan Kementerian ini mendapati tiada asas yang kukuh untuk menyokong dakwaan tersebut.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai aduan yang spesifik bahawa pihak majikan yang memberi keutamaan kepada pekerja asing, sila laporkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekiranya perlu, Kementerian Sumber Manusia akan menarik balik kelulusan untuk mengaji pekerja asing oleh mana-mana pihak majikan yang tidak mengutamakan hak-hak pekerja tempatan.

BAHAN SISA BERACUN — SITUASI PUSAT PENGURUSAN BUKIT NANAS

28. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) situasi sebenar yang berkaitan dengan Pusat Pengurusan Bahan

Sisa Beracun Bukit Nanas yang dicadangkan itu pada masa kini;

- (b) sama ada tindakan ada diambil untuk mencari tapak alternatif untuk pengurusan bahan buangan beracun;
- (c) tindakan yang diambil untuk mengurangkan penghasilan bahan buangan beracun oleh industri Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi jawapan soalan (a), Jabatan Alam Sekitar telah mengkaji dan mengambil kira pandangan Panel EIA mendapati bahawa tiada kesan yang signifikan yang boleh timbul dari projek pelupusan buangan industri di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan memperakukan laporan EIA diluluskan. Setakat ini projek ini sedang menunggu pertimbangan Kerajaan Negeri Sembilan iaitu pihak yang berkuasa ke atas kegunaan tanah.

Mengenai perkara (b), sebelum ini Kerajaan telah mengkaji tapak-tapak alternatif sebanyak 91 buah tapak semuanya. Tapak di Bukit Nanas adalah yang paling sesuai.

Mengenai soalan (c), bagi mengurangkan penghasilan atau pengeluaran buangan oleh industri di Malaysia beberapa langkah telah diambil melalui beberapa cara seperti berikut:

- (a) Penapisan awal peringkat penubuhan/perancangan industri untuk mengelakkan dari industri kotor melalui;
 - (i) khidmat nasihat dipusat serenti (one stop agency) di

MIDA kepada pelabur-pelabur;

- (ii) Prosedur penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan;
- (iii) proses penilaian awal tapak bagi aktiviti-aktiviti yang tidak ditetapkan; dan
- (iv) garis-garis panduan yang digunapakai oleh agensi-agensy perancangan yang berkaitan.

- (b) Pihak kilang diminta supaya mengamalkan proses pengurangan, pemulihan dan penggunaan semula buangan sebagaimana ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, (Buangan Terjadual) 1989; dan
- (c) Menggalakkan penubuhan industri-industri canggih yang tidak mengeluarkan buangan.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR — NAIK TURUN HARGA SAHAM

29. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur mengalami kenaikan yang agak cepat dan kemudian turun sepanjang bulan Mei, Jun dan Julai 1993 dan sejauh mana syarikat-syarikat tersenarai terlibat dalam menyembunyikan maklumat dalaman terkini dari pengetahuan BSKL dan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap syarikat-syarikat itu.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Oleh kerana

pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh kedua Ahli Yang Berhormat dari yang lain iaitu oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang dijadualkan dijawab pada 20 Julai 1993 dan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 27 Julai 1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pasaran saham kita adalah sebuah pasaran terbuka di mana harga-harga saham dan jumlah dagangan ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Terdapat beberapa fakta yang boleh mempengaruhi permintaan atau penawaran seperti prestasi syarikat, kegiatan spekulasi, pertumbuhan, ekonomi, kestabilan politik dan juga prestasi di pasaran-pasaran utama dunia. Pasaran bergantung kepada pandangan pelabur-pelabur terhadap fakta ini.

Keadaan aktiviti saham buat masa ini tidak boleh dikaitkan hanya kepada spekulasi. Prestasi pasaran saham buat masa ini adalah mencerminkan keyakinan terhadap asas-asas yang kukuh. Kebanyakan syarikat-syarikat awam berhad disenaraikan juga telah mengumumkan prestasi kewangan yang lebih kukuh dan meramalkan prestasi tersebut mungkin dapat dipertahankan, Berasaskan pakar-pakar tersebut ramai pelabur asing, pengurus pelabur asing berminat melabur di Malaysia.

Kenaikan harga pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini adalah kerana harga saham syarikat-syarikat yang disenaraikan tersebut telah lama tidak berubah dan memerlukan penilaian semula akibat dari perkembangan ekonomi yang pesat, dasar

serta peluang pelaburan yang lebih baik dan persekitaran politik yang stabil.

Petunjuk-petunjuk BSKL dalam bulan Mei dan bulan berikutnya bukanlah menurun terus tetapi ianya sebagai pembetulan teknikal dengan izin 'technical correction' untuk perkembangan seterusnya.

Kerajaan sentiasa mengawal aktiviti tidak sihat di pasaran dan ianya bukan sahaja dengan niagaan dalaman dengan izin 'insider trading' tetapi juga manipulasi saham, salah penyataan dengan izin 'false statement', jualan singkat dengan izin 'short selling' dan berniaga sekuriti tanpa Isesen yang sah.

Maklumat dalaman memang sepatutnya disembunyikan jika ianya tiada mempengaruhi harga pasaran. Tetapi jika didapati ianya mempengaruhi harga pasaran maka ianya mesti disibar kepada pengetahuan umum dan BSKL sentiasa membuat pertanyaan bertulis kepada syarikat yang mengalami perubahan harga yang luarbiasa dan kemudian menyiarkan jawapannya kepada umum.

Saya suka menyebut di sini juga, bahawa spekulasi memang wujud di semua bursa saham di seluruh dunia dan BSKL tidak terkecuali. Pasaran saham memang perlu mempunyai unsur-unsur spekulasi untuk memberikan kecairan. Tetapi spekulasi yang berlebihan akan menimbulkan aktiviti yang kurang sihat dan mereka yang terlibat dalam pasaran saham patut tahu dengan jelas akan akibatnya.

Spekulasi yang berlebihan adalah disebabkan sifat tamak pelabur itu sendiri yang menganggap BSKL adalah tempat "buat duit" dan bukan tempat melabur.

Justeru itu saya berharap keputusan mereka patutlah rasional dan membuat pelaburan atas sebab kekukuhan syarikat serta mengikut kemampuan kewangan yang ada.

RANCANGAN MALAYSIA KE-5 — PERUNTUKAN KEMENTERIAN PERTANIAN BAGI NEGERI PERAK

30. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak Rancangan dan Peruntukan setiap tahun yang telah disalurkan kepada negeri Perak mengikut berbagai jenis di dalam bidang pertanian di bawah Rancangan Malaysia Ke-5 dan Ke-6 dan terangkan berapa peruntukan tambahan akan diberi untuk menggalakkan perkembangan bagi bidang tersebut.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Seperti Ahli Yang Berhormat sediamaklum beberapa Kementerian bertanggungjawab di dalam pembangunan sektor pertanian, iaitu Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian.

Peruntukan Kementerian Pertanian bagi Negeri Perak yang disalurkan melalui Jabatan/Agensi di bawahnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-5 berjumlah lebih daripada RM331 juta untuk membiayai sebanyak 87 projek pembangunan pelbagai jenis pertanian. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan</i>
1986	RM90.6 juta
1987	RM74.6 juta
1988	RM56.8 juta
1989	RM58.3 juta
1990	RM47.7 juta

Sementara itu dalam Rancangan Malaysia Ke-6 sebanyak RM336.2 juta telah diperuntukan untuk melaksanakan 98 projek pelbagai jenis. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan</i>
1991	RM61.8 juta
1992	RM59.8 juta
1993	RM35.8 juta

Bakinya akan dibelanjakan pada tahun 1994 dan 1995.

Seperti Yang Berhormat juga sedia maklum, pembangunan sektor pertanian berkembang bukan sahaja disebabkan oleh perbelanjaan sektor awam tetapi juga akibat penglibatan sektor swasta yang sama-sama membual pelaburan di dalam sektor pertanian. Oleh itu pada masa ini Kementerian mendapati peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 bagi Negeri Perak adalah memadai dengan jumlah projek yang telah dirancang.

ANUGERAH KERAJAAN PERSEKUTUAN — CADANGAN PEMANSUHAN

31. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia memansuhkan pengurniaan anugerah di negara ini ke atas rakyatnya oleh Pemerintah, Gabenor atau Yang di-Pertuan Agong. Jikalau tidak, supaya menyatakan alasan-alasan.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab

kepada Pengurniaan Anugerah Persekutuan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak bercadang untuk memansuhkan pengurniaan ini. Penganugerahan ini adalah satu pengiktirafan Kerajaan kepada setiap lapisan rakyat dari semua keturunan yang telah berjasa melalui sumbangan cemerlang mereka kepada negara dan masyarakat, terutamanya dalam membangunkan negara, mempertahankan kedaulatannya dan mengekalkan ketenteraman awam yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Penganugerahan ini juga akan memberi perangsang kepada setiap rakyat untuk berkorban bagi memajukan negara dalam bidang masing-masing.

PASUKAN PENGAMAN MALAYSIA DI KEMBOJA — KEJAYAAN

33. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah anggota keselamatan Malaysia yang mengalami kemalangan, kecederaan atau kematian semasa menjalankan tugas di Kemboja;
- (b) apakah jaminan keselamatan pasukan pengaman Malaysia dari puak-puak yang bersengketa;
- (c) sejauh manakah harapan perdamaian atas masalah yang melanda Kemboja.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Seorang anggota tentera Malaysia telah meninggal dunia semasa berkhidmat di Kemboja disebabkan oleh demam malaria. Tiga orang anggota telah mengalami

kecederaan semasa serangan yang dipercayai dilakukan oleh pihak Militia.

Pihak Kementerian Pertahanan berusaha menjamin keselamatan pasukan ATM dengan memperkuat keupayaan mereka di dalam aspek pertahanan dan penambahan peluru serta pakaian. Pihak PBB juga mempunyai satu rancangan khusus untuk mengeruakasikan anggota-anggota jika berlaku peperangan.

Pihak PBB begitu yakin tentang kedamaian di Kemboja, di mana rancangan penamatan tugas PBB sedang diusahakan sebelum akhir tahun. Pihak yang bertelingkah telah memberi gambaran yang menggalakkan di dalam usaha mencart formula perdamaian.

ANTI HADIS — TINDAKAN MENGATASI

34. Tuan Wan Omar bin Wan Majid minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar Kerajaan akan menggunakan kaedah perang saraf untuk memerangi golongan anti hadis; kenapakah kaedah seperti ini tidak digunakan terhadap mangsa-mangsa kejadian Memali dulu.

Tuan Othman bin Abdul: Masalah anti hadis adalah merupakan masalah yang rumit dan berbentuk rohaniah. Oleh itu Kerajaan sememangnya menggunakan kaedah perang saraf untuk memerangi golongan anti hadis dari masa ke semasa. Kaedah seperti ini digunakan juga terhadap mangsa-mangsa kejadian Memali secara tidak langsung.

TERMINAL LAPANGAN TERBANG, TAWAU, SABAH

35. Tuan Geoffrey Yee Lung Fok minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai bangunan Lapangan Terbang

yang sedia ada yang sedang dalam pembinaan, pengubahsuaian dan dijangka akan siap pada tahun depan:

- (a) apakah alat-alat atau kemudahan yang akan dibekalkan selepas pengubahsuaian itu kelak;
- (b) berapa ramaiakah penumpang-penumpang yang boleh dimuatkan dalam bangunan tersebut dalam masa setahun;
- (c) bolehkah Kementerian mempercepat pembinaan projek tersebut supaya penumpang-penumpang boleh senang hati dan lebih selesa dengan kemudahan-kemudahan yang lebih canggih; dan
- (d) bilakah projek bangunan lapangan terbang dan landasan baru yang akan dibina di Balung Tawau bermula. Lapangan Terbang Tawau adalah sebuah Lapangan Terbang yang tersibuk di Sabah dan lanya memerlukan Bangunan Lapangan Terbang dan Landasan dengan kadar segera.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Kerja-karya pembesaran bangunan Terminal Lapangan Terbang Tawau sedang dijalankan. Di bawah projek pembesaran ini, antara kemudahan-kemudahan yang akan diadakan adalah seperti berikut:
 - (i) Pembesaran terminal dengan tambahan 5,600 kaki persegi.
 - (ii) Meningkatkan sistem hawa dingin dan sistem mencegah kebakaran.

(iii) Meningkatkan sistem perparitan; dan

(iv) Membaiki pagar keselamatan.

- (b) Bangunan Terminal boleh memuatkan seramai 500 orang penumpang pada sesuatu masa dan bila projek pembesaran Terminal siap kelak, kemampuan ini akan meningkat kepada 600 orang penumpang.
- (c) Projek pembesaran Terminal ini telah bermula pada 3hb Mei 1993 dan dijadualkan siap pada 27hb Jun 1994. Kemajuan kerja setakat ini adalah mengikut jadual yang ditetapkan. Oleh hal demikian, soal untuk mempercepatkan jadual pelaksanaan tidak timbul.
- (c) Perancangan untuk melaksanakan Lapangan Terbang Baru Tawau sedang dijalankan. Soal bilakah projek ini akan bermula dilaksanakan adalah tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi disediakan kelak untuk projek ini.

TELEKON—PERMINTAAN TALIAN DAN MASALAH 'CROSSUNE'

36. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah talian telefon di seluruh negara hingga Jun 1993 dan berikan pecahannya mengikut:
 - (i) Telefon Awam
 - (ii) Telefon Atur
 - (iii) Telefon Biasa; dan

- (b) berapakah jumlah permintaan talian telefon purata bulanan dan berapakah jumlah yang masih tertunggak yang tidak dapat dibekalkan.
- (i) apakah rancangan masa depan Kementerian bagi mengatasi masalah bekalan telefon yang semakin meningkat;
- (ii) mengapakah terdapat banyak gangguan 'crossline' sejak akhir-akhir ini. Adakah ia disebabkan oleh penggunaan talian telefon yang sudah sampai ke tahap maksimum. Apakah langkah bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos:
[Dato' Seri S. Samy Vellu]:

- (a) Jumlah talian telefon di seluruh negara hingga Jun 1993 ialah 2,237,867 talian dan pecahannya adalah seperti berikut:
- | | | |
|-----------------------|---|-----------|
| (i) Telefon Awam | : | 45,169 |
| (ii) Telefon Atur 450 | : | 86,290 |
| (ni) Telefon Art 900 | : | 178,081 |
| (iv) Telefon Biasa | : | 2,237,867 |
- (b) Jumlah permintaan talian telefon purata sebulan ialah 41,762 dan jumlah tunggakan ialah 174,463 permohonan.
- (i) Kementerian telah mengarahkan pengusaha telekomunikasi terutamanya Telekom Malaysia Berhad (TMB) supaya meningkatkan pelaburan modal dalam rangkaian kabel, ibusawat dan dalam tempoh

RM 6. TMB telah memperuntukkan RM10.7 ribu juta untuk maksud ini.

- (ii) Masalah 'crossline' bukanlah satu fenomena baru dalam perkhidmatan telefon. Lazimnya ia disebabkan oleh kerosakan kabel terutama sekali apabila ia diresapi air. Begitu juga kerosakan-kerosakan peralatan ibu sawat boleh juga menyebabkan masalah 'crossline'. Pihak pengguna dinasihat supaya membuat aduan segera supaya syarikat pengusaha telekomunikasi dapat memperbaikinya dengan segera.

PILI BOMBA—KEDUDUKAN DAN PEMERIKSAAN

37. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan;

- (a) di manakah biasanya paip-paip bomba ditempalkan;
- (b) adakah pihak Kerajaan akan membuat satu undang-undang mewajibkan setiap kilang mempunyai paip bombanya sendiri sebelum di benarkan beroperasi; dan
- (c) setiap berapa lamakah Kerajaan memeriksa paip-paip bomba ini untuk memastikan ia berada di dalam keadaan baik.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]:
 Di dalam menentukan kedudukan pili bomba, janya adalah berdasarkan kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Undang-undang Kecil Bangunan

Seragam 1984), di mana tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu pili bomba yang ditempatkan tidak lebih daripada 91.5 meter daripada tempat akses pasukan bomba yang terdekat sekali.

Jabatan Bomba sentiasa memeriksa pili-pili bomba dalam giliran 3 ke 4 bulan sekali bagi tiap-tiap pili bomba bagi menentukan pili-pili bomba tersebut berfungsi dengan baik dan boleh digunakan pada setiap masa berlakunya kebakaran. Kerja-kerja yang bukan melibatkan teknikal, seperti kerja-kerja pembersihan daripada rumput-rumpai, timbunan pasir dan tanah akan dijalankan oleh Jabatan Bomba, manakala yang melibatkan teknikal seperti lubang pili bomba tertutup semasa menurap jalan raya dan lain-lain akan dirujuk kepada Jabatan Bekalan Air untuk kerja pembaikan.

Di samping itu ke arah usaha bagi menentukan pili-pili bomba di dalam keadaan baik dan boleh digunakan, Jabatan Bomba telah mengadakan "Skim Teman Pili Bomba" kepada orang awam, pertubuhan sukarela, institusi-institusi dan pihak swasta. Sehingga kini terdapat sebanyak 6340 buah pili bomba di bawah "Skim Teman Pili Bomba" di seluruh Malaysia.

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA - PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN KERAJAAN

38. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah penglibatan dan apakah sumbangan Kerajaan bagi menjayakan projek Amanah Ikhtiar Malaysia.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Raja Ariffin bin Raja Sulaiman]: Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah merupakan sebuah badan bukan Kerajaan yang tidak bermotifkan keuntungan dan penubuhannya bertujuan untuk membantu menambahkan pendapatan serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat miskin melalui penyertaan golongan ini di dalam Skim Pinjaman Ikhtiar (SPI). Skim ini menyediakan pinjaman kewangan tanpa faedah/cagaran kepada rakyat miskin yang berpendapatan kurang daripada RM250.00 sebulan, untuk memberi peluang kepada peserta-pesertanya (sahabat) menceburi aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat menghasilkan pendapatan.

Meskipun AIM merupakan badan bukan Kerajaan, Kerajaan memberi sokongan dan galakan terhadap aktiviti-aktiviti sepertimana yang telah disebutkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sehubungan dengan itu, sokongan yang diberikan adalah melalui sumbangan Kerajaan untuk membiayai kos operasinya sehingga ia mampu berdikari. Untuk tempoh 1989-1993, sejumlah RM15.5 juta telah disumbangkan oleh Kerajaan untuk membiayai kos operasi tahunan AIM, di mana RM10.6 juta adalah daripada Kerajaan Persekutuan manakala bakinya adalah daripada Kerajaan Negeri-Negeri di mana terdapatnya operasi AIM, iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga telah memberi bantuan kewangan sebanyak RM18.2 juta kepada AIM untuk digunakan bagi modal pinjaman kepada "sahabat" yang disalurkan melalui Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

**EAST ASIA ECONOMIC
CAUCUS (EAEC) - KEJAYAAN
PENUBUHAN**

39. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah kedudukan mutakhir pelaksanaan penubuhan East Asia Economic Caucus (EAEC) setakat ini dan adakah ianya telah menunjukkan kejayaan-kejayaan.

20.7.93

Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan EAEC setakat ini dan apakah langkah dan usaha tambahan yang disediakan dan diambil bagi mendapatkan sokongan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli dari Kimanis yang dijadualkan pada 20 Julai, 1993 kerana soalan-soalan itu adalah berkaitan.

Saya ingin memaklumkan bahawa perbincangan dalam JCM (dengan izin Joint Consultative Meeting) ASEAN pada 9 Julai, 1993 di Jakarta telah mengesyor supaya ditimbang modaliti pelaksanaan EAEC melalui satu daripada landasan yang sedia ada, iaitu Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN atau mengambil sempena Mesyuarat APEC (dengan izin Asia-Pacific Economic Cooperation). Berasaskan syor ini, adalah dijangka bahawa Menteri-Menteri Luar dan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN akan berunding sebelum akhir tahun ini untuk memutuskan landasan yang sesuai bagi mengadakan mesyuarat pertama EAEC.

Saya ingin memaklumkan Dewan Yang Mulia ini sekali lagi bahawa perubahan pendirian dan pandangan pentadbiran Baru Amerika Syarikat mengenai EAEC akan dapat membantu dalam proses untuk mencapai keputusan dalaman ASEAN bagi melaksanakan EAEC. Jika pentadbiran Bush sebelum ini telah menentang EAEC dengan alasan bahawa ianya akan menggugat kerjasama Asia-Pasifik, Pentadbiran Clinton sekarang ini telah mengambil pendirian yang lebih terbuka dan bersedia menerima hasil rundingan dan keputusan dalaman ASEAN mengenai EAEC,

Dalam pada itu juga, kita telahpun terus menerangkan konsep EAEC kepada ahli-ahli peraiagaan dan tokoh-tokoh swasta di Jepun, Korea, Republik Rakyat China, Taiwan dan Hong Kong sempena lawatan-lawatan YAB Perdana Menteri dan lawatan Rombongan-Rombongan Galakan Perdagangan dan Pelaburan yang telah saya ketuai. Adalah diperhatikan bahawa ahli-ahli perniagaan tersebut bersependapat dengan konsep EAEC dan pentingnya suara Asia Timur lebih didengar dalam usaha memperkukuhkan sistem perdagangan bebas dan dalam menyumbang ke arah penggubalan dasar dan disiplin urusan perdagangan pelbagaihal yang lebih saksama.

**PERSIDANGAN HAK ASASI
MANUSIA DUNIA DI VIENNA**

40. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) selepas Persidangan Hak Asasi Manusia Dunia di Vienna, apakah usaha-usaha hak asasi manusia baru yang akan dilaksanakan di negara kita;

- (b) bilakah Kerajaan berhajat untuk mengesahi Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Berpolitik dan Sivil 1966 dan Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya sebagaimana yang pernah dijanjikan di dua mesyuarat CHOGM yang lepas;
- (c) bilakah Kerajaan akan memulakan satu Jawatankuasa Hak Asasi Parlimen sebagaimana yang terdapat di Parlimen negara demokratik yang lain;
- (d) bilakah Kerajaan berhajat untuk menandatangani dan melaksanakan permintaan Charter Hak Asasi Badan-badan bukan Kerajaan Malaysia.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia [Dato' Syed Haraid bin Syed Jaafar Albar]:

- (a) Kerajaan sedang mengkaji 'Vienna Declaration and Programme of Action' yang telah diterima oleh Persidangan Sedunia Hak Asasi Manusia pada 25 Jun, 1993 dan akan mengambil tindakan-tindakan susulan jika perlu.
- (b) Berhubung dengan 'international Covenant on Civil and Political Rights' (1966) dan 'Covenant on Economic, Social and Cultural Rights (1966)'. Kerajaan berpendapat konvensyen-konvensyen tersebut sudah usang dan tidak berapa sesuai lagi pada masa ini. Dokumen-dokumen tersebut telah digubal oleh negara-negara maju pada masa itu dengan menggunakan nilai dan fahaman

mereka sendiri dan tidak semestinya mencenninkan piawai (standard) bagi amalan hak-hak asasi manusia. Dokumen-dokumen tersebut hendaklah disemak semula dan tidak wajar Malaysia menerimanya dalam bentuk sedia ada.

- (c) Institusi-institusi Kerajaan yang sedia ada dapat mengawasi amalan hak asasi manusia di negara Ini dan oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Hak Asasi Parlimen.
- (d) Kerajaan berpegang teguh kepada prinsip 'rule of law' dan mengamalkan hak-hak asasi manusia spertimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan oleh yang demikian, soal menandatangani dan melaksanakan permintaan Charter Hak Asasi Badan-badan bukan Kerajaan tidak timbul.

BSKL - MANIPULASI DAN PENYELEWENGAN

41. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hasil siasatan Sekuriti Suruhanjaya (SS) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dalam perdagangan dalaman, manipulasi harga dan penyelewengan di BSKL baru-baru ini yang menyebabkan harga sesetengah kaunter-kaunter khususnya Union Paper Holding Sdn. Bhd melambung tinggi ke tahap yang ajaib;

- (b) sila nyatakan kaunter-kaunter yang disiasat serta tindakan yang diambil setakat ini;
- (c) adakah kegagalan SS menyekat perkembangan tidak sihat ini yang mengakibatkan kerugian besar kepada para pelabur mencerminkan kegagalan peranan dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada SS. Apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan kelemahan yang jelas wujud dalam SS ini;
- (d) mengapakah SS gagal campur tangan semasa harga saham sesetengah kaunter tertentu naik secara terumbang-ambing yang jelas kepada sesiapa menunjukkan manipulasi dan adakah SS akan membayar gantirugi kepada pelabur-pelabur saham yang mengalami kerugian kerana kegagalan SS ini. Sila nyatakan yang mungkin dialami; dan
- (e) adakah beliau bercadang menggubal undang-undang pemberian maklumat penuh secara sukarela oleh syarikat yang disenaraikan di BSKL.
- (b) Kaunter yang sedang disiasat oleh BSKL ialah Union Paper Holdings Sdn. Bhd. (UPHB). Tindakan yang telah diambil terhadap kaunter ini ialah menggantung urusanniaga mulai 28.6.93
- (c) Tindakan pihak bertanggungjawab dalam perkara ini adalah selaras dengan peruntukan perundangan serta peraturan-peraturan yang-ada pada masa dan ia tidak seharusnya mencerminkan kegagalan dalam menjalankan peranan dan tanggurigjawab tersebut.
- (d) Turun naik harga pasaran saham adalah ditentukan oleh tekanan pasaran dengan izin "Market Force". Para pelabur seharusnya berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan spekulasi berlebihan yang tidak berasas. Dalam kes PHB ini, kesemua pembeli telah mendapat skrip masing-masing. Oleh itu tidak timbul siapakah yang harus membayar gantirugi.
- (e) Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang pemberian maklumat penuh yang baru sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, ini adalah kerana peraturan sekarang adalah dirasakan mencukupi,

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk pengetahuan dan maklumat Yang Berhormat, penyiasatan terhadap perdagangan dalaman dan manipulasi harga di BSKL terutama berkaitan saham UPHB masih diteruskan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab iaitu BSKL, Suruhanjaya Sekuriti, Pendaftar Syarikat dan juga pihak Polis (Cawangan Jenayah Perdagangan).

**BSKL -PENGANTUNGAN
URUSNIAGA UNION PAPER
HOLDINGS BHD.**

42. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini apakah keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti di dalam usaha untuk memastikan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjalan

dengan licin tanpa penyelewengan. Apakah bilangan syarikat yang beroperasi di luar aturan di 6SKL pada tempoh hari. Mengapa Union Paper Holdings Bhd. (UPHB) dianggap 'cornered' dan digantung.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

Jawapan berkaitan dengan perkara ini telahpun dibuat sebentar tadi, iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

WANG PALSU — RM50 DAN SYILING RMI.

43. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan anggaran jumlah edaran wang kertas RM50 dan syiling RMI palsu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh 3 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh yang dijadualkan untuk dijawab pada 22 Julai 1993 dan Ahli Yang Berhormat daripada Pagoh yang dijadualkan untuk dijawab pada 26 Julai 1993 dan Ahli Yang Berhormat daripada Alor Setar yang dijadualkan dijawab pada 3 Ogos 1993, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari Januari 1990 sehingga Jun 1993 jumlah nilai wang kertas palsu yang telah dikesan ialah RM5,645,040 dan duit syiling palsu ialah RM158. Jumlah wang kertas RM50 dan duit syiling RMI palsu yang dianggarkan beredaran, tidak dapat ditentukan. Walau

bagaimanapun, jumlah wang kertas palsu RM50 yang dikesan sejak tahun 1968 hingga Jun 1993 ialah 60,215 keping dan bagi duit syiling RMI pula ialah 8 keping sahaja. Berkenaan wang kertas RM50 palsu yang berkualiti tinggi pula, sehingga 4 Julai 1993 sejumlah 148 keping dari wang kertas tersebut dapat dikesan.

Untuk membentras pemalsuan matawang, Bank Negara Malaysia bekerjasama dengan pihak Polis. Pihak Bank Negara telah meminta orang ramai supaya melaporkan segera kepada pihak Polis sekiranya mereka mempunyai wang kertas palsu atau mempunyai maklumat mengenai sindiket pemalsuan matawang. Usaha-usaha telah dibuat untuk mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam wang kertas kita bagi menjadikan ianya sukar ditiru oleh pemalsu wang. Risalah dan poster juga telah dikeluarkan oleh Bank bagi mempertingkatkan pemahaman orang ramai tentang ciri keselamatan dalam wang kertas kita supaya mereka tidak mudah tertipu oleh sindiket pemalsuan wang kertas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis percaya bahawa sindiket pengeluaran matawang palsu ini beroperasi di luar negeri. Walau bagaimanapun, polis telah membuat penyerbuan ke atas beberapa tempat pengedaran matawang palsu di negara ini. Dari segi hukuman pula, mengikut Seksyen 489A, 489B dan 489D Kanun Acara Jenayah dengan izin 'Panel Code', sesiapa yang didapati bersalah berhubung dengan pemalsuan wang kertas boleh dihukum penjara maksimum sehingga 20 tahun. Bagi duit syiling pula, Seksyen 232 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan penjara seumur hidup atau 20 tahun dan denda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesan pemalsuan matawang atas pasaran wang tidaklah begitu serius kerana biangan wang kertas palsu yang dikesan di Malaysia adalah kecil iaitu hanya 0.4% daripada bilangan wang kertas dalam edaran setakat 30 Jun, 1993 dan dari segi nilai pula ialah 0.13% daripada jumlah yang dalam edaran.

**PEJABAT KWSP — BILANGAN
DI SETIAP NEGERI DAN
CADANGAN PENUBUHAN DI
DAERAH**

44. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan pejabat KWSP yang wujud di setiap negeri; dan
- (b) adakah cadangan menubuhkan pejabat KWSP di tiap-tiap daerah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 1993, KWSP telah membuka 14 pejabat negeri dan 27 pejabat tempatan di seluruh negara.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP sememangnya bercadang untuk membuka lebih banyak pejabat KWSP tempatan dan perkara ini masih di dalam kajian. Faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum sesuatu pejabat KWSP dibuka ialah pertambahan bilangan majikan dan pekerja di sesuatu kawasan, keperluan perkhidmatan KWSP, kemudahan infra-struktur dan sebagainya. Pejabat KWSP tempatan tidak akan dibuka mengikut pembahagian daerah

tetapi ia lebih didasarkan kepada keperluan perkhidmatan kepada ahli-ahli KWSP.

**PENGGUGURAN KANDUNGAN
DAN PENJUALAN BAYI-
LANGKAH KEMENTERIAN
UNTUK MENANGANI MASALAH
INI**

45. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes-kes pengguguran kandungan dan menjual bayi hasil hubungan luar nikah pasangan Islam di klinik-klinik swasta;
- (b) adakah kajian yang lebih terperinci dilakukan untuk mengenalpasti kes-kes ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menanganai kes-kes seperti ini.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Majlis Perubatan Malaysia telah menerima 2 aduan/maklumat mengenai Klinik swasta yang melakukan pengguguran kandungan. Tiada sebarang aduan/laporan mengenai kegiatan menjual bayi hasil hubungan luar nikah pasangan Islam di Klinik-klinik swasta diterima oleh Majlis ataupun Kementerian.
- (b) Kes-kes seperti ini adalah merupakan kesalahan jenayah dan di bawah bidangkuasa pihak polis.
- (c) Kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia berusaha untuk mengingatkan pengamal-pengamal perubatan agar mematuhi undang-undang serta

kod etika profesion perubatan sepenuhnya. Majlis boleh mengambil tindakan tatatertib ke atas pengamal-pengamal perubatan yang disabitkan kesalahan jenayah mengikut Akta Perubatan 1971. Kerjasama orang ramai diperlukan untuk menghindar kegiatan-kegiatan tersebut. Orang ramai adalah diminta melaporkan kegiatan-kegiatan jenayah seperti ini kepada pihak polis dan Majlis serta membantu pihak-pihak berkenaan dalam siasatan-siasatan mereka.

**HOSPITAL LAW KING HOWE,
SIBU - LAPORAN KEMATIAN
PUAN LAU SIEW MIAU**

47. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah menerima laporan daripada Hospital Law King Howe Sibu mengenai kematian Puan Lau Siew Miau pada 6.6.1993 akibat daripada suatu pembedahan berhubung dengan hal melahirkan anak. Apakah sebab-sebab yang menyebabkan kematiannya;
- (b) sekiranya jawapan adalah positif, siapakah nama-nama doktor yang mengendalikan pembedahan itu; adakah mereka warganegara Malaysia; kalau tidak, dari negara manakah mereka datang dan sama ada mereka berkelayakan untuk menjalankan pembedahan;
- (c) sama ada Kementerian beliau ingin mendakwa doktor-doktor tersabit kerana kelalaian mereka semasa mengendalikan tugas;

adakah Kementerian sedia untuk membayar pampasan kepada keluarganya; dan

- (d) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah di atas.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Kementerian Kesihatan telah menerima laporan awal mengenai kejadian ini dan sedang menjalankan siasatan terperinci untuk mengetahui sebab-sebab kematian pesakit tersebut.
- (b) Pada masa ini Kementerian tidak boleh menamakan pegawai/doktor-doktor yang mengendalikan pesakit tersebut memandangkan dakwaan kecuaiian terhadap mereka belum terbukti oleh pihak mahkamah.
- (c) Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan mengambil tindakan tatatertib mengikut Perintah Am ke atas mana-mana doktor yang telah terbukti cuai dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Pampasan dibayar mengikut keputusan mahkamah.
- (d) Bagi mengatasi masalah kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh ketidakcekapan dan kecuaiian, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) Mengwujudkan dan melaksanakan garis panduan-garis panduan dan protokol-protokol pengendalian rawatan;
 - (ii) Menganjurkan seminar, kursus dan latihan dalam

perkhidmatan untuk kakitangan mengenai pengendalian rawatan;

- (iii) Melaksanakan program 'Quality Assurance', dengan izin, untuk memastikan perkhidmatan rawatan perubatan menepati sasaran piawai yang ditetapkan, dan
- (iv) Memperkemaskan bimbingan, pengawasan dan penyeliaan kakitangan oleh pakar-pakar dan pegawai atasan.

INFLASI — LANGKAH-LANGKAH MENGATASI

49. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi negara dan setiap negeri di dalam Malaysia masing-masing sejak 5 tahun yang lalu dan apakah kadar yang dijangkakan akan meningkat pada 5 tahun yang akan datang, dan:

- (a) apakah langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk mengatasi tekanan inflasi di bawah keadaan di mana pelaburan dan pembangunan yang berkembang dengan begitu pesat; dan
- (h) langkah-langkah bagi mengembangkan harga import dan eksport untuk mengelakkan tekanan inflasi.

2.8.93

Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi bagi tahun ini dan langkah-langkah yang diambil atau akan diambil untuk mengawal inflasi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh serentak dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lanang yang dijalankan dijawab pada 2 Ogos 1993. Ini kerana pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut berkisar di atas perkara yang sama.

Kadar inflasi negara seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) tidak dikumpulkan bagi setiap negeri di Malaysia. IHP hanya dikumpul pada peringkat negara. Kita juga mempunyai IHP untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kadar inflasi bagi kawasan-kawasan tersebut untuk tempoh lima tahun yang lalu adalah seperti yang berikut:

Tahun	Malaysia	S. Malaysia	Sabah	Sarawak
1988	2.5	2.7	0.7	2.5
1989	2.8	2.9	2.2	2.9
1990	3.1	3.2	2.5	2.6
1991	4.4	4.5	3.0	4.1
1992	4.7	5.0	4.5	3.4

Bagi tempoh lima bulan pertama tahun 1993 kadar inflasi telah menurun kepada 4.1 peratus daripada 4.5 peratus bagi tempoh yang sama tahun 1992. Saya ingin menegaskan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi kepada paras yang paling rendah. Di antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung inflasi termasuklah:

- (i) terus mengekalkan dasar kewangan yang ketat;
- (ii) terus mengawal dengan teliti perbelanjaan awam bagi memastikan bahawa dasar fiskal tidak terlalu mengembang;

- (iii) menggalakkan simpanan dalam negeri;
- (iv) terus mengawal peningkatan perbelanjaan swasta dengan meneruskan syarat kelayakan yang ketat bagi penggunaan kad kredit;
- (v) terus meningkatkan latihan kemahiran dan melonggarkan dasar pengambilan tenaga kerja asing untuk mengurangkan tekanan terhadap upah;
- (vi) terus menambahkan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur yang bertujuan mengurangkan kesesakan infrastruktur di samping mengembangkan keupayaan pengeluaran;

Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah tambahan di dalam Belanjawan 1993 bagi membendung inflasi. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (i) penubuhan Tabung Industri Pengeluaran Makanan yang mempunyai dana sebanyak RM300 juta untuk menyediakan kemudahan kredit bagi membiayai penanam, pengeluaran dan pendedaran bahan makanan;
- (ii) mengurang atau menghapuskan duti import ke atas lebih 600 jenis barangan termasuklah makanan;
- (iii) menaikkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 1 peratus kepada 12 peratus untuk majikan dan 10 peratus untuk pekerja mulai 1 Januari 1993;

- (iv) mengeluarkan Bon Simpanan Kerajaan bernilai RMI bilion melalui Bank Negara Malaysia untuk dijual kepada individu dan institusi;

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi hanya akan berkesan sepenuhnya jika seluruh masyarakat turut membanteras inflasi. Ini termasuklah berbelanja mengikut kemampuan sendiri, menambahkan tabiat menabung dan berusaha meningkatkan produktiviti. Saya percaya jika setiap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing kita akan dapat membendung inflasi negara kepada tahap yang paling rendah pada tahun-tahun akan datang.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengenai mengimbangkan harga import dan eksport untuk mengelakkan tekanan inflasi, saya ingin memaklumkan bahawa nilai ringgit berada pada tahap yang kukuh dan stabil dan dengan demikian inflasi diimport dijangka tidak akan merupakan masalah yang membimbangkan. Paras nilai ringgit kini tidak akan menjejaskan eksport kita.

RAKYAT INDONESIA - PERMOHONAN TINGGAL TETAP

51. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minat Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai beberapa ribu rakyat Indonesia yang memasuki Sabah tanpa pasport pada tahun-tahun enam puluhan dan terus diberikan pas lawatan (visit pass) ataupun pas mengikut anak buah (dependant pass) oleh Kerajaan Malaysia selepas Merdeka, dan sekarang telah pun berkahwin dengan orang-orang Malaysia bahawa mereka yang Kad Pengenalan Hijau telah

memohon untuk tinggal tetap di Malaysia (Kad Pengenalalan Merah) tetapi semua permohonan mereka belum berjawab:

- (i) adakah Kementerian akan mempertimbangkan semula permohonan mereka dan meluluskan permohonan mereka tinggal tetap kerana mereka telah tinggal di Sabah lebih 20 tahun; atau
- (b) memberi pengampunan khas sebagai perikemanusiaan dan mempertimbangkan kelulusan permohonan kerakyatan mereka kerana mereka juga telah banyak berjasa, memberi sumbangan kerja untuk pembangunan dan kemajuan Malaysia.

Perdana Menteri:

- (a) Bilangan Warganegara Indonesia yang telah dibenar masuk dan tinggal sementara di Sabah pada awal tahun 1960an adalah seramai 1,188 orang. Kebenaran ini diberikan berasaskan kepada prinsip perikemanusiaan. Mereka telah diberikan kemudahan Pas Lawatan jangka panjang dari setahun ke setahun. Bilangan mereka yang ada sekarang telahpun berkurangan kerana ada yang telah meninggal dunia dan ada yang telah balik ke negara asal. Adalah dianggarkan seramai 533 orang masih berada di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu permohonan Permit Masuk ditimbang mengikut merit sesuatu kes. Permohonan hendaklah dibuat di pejabat Imigresen negeri (Sabah) dan sekiranya ditolak bolehlah merayu

kepada Kementehnan Dalam Negeri.

- (b) Soal memberi pengampunan tidak timbul kerana Kerajaan telahpun menunjukkan rasa simpati terhadap mereka dengan memberikan kesempatan dan kemudahan untuk mereka tinggal buat sementara di negara ini.

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ
UNIVERSITI (PINDAAN)**

52.Dr.SanusiDaengMariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian menerima bantahan bertulis terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 1975 sejak ia di dilaksanakan). Nyatakan peruntukan akta yang dibantah itu dan tindakan yang diambil terhadapnya;
- (b) nyatakan jumlah pelajar yang dipecat kerana melanggar Akta Universiti dan Kolej Universiti dan jenis kesalahan yang mereka lakukan sejak ia dilaksanakan. Apakah ia membabitkan pemimpin persatuan pelajar; dan
- (c) nyatakan jumlah pelajar universiti yang pernah ditahan melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) semenjak 1986. Apakah kesalahan mereka. Mengapa ISA digunakan untuk menahan pelajar-pelajar tersebut.

**Menteri Pendidikan [Datuk Amar
Dr. Sulaiman bin Haji Daud]:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pernah

menerima cadangan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti daripada Majlis Persatuan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MMPUSM) dan Persatuan Kakitangan Akademik Universiti-Universiti Tempatan (ASA). Kementerian sedang mengkaji semula Akta tersebut daripada semua aspek, termasuklah implikasinya, sebelum sebarang pindaan dibuat. Kajian semula ini dibuat dengan tujuan untuk menjadikan Universiti sebagai pusat kecemerlangan yang dapat melahirkan para intelek yang berhemah tinggi, berdisiplin dan cintakan negara.

- (b) Sejak tahun 1990 hingga sekarang, seramai 9 orang pelajar telah dipecat dari universiti tempatan atas kesalahan penyalahgunaan dadah, mencebuh masuk bilik pensyarah dan meminda markah peperiksaan. Setakat ini tiada pemimpin persatuan pelajar yang terlibat.
- (c) Semenjak tahun 1986, tiada pelajar universiti tempatan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

**SAINTIS DI LUAR NEGARA -
INSENTIF SELEPAS PERANG
SAINTIS-SAINTEIS NEGARA
YANG BERKHIDMAT DI LUAR
NEGERI**

54. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah jenis-jenis insentif yang akan diberikan kepada pakar-

pakar Sains warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan berkhidmat dengan syahkat atau Kerajaan asing pulang berkhidmat dalam negara;

- (b) mengikut kajian oleh pihak Kerajaan berapakah jumlah pakar sains yang bekerja di luar negara dan dalam bidang apakah kebanyakan mereka ini terbabit; dan
- (c) mengikut keperluan Kementerian, pakar sains yang mempunyai kelayakan dan kepakaran apakah yang akan diberikan keutamaan jika mereka ingin pulang untuk berkhidmat dalam negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menyediakan cadangan menyeluruh bagi pertimbangan Kerajaan mengenai rancangan bagi menarik balik saintis-saintis negara yang sedang berkhidmat di luar negeri. Satu Jawatankuasa Induk telah diwujudkan bagi tujuan ini. Program penarikan balik saintis negara adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negara ini. Rancangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggandakan kegiatan-kegiatan R&D khususnya oleh sektor swasta. Pengambilan saintis-saintis tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing industri-industri tempatan.

Mengenai skim insentif bagi menarik balik saintis, program penarikan balik saintis-saintis negara setakat ini belum ditetapkan dan belum mendapat

kelulusan pihak berkenaan. Di samping itu, ianya perlu dikaji dengan mendalam dan dirunding dengan majikan-majikan terutamanya di sektor swasta. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi maklumat yang terperinci pada masa ini. Walau bagaimanapun, pada amnya skim insentif akan merangkumi perkara-perkara seperti emolumen, kemudahan-kemudahan kerja, pelajaran anak, kemudahan perumahan dan sebagainya.

Mengenai bilangan saintis di luar negeri, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Wisma Putra, masih sedang mengumpul maklumat tersebut. Setakat ini, sebanyak 75 saintis dari luar negara telah dikenalpasti dan mereka ini terbabit dalam pelbagai bidang.

Bidang-bidang kepakaran yang diberi keutamaan adalah bidang-bidang yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian iaitu Teknologi Pembuatan Termaju, Bahan-bahan Termaju, Bioteknologi, Mikroelektronik dan Teknologi Maklumat dan Tenaga.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN)

56. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah pindaan ke atas Akta Pelajaran 1961 akan dibentangkan di Parlimen dan sama ada Kerajaan bercadang memberi orang ramai selama tiga bulan untuk mengkaji dan memberi pendapat mereka sebelum pindaan berkenaan dibentangkan di parlimen.

59. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) perkembangan terkini Rang Undang-undang Pendidikan Baru

dan nyatakan tarikh Draf Rang Undang-undang itu dihantar ke Pejabat Peguam Negara atau sama ada Draf Rang Undang-undang itu masih di Pejabat Peguam Negara. Jika ya, mengapa; jika tidak, manakah ia sekarang.

- (b) bilakah ia dijangka dibentang di Dewan Rakyat; dan
- (c) bolehkah beliau memberi jaminan bahawa bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu tidak akan dijalankan dalam mesyuarat yang sama dengan bacaan kali pertama oleh kerana Ahli-Ahli Parlimen pertu masa untuk mengkajinya memandangkan proses penggubalan Rang Undang-undang ini telah mengambil masa yang agak lama dan panjang. Jika tidak, mengapa.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua soalan yang mempunyai maksud yang sama mengenai isu Rang Undang-undang Pendidikan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Saya mohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat serta tarikh soalan-soalan tersebut dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Y.B. dari Bukit Mertajam
19/7/93
2. Y.B. dari Pasir Pinji 19/7/93

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara telah melihat dan mencadangkan pindaan-pindaan tertentu. Pada masa sekarang

draf itu sedang dikaji dan diperhalusi oleh Kementerian Pendidikan.

Setelah selesai mengkaji pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara dan setelah dipersetujui oleh Kabinet, Rang Undang-undang Pendidikan tersebut akan dibentangkan di Parlimen mengikut prosedur biasa seperti yang dilakukan kepada Rang Undang-Undang yang lain.

Menyentuh kepada cadangan supaya orang ramai mengkaji dan memberi pendapat mereka sebelum pindaan berkenaan dibentangkan di Parlimen sewajarnya perkara ini tidak ditimbulkan lagi. Pada tahun 1991 persatuan dan pertubuhan tertentu yang mewakili badan-badan tertentu dan parti politik telah dijemput untuk membincangkannya dalam Majlis Perundingan Akta Pendidikan. Walau bagaimanapun pihak DAP telah menolak tawaran jemputan untuk menyertai Majlis tersebut

MARA—SIASATAN PEMBELIAN KEAHLIAN KELAB GOLF

57. Tuan Haji Shukri Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan benarkah MARA di bawah Encik Tamrin Ghafar membeli keahlian sebuah kelab Golf yang dipengerusikan oleh bapanya sendiri. Jika benar berapakah jumlah keahlian itu dan berapakah nilai wang yang digunakan untuk tujuan itu. Apakah pihak BPR sudah membuat penyiasatan mengenai perkara ini dan apakah hasil siasatan itu.

Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]: Pembelian kelab Golf Rahman Putra telah dibatalkan dan syarikat yang menjualnya telah diminta untuk membayar balik kos pembelian

sebanyak RM28,125,000 serta dikenakan faedah pada kadar 10% setahun selama 6 bulan daripada harga keseluruhannya bagi 450 keahlian.

Pihak BPR sudah membuat penyiasatan ke atas perkara ini tetapi hasil siasatan belum diketahui.

KERUGIAN TUKARAN ASING, RM9.3 BILION OLEH BANK NEGARA MALAYSIA - PENYIASATAN PAC

88. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap permintaan Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) yang meminta maklumat lanjut berhubung dengan kerugian tukaran asing RM9.3 bilion yang dialami oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini. Sila berikan sebab-sebab di atas tindakan tersebut.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bank Negara Malaysia telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam mesyuaratnya pada bulan Jun yang lepas. Dalam perbincangan kira-kira tiga jam dengan Jawatankuasa itu, Timbalan Gabenor Bank Negara telah memberi penjelasan kepada hampir kesemua soalan yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun dalam beberapa hal, butir-butir terperinci tidak dapat diberikan atas kepentingan negara.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN)

59. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) keadaan terkini Rang Undang-Undang Pendidikan Baru dengan sebutkan tarikh cadangan Rang

Undang-Undang itu dihantar ke pejabat Peguam Negara dan sama ada cadangan Rang Undang-Undang itu masih di pejabat Peguam Negara. Jika ya, mengapa; jika tidak, manakah ia sekarang;

- (b) bilakah ia dijangka boleh bentang di Dewan Rakyat; dan
- (c) bolehkah beliau memberi jaminan bahawa bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang itu tidak akan dijalankan dalam Mesyuarat yang sama dengan bacaan kali pertama oleh kerana Ahli-Ahli Parlimen perlu masa untuk mengkajinya memandangkan proses penggubalan Rang Undang-Undang ini telah mengambil masa yang agak lama dan panjang. Jika tidak, mengapa.

Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab bersama-sama dengan soalan No. 56 yang dikemukakan oleh Y.B. dari Pasir Pinji.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Skandal Saham Union Paper Holdings Berhad

337 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk meminta izin mengemukakan satu Usul yang berbunyi:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini memberi kebenaran di bawah Peraturan Tetap 18

(1) kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang, untuk menengguhkan Majlis Mesyuarat, untuk merundingkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan, yakni skandal Saham Union Paper Holdings Bhd., kerana perkara ini adalah tertentu dan bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, berasaskan kepada sebab-sebab berikut:

- (i) Keyakinan orang ramai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai sebuah pasaran yang teratur, adil dan bertransparency telah digoncang dengan teruknya akibat skandal Union Paper Holdings Bhd. di tana saham sebuah kilang yang memproses kertas sembahyang, kertas tandas dan kertas pembalut telah melambung naik dari serendah RM1.73 pada awal tahun ini kepada RM23.00 pada 14hb Jun ini dan kemudiannya terjunam kepada RM4.72 pada 25hb Jun, 1993.

(2) Pengendalian skandal Union Paper Holdings Bhd. oleh Bursa Saham Kuala Lumpur dengan sendirinya merupakan satu skandal yang berasaskan sebab-sebab berikut:

- (i) budak-budak kecillah dan bukannya budak-budak besar yang terjejas teruk dalam skandal saham Union Paper Holdings Bhd.
- (ii) Dalam kegagalan menyekat manipulasi dan spekulasi keterlaluan ke atas Union Paper Holdings Bhd. semasa

tempoh sepuluh hari, iaitu dari 4hb Jun — 14h Jun, 1993, dengan mengisytiharkannya sebagai "designated securities" yang pasti akan melindungi pelabur-palabur kecil dan budak-budak kecil.

- (iii) Dengan mengisytiharkan secara sewenang-sewengannya bahawa Union Paper telah "dicornered" dan dengan menggantungkan perdagangan dalam saham tersebut serta menetapkan harga pembeli atau "buying in" sebanyak RM15.20. Orang-orang utama yang mendapat manfaat ialah "short-sellers" yang terlepas dengan begitu mudah sedangkan pelabur-pelabur kecil terpaksa menanggung sebahagian besar kerugian.
- (iv) Pembelian atau "buying in" saham-saham Union Paper dengan harga RM15.20 sesaham pada 9hb. Julai 1993 telah dilakukan dengan cara yang paling tidak adil sehingga terdapat tuduhan tentang berlakunya amalan-amalan curang disebabkan sebilangan besar pelabur-pelabur, remisier dan broker-broker saham, tidak berupaya menjual saham-saham kepada orang-orang yang inginkannya atau "buying in market" dan keyakinan dan kredibiliti orang ramai terhadap BSKL telah terjunam lagi.
- (v) Skandal saham Union Paper memperlihatkan bahawa pihak mengawal atau "regulators" iaitu BSKL, Suruhanjaya

Sekuriti, Pendaftar Syarikat dan Kementerian Kewangan telah gagal untuk memajukan BSKL menjadi sebuah pasaran saham yang teguh dan sihat untuk mengumpulkan wang dalam proses pengumpulan modal atau "capital formation" untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dengan menjalankan kerjanya secara teratur, adil dan ber'transparency'.

- (vi) keyakinan orang ramai dalam BSKL di peringkat kebangsaan dan antarabangsa hanya dapat dipulihkan dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) "short sellers" yang terlibat dengan Union Paper dibawa ke muka pengadilan tanpa menghiraukan pertalian politik mereka disebabkan "short-selling" adalah salah dari segi undang-undang;
 - (b) Nama 12 orang "defaulting sellers" itu hendaklah diumumkan kerana merekalah yang menyebabkan saham Union Paper digantung, yang pula menyebabkan jatuhnya pasaran saham dengan menyebabkan kerugian dan kesusahan yang amat besar kepada pelabur-pelabur kecil;
 - (c) penubuhan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk menyiasat ke dalam semua penyebab skandal Saham Union Paper, kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam Akta Perusahaan Sekuriti serta juga pada pengawal atau regulators industri sekuriti.

Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 17hb Julai 1993, jam 11.38 pagi. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, dan perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti sedang membuat penyiasatan dengan mendalam untuk menentukan mana-mana pihak sama ada telah melakukan penyelewengan atau kesalahan di bawah undang-undang. Jika ada apa-apa penyelewengan atau kesalahan yang terbukti, maka Suruhanjaya Sekuriti akan membuat laporan kepada Peguam Negara dan setelah diperakui oleh Peguam Negara, pihak Suruhanjaya Sekuriti akan membuat dakwaan ke atas mereka yang terlibat di dalam mahkamah mengikut undang-undang. Oleh yang demikian, tidaklah perlu perkara ini disegerakan untuk dibahas.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini. [*Tepuk*]

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLEMBAGAAN (PINDAAN)
(NO. 3) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat hari ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENGALAKAN PELABURAN
(PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1993) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi mempertuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERKHIDMATAN
PEMBENTUNGAN 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda dan menyatakan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pembentungan dan perkhidmatan pembentungan di seluruh Malaysia bagi maksud memperbaiki kebersihan dan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KERAJAAN TEMPATAN
(PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERANCANGAN BANDAR DAN
DESA (PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu

Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dtbacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dibacakan kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**MERENTIKAN KUATKUASA
PERATURAN MESYUARAT 48
DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 90(1)**

3.49 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan dengan ini merentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3)1993.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang

[Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang berbunyi,

"Bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan dengan ini memberhentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993".

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata bersetuju.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kenapa usul ini dikemukakan, yang sangat luar biasa, yang tak pernah berlaku dalam persidangan yang biasa - tak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Adakah oleh kerana apa-apa sebab; kalau tidak bahawa ada huru-hara di dalam tanahair kita! Kita tahu ini ialah untuk Pindaan Perlembagaan, untuk seorang, tak boleh tunggu lagi satu hari, selepas tunggu dua bulan? Bukankah perlu menghormati amalan Parlimen, apa yang ada termaktub dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat, prinsip demokrasi atau ini semua tidak mustahak lagi? *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada jawab, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 90(1), Dewan ini memberhentikan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993".

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 3) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua

3.52 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bern^na suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan ialah mengenai Perkara 43(8), 54(1), Jadual Kelapan dan juga Jadual Kesebelas. Pindaan kepada Perkara 43(8), ialah untuk memansuhkan Fasal (8) untuk membolehkan seseorang yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri tidak terhalang untuk terus menjadi Ahli Dewan tersebut walaupun dia dilantik sebagai seorang Menteri Kerajaan Pusat.

Peraturan sekarang tidak membolehkan seseorang yang telah dilantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai seorang Menteri sehinggalah beliau meletak jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri.

Jika sekiranya seseorang Menteri Besar atau Ketua Menteri dibolehkan

menjadi Ahli Dewan Rakyat, tidak ada sebab mengapa seorang Menteri Pusat tidak dibolehkan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Orang yang seperti itu telah dipilih oleh rakyat secara demokrasi, maka beliau adakah berhak mewakili kawasan Pilihanraya di dalam Dewan Undangan Negeri.

Jika seorang Menteri terpaksa berhenti daripada menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, bererti kita memaksa pengundi-pengundi di kawasan di mana kerusi yang telah dikosongkan itu mengundi seorang wakil yang lain yang belum tentu boleh membawa pembangunan di dalam kawasan tersebut.

Seorang Menteri yang juga menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri boleh menjalankan tugas memajukan kawasan yang diwakilinya. Serupa juga dengan tanggungjawab di dalam kawasan Parlimen yang mana beliau menjadi wakilnya. Mengikut Peruntukan Pasal (1), Perkara 54 yang sedia ada, Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa untuk menentukan kekosongan di dalam Dewan Negara dan juga kekosongan di luar jangka bagi Dewan Rakyat. Adalah didapati lebih wajar kekosongan di Dewan Negara dipastikan oleh Yang di-Pertua Dewan itu sendiri oleh kerana proses perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara dan pengisian kekosongan di Dewan Negara pada hakikatnya tidak melibatkan Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengikut Proviso Kedua Pasal (1) yang ada sekarang, memperuntukkan bahawa dalam hal jika berlaku kekosongan luar jangka Dewan Rakyat pada satu tarikh dalam masa 6 bulan dari tarikh Parlimen seharusnya dibubarkan, maka Pilihanraya Kecil tidak akan diadakan. Tarikh 6 bulan tersebut sekarang dipanjangkan kepada 2 tahun.

Ini bermakna, di dalam tempoh dua tahun itu, kekosongan tidak boleh diisi melainkan Yang di-Pertua Dewan Rakyat memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya bahawa kekosongan luar jangka menjejaskan kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua Ahli Dewan Rakyat, maka Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengisikan kekosongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang dibuat kepada Perkara 54(1) itu, peruntukan yang sama hendaklah juga dimaktubkan di dalam Perlembagaan-perlembagaan Negeri. Dengan tujuan tersebut, Seksyen 9, Jadual Kelapan juga perlu dipinda dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (5), yang sedia ada. Kedua-dua pindaan, iaitu 43(8) dan 54(1) ini tidak sama sekali menjejaskan sistem demokrasi di Malaysia. Sebaliknya, langkah ini dapat menjimatkan masa dan wang yang banyak yang sangat-sangat diperlukan untuk membangunkan negara.

Pindaan bagi Jadual Kesebelas adalah bertujuan untuk memasukkan peruntukan seksyen 39 Ordinan Tafsiran dan Pasal-Pasal Am 1948 supaya peruntukan seksyen itu akan terpakai kepada maksud pentafsiran Perlembagaan Persekutuan. Tujuan memasukkan seksyen ini adalah untuk membolehkan mahkamah atau pihak berkuasa lain melanjutkan masa membuat representation di bawah Pasal 151(b) walaupun permohonan untuk melanjutkan masa ini dibuat selepas habis tempoh yang ditetapkan. Terima kasih.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah satu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

3.59 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:

Tuan Speaker, yang pertama, bagi pihak Ahli-Ahli Parlimen Pembangkang, saya mahu sekeras-kerasnya memprotes [*Tepuk*] cara Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 1993 ini' dikemukakan untuk meminda Perlembagaan. Cara yang tidak demokratik! [*Tepuk*] Cara yang melanggar prinsip demokrasi di Malaysia! [*Tepuk*]

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu ini salah, ini silap, sebab itu dia tidak ada jawab kepada pertanyaan saya tadi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tahu inilah silap, inilah salah, ini undemocratic [*Tepuk*]. Sebab itu dia duduk tidak berani berdiri, Kalau dia berani, saya bagi jalan. Saya bagi jalan. Hari ini apa yang kita berhadapan bukan satu Rang Undang-undang Pindaan kepada Perlembagaan Malaysia, apa kita menghadapi ialah satu "UMNO Sabah Bill" [*Tepuk*] — UMNO Sabah Bill. Bukan untuk negara, bukan untuk rakyat. Untuk UMNO Sabah. Untuk seorang boleh menjadi Menteri tanpa meletakkan jawatan yang diwajibkan di dalam Perlembagaan. Itu sahaja. Itu sahaja. Tapi tidak apa, Barisan Nasional ada majoriti dua pertiga, mahu buat apa yang la suka buat, tetapi ikut cara, ikut demokrasi, ikut amalan yang ada dalam sistem demokrasi Malaysia! Itu manner, cara meminda Pertembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tentu tidak boleh cakap bagi pihak Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional, tidak boleh

cakap bagi pihak mereka. Tidak baca, tidak lihat, boleh tunjuk tangan sokong. Itulah kualiti untuk menjadi Ahli Parlimen Barisan Nasional [*Disampuk*]. Tidak payah baca, tidak payah faham. Sokong sahaja oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata sokong.

Tuan Yim Chee Cheong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun.

Tuan Yim Chee Cheong: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau.....

Tuan Yim Chee Cheong: Standing Order 36(6) - sangkaan jahat. Minta tarik balik. [*Disampuk*] Sangkaan jahat kepada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional. [*Disampuk*] Minta tarik balik dengan segera 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat perkara itu selalunya berlaku [*Ketawa*] di dalam Dewan ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan bahawa kita sampai ke satu tahap dalam karier Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana beliau perlu diselamatkan oleh Yang Berhormat dari Seremban. [*Ketawa*] Sampai tahap itu perlu diselamatkan oleh Yang Berhormat dari Seremban. [*Ketawa*] Itulah, fantastik. Saya tidak boleh cakap bagi pihak Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional, tetapi Ahli-Ahli Parlimen pembangkang, boleh kata terbanyak, majoriti hari ini masuk Dewan barulah tengok Rang Undang-undang ini. Hari ini masuk baru tengok Rang Undang-undang ini. Apa courtesy, respect kepada Parlimen ini? Adakah mengganggu Parlimen ini rubber-stamp?

Lebih rendah daripada rubber-stamp! Basic courtesy pun tidak ada. Arrogance of power! *[Tepuk]* Oleh kerana ada dua pertiga majoriti, tidak payahlah kemukakan, bentang Rang Undang-undang dan memberi notis, Sebabnya kalau kita ada maruah, ada penghormatan kepada kita sendiri, semua Ahli-Ahli Parlimen termasuk dari Barisan Nasional patut merasa malu. *[Tepuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kenapa, apa sebabnya perlu begitu tergesa-gesa untuk kemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan tanpa notis? Supaya bacaan kali yang kedua dipaksa mengadakan hari ini juga, kenapa? Patut ada sebab. Tidak boleh tanpa sebab. Kita semua tahu, negara semua tahu, tujuan pindaan ini, tujuan Rang Undang-undang ini bukan untuk negara, bukan untuk Rakyat, tetapi untuk seorang - untuk Yang Berhormat dari Limbawang, kalau saya tidak silap, supaya dia boleh dilantik sebagai Menteri Persekutuan tanpa mengosongkan kawasan Dewan Undangan Negeri Usukan di Sabah yang diwajibkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Takkan dia tidak boleh tunggu lagi satu hari? Esok kita boleh bahas. Sekurang-kurangnya kita ada masa untuk baca, faham. Esok bermakna notis 24 jam diberi. Tidak boleh tunggu lagi satu hari? Sudah dua bulan semenjak Yang Amat-Berhormat Perdana Menteri umumkan mahu melantik Yang Berhormat Limbawang untuk menjadi Menteri Hal Ehwal Sabah. Boleh tunggu dua bulan. Tidak boleh tunggu satu hari?

Tuan Yang di-Pertua, kita tahulah kenapa pindaan ini perlu. Sebabnya bukan Yang Berhormat dari Libabawang tidak boleh ambil jawatan itu -

mengangkat sumpah, dia boleh. Dua bulan dahulu boleh, kalau dia ikut Perlembagaan dengan mengosongkan kawasan Dewan Undangan Negeri Usukan, tetapi UMNO takut kalah. *[Tepuk]* UMNO takut kalah dalam Parlimen Kecil di Usukan sungguhpun pemimpin-pemimpin UMNO kata mereka sudah siap menghadapi apa-apa pilihanraya dalam negeri Sabah. Cakap berani. Buat takut. *[Disampuk]* Sebenarnya inilah satu mockery kepada Perlembagaan kita, kepada proses demokrasi, di mana boleh dikatakan Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat di "subverted" supaya mencapai maksud seorang menjadi Menteri Persekutuan tanpa mengikut undang-undang dan Perlembagaan dan inilah akibat daripada satu perkembangan di mana Barisan Nasional adalah majoriti dua pertiga. Arrogance of power!

Sejarah pindaan kepada Pelembagaan Malaysia ialah satu sejarah di mana semangat Perlembagaan, hak-hak, jaminan-jaminan yang ada termaktub dalam Perlembagaan adalah dihakiskan. Bukan untuk menjaga, untuk memajukan demokrasi, tetapi untuk merosakkan, menjejaskan demokrasi. *[Tepuk]* Atas whims and fancies Kerajaan yang memerintah, mereka pinda, tetapi pindaan initalah dalam sejarah pindaan Barisan Nasional yang teruk sekali - overshadow semua pindaan-pindaan dalam sejarah 36 tahun Malaysia.

Sebagai seorang Ahli Parlimen selama 24 tahun, *[Disampuk]* sebagai seorang Ahli Parlimen 24 tahun dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah saya ada pengalaman semacam ini di mana selain daripada Persidangan Parlimen khas, emergency, tergepar, tidak ada notis diberi, tidak ada notis diberi untuk Bacaan Kali yang Kedua pindaan kepada

Perlembagaan. Apabila ada sidang Parlimen khas atau tergempar dipanggil untuk mengadakan pindaan kepada Perlembagaan di mana Bacaan Kali yang Pertama dan Bacaan Kali yang Kedua serentak diadakan hari yang sama, tetapi sekurang-kurangnya Rang Undang-undang itu adalah diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen dua tiga hari dahulu dan mereka datang dengan mengetahui apa akan dipinda dan boleh ambil bahagian, sungguhpun emergency, sungguhpun Bacaan Pertama dan Kali yang Kedua diadakan pada hari pertama. Tidak pernah berlaku dalam 24 tahun ini di mana Parlimen pada hari yang pertama tanpa notis, tanpa Bil ini diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, mahu mengadakan satu perbahasan bagi Bacaan Kali Yang Pertama dan Kali Yang Kedua. Tidak pernah berlaku. Bolehkah Yang Amat Berhormat baik Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri sebut satu contoh yang pernah berlaku? Tidak pernah dalam 24 tahun? Dalam tahun ini ada dua kali kita adakan Persidangan Parlimen Khas, iaitu di bulan Januari dan Mac, tetapi salinan Rang Undang-undang ada di tangan kita beberapa hari sebelum mesyuarat itu.

Pada 17hb Januari 1979, ada satu Special Parliament dipanggil oleh kerana Kerajaan mahu mengesahkan apa yang tidak sah untuk lapam tahun.

Oleh kerana semua peraturan-peraturan perisytiharan darurat tidak sah. Oleh kerana keputusan Privy Council kes Teh Cheng Poh yang sangat termasyhur itu, kes Teh Cheng Poh @ Char Mei vs Public Prosecutor. Privy Council kata apa yang dibuat oleh Kerajaan tidak sah untuk 8 tahun melibatkan semua peraturan-peraturan undang-undang darurat. Sebab itu Parlimen dipanggil sidang khas pada

17hb Januari, 1979. Kedua-dua Yang Berhormat pun ada, mereka tahu, tetapi kita ada dapat salinan rang undang-undang beberapa hari sebelum itu. Tahun 1967 Parlimen dipanggil persidangan khas, oleh kerana mahu isytiharkan darurat, mahu menjatuhkan Stephen Kalong Ningkan di Sarawak - SNAP, Special Parliament pun, tetapi notis diberi, kandungan Bil diberi kepada semua.

Dalam sejarah 36 tahun dalam Malaysia pun inilah baru satu kali di mana dalam Parlimen, Rang Undang-undang pindaan kepada Perlembagaan dikemukakan tanpa notis, tanpa diedarkan dan bacaan kali yang pertama, kali yang kedua dan kali yang ketiga diadakan pada 9hb Ogos, 1965 supaya perpisahan Singapura daripada Malaysia. Masa itu Yang Amat Berhormat ada dalam Dewan ini, Back bencher duduk sana, masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru dilantik sebagai Senator, tentu boleh ingat. Tetapi masa itu ialah keadaan yang luar biasa, separation of Singapore daripada Malaysia. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berpura-pura tidur [*Ketawa*] kata bahawa kalau tidak berpura-pura tidur, Tuan Yang di-Pertua, dia langgar tatatertib.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Tatatertib. boleh tidur? Dia pura-pura tidur, tak boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita sudah diingati. Boleh tidur?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, boleh tidur? Kita fahamlah Kerusi mana boleh menegurkan Yang Berhormat Perdana Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tak baik buat macam itu.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada persidangan di Penang sangat lama, sudah lupalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri [*Diganggu*] Inipun hormatlah. Semua pura-pura tidurlah. Ini adalah pada 9hb Ogos, 1965, masa itu boleh kata ada circumstances yang boleh dikatakan tidak boleh dielakkan. Oh, sudah bangun, baik. [*Ketawa*] Tetapi hari ini apa circumstances yang boleh digunakan untuk memberi justifikasi kepada cara ini. Sungguhpun masa itu boleh dikatakan justifikasi, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu Backbencher, pun tidak begitu setuju. Peristiwa 9hb Ogos, 1965 oleh kerana tergesa-gesa kemukakan Rang Undang-undang pindaan kepada Perlembagaan, bacaan kali yang pertama, kedua dan ketiga, sehari diadakan. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam buku "Malay Dilemma" ada buat kritik yang begitu tajam, yang begitu ferocious terhadap cara Parlimen tidak diberi tempat yang sewajarnya oleh Perdana Menteri yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman masa itu.

Apa dia cakap dalam "Malay Dilemma"? Satu buku yang diharamkan dalam tanah air kita selama 12 tahun, 6 tahun masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Timbalan

Perdana Menteri, apa dia kata? Inilah quotation, Tuan Yang di-Pertua.

"Laws were hurriedly passed without prior consultation with the representatives who have to sell these laws to the people. In the main, Parliamentary sitting were regarded as a pleasant formality which afforded Members opportunities to be heard and quoted, but which would have absolutely no effect on the course of the Government. The general feeling was that whether or not the Parliament sat, the Government would carry on. The sittings were a concession to a superfluous democratic practice. Its main value lay in the opportunity to flaunt Government's strength. Off and on, this strength was used to change the Constitution. The manner, the frequency and the trivial reasons for altering the Constitution reduced the supreme law of the nation to a useless scrap of paper." [*Tepuk*]

Kalau Tunku Abdul Rahman dalam tahun 1965, 1966 dan 1967 ada pura-pura tidur dalam Dewan ini, tentulah ini lagi satu paragraph dalam "Malay Dilemma", sehingga dia boleh tidur dalam Dewan Rakyat. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, sangat jelaskah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apa yang dia tulis dalam buku ini, tetapi apa yang dibuat adalah lebih daripada itu. Boleh dikatakan kalau dia mahu mengkritik masa itu prestasi Tunku Abdul Rahman. Apa yang kita ada di sini ialah flaunt, kekuatan Barisan Nasional. Oh, mana tak boleh? Flaunt tidak hormat aspirasi, expectation rakyat jelata di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada tulis dalam "Malay Dilemma".

Dalam masa 13 tahun Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, dia

meminda Perlembagaan 12 kali -12 Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Perlembagaan. Kena kritik, chopped and changed oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu. Apa rekod Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang? Tahun ini, Bil ini pindaan ketiga, tiga kali dan tak masuk mesyuarat Budget tahun lalu. Tiap-tiap kali persidangan, pinda Perlembagaan. Dahulu kritik Tunku Abdul Rahman, tiap-tiap tahun pinda Perlembagaan. Sekarang tiap-tiap quarter [*Ketawa*], tiap-tiap suku tahun pinda Perlembagaan. Saya percaya dalam mesyuarat akan datang, lagi pinda Perlembagaan, oleh kerana Lord President Tun Hamid tunggu pindaan Perlembagaan supaya mewujudkan satu appellate court baru, Board of Appeal, lagilah tiap-tiap suku tahun pinda Perlembagaan, sehingga sebenar-benarnya apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada tulis sudah menjadi satu useless scrap of paper, supreme law of the nation menjadi useless scrap of paper. Saya percayalah Yang Amat Berhormat pura-pura tidur, dia dengarlah. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua. itulah self-defence.

Pagi ini sebenarnya saya ada telefon Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercadang bahawa perbahasan bacaan kali yang kedua ditangguhkan esok, yang adil, yang patut, yang mengikut peraturan, yang menghormati Ahli-Ahli Parlimen semua parti, bukan kita sahaja, Barisan pun. Tetapi malangnya ada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak menunjukkan hormat, mereka tak tahu, mereka sangat bangga.

Tetapi, sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata ia akan hubungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dengan

Tuan Yang di-Pertua, malangnya Bacaan Kali Yang Kedua diteruskan. Bukan kerana kalau kita tidak bahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini sekarang, Dewan yang mulia ini tidak ada urusan, bukan. Kita masih ada satu Rang Undang-undang yang outstanding daripada mesyuarat yang lalu iaitu Rang Undang-undang Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993. Ada satu Usul atas nama Kementerian Kewangan untuk keluarkan wang daripada Kumpulanwang Amanah bagi membiayai Kerusi Pengajian Melayu di Leiden University The Netherlands. Juga ada satu lagi Usul dari Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai masalah arak di Kelantan. Tetapi bukan kita ada urusan, ada. Kenapa kita tidak boleh memberi 24 jam supaya semua Ahli-Ahli Parlimen ada masa untuk kaji pindaan kepada Perlembagaan. [*Tepuk*] Adakah ini oleh kerana takut Usul Yang Berhormat dari Kota Melaka naik dan dibahaskan. Takut. Mahu bunuh Usul ini yang sudah menjadi amalan biasa, "Ninja assassin" yang sah kata dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang - Ninja assassin.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bukan sahaja Kerajaan Barisan Nasional sudah hilang sense of priority apa yang mustahak, apa yang prevail dalam management negara ini. Kalau mahu mengutamakan apa yang patut diberi perhatian dahulu, mahu meminda Perlembagaan sepatutnya datang untuk meminda Perlembagaan supaya kita ada satu reformasi politik (political reforms), membersihkan korupsi politik kewangan yang begitu bermaharajalela dalam Malaysia sekarang ini. Ini menunjukkan kita mengikut aliran yang ada dalam benua Asia iaitu satu pemberontakan terhadap money politic. South Korea, Taiwan dan Jepun pun kita boleh ikut. Bukan macam di sini yang sebaliknya

tidak ada kesedaran, tidak ada kemahuan politik untuk membersihkan sistem politik, pinda Perlembagaan tetapi mahu membenarkan korupsi lebih bermaharajalela sehingga selepas 16 bulan siasatan ACA terhadap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengenai skandal Maika belum dapat apa-apa hasil. 16 bulan. Walhal di Korea Selatan, dalam 8 bulan ini, 3,000 pegawai-pegawai tinggi, Ahli-Ahli politik ditangkap, dipenjarakan, dibuang kerja oleh kerana kompsi. 8 bulan, 3,000 dibawa ke muka pengadilan. Dalam Malaysia 16 bulan skandal MAIKA belum habis. Presiden MIC belum ditangkap, belum didakwa dalam mahkamah. Kenapa? Kalau mahu kita pinda Perlembagaan untuk membersihkan sistem Politik kita. Itu mustahak. Bukan untuk seorang menjadi menteri tidak payah mengosongkan kawasan Dewan Undangan Negeri. Itu perkara remeh-temeh.

Cuba kita tengok di Taiwan - Sun Shine Law. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita memandang ke Timur - look East. Ya, look East sekarang. Kita memandang ke Timur, ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan - Sun Shine Law! Di mana semua ahli-ahli politik termasuk Perdana Menteri, termasuk Presiden perlu mengisytiharkan harta-benda bukan hak sendiri tetapi keluarga. Dan perlu di mana harta-benda mereka dalam blind trust sekarang bukan dalam Malaysia. Dan bukan sahaja Kerajaan Barisan Nasional sudah hilang arahan, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun hilang arahan.

Saya mahu tanya Ahli-Ahli Parlimen daripada Gerakan kenapa mereka boleh bersetuju sokong pindaan kepada Perlembagaan untuk seorang sedangkan mereka tidak boleh sokong pindaan kepada Perlembagaan supaya menam-

bahkan dua kerusi Parlimen di negeri Pulau Pinang untuk lebih daripada satu juta orang. *[Tepuk]* Untuk satu orang boleh sokong, untuk sejuta orang tidak boleh sokong! *[Ketawa]* Sekarang mahu ikut Perdana Menteri, pura-pura tidur pun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, inilah menunjukkan mereka tidak boleh membezakan daripada apa yang penting, apa yang remeh-temeh. Pindaan kepada Perlembagaan untuk memansuhkan Perkara 43(8) tidak ada kena-mengena dengan memperkuatkan proses demokrasi. Tidak ada kena-mengena bagaimana boleh menguatkan demokrasi. Tidak ada kena-mengena dengan menerapkan dalam Perlembagaan nilai-nilai kebenaran, kebebasan, keadilan; tidak ada. Apa yang ada ialah satu usaha yang begitu blatant menggunakan majoriti dua pertiga untuk kepentingan parti politik UMNO sahaja - UMNO Baru.

Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bangun dan sedar. Bukan dalam Dewan ini bangunlah. *[Ketawa]* Di luar Dewan sudah bangun dan sedar. Bahawa kalau mengadakan satu pilihanraya kecil di Usukan, ini sangat costly daripada segi politik kepada UMNO Baru. Oleh kerana itu ini akan mencipta satu krisis khasnya dalam UMNO. Sekarang sudah ada lawan, sama-sama boxing dalam UMNO Baru. Oleh sebab itu untuk mengelakkan bagi mengadakan satu pilihanraya kecil di Usukan menggunakan majoriti dua pertiga, salah guna majoriti dua pertiga datang ke Dewan yang mulia ini untuk memansuhkan Perkara 43(8).

Saya rasa ini adalah scandalous. Scandalous bahawa Perlembagaan negara kita boleh dipinda untuk seorang, untuk

kepentingan sebuah parti supaya mengelakkan daripada kekalahan di dalam pilihanraya kecil Usukan di negeri Sabah. Dan sangat nyata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak diberi nasihat yang baik dalam mengendalikan perkara ini. Sebab itu dia tidak sedar bahawa ada kewujudan Perkara 43(8) dalam Perlembagaan. Sebab itu dia mengisytiharkan pada 19hb Mei bahawa akan melantik Yang Berhormat dari Limbawang untuk menjadi Menteri dan kata tidak payah ada resign dalam Usukan seat. Apabila dia faham ada kewujudan Perkara 43(8) dia kata boleh, UMNO Baru bila-bila siap sedia untuk menghadapi pilihanraya kecil. Mungkin dia tidak tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Selepas pengumuman itulah baru tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menjaga UMNO Baru di Sabah atau Pengerusi UMNO Baru di Sabah dan tentulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada beritahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan ada pilihanraya kecil, boleh kalah. Boleh kalah. Sebab itulah sekarang dia datang ke Dewan ini untuk pinda Perlembagaan.

Tetapi apa yang lebih dahsyat ialah Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun tidak tahu undang-undang. *[Ketawa]* Kita ada seorang Menteri Undang-undang yang tidak tahu undang-undang. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tidak payah ada pilihanraya kecil, Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun kata, there is no law which said that Mustafa had to vacate his State Assembly seat. No law! *[Ketawa]* Perlembagaan sendiri pun tidak tahu. Di lain negara kalau kita semua memandang ke Timur di mana menteri-menteri sebenarnya sepenuh bertanggungjawab

kepada kecekapan mereka, pendirian mereka kalau buat satu "blooper" yang begitu besar sudah resignlah. Sudah resign sebagai Menteri.

Tetapi di Malaysia tidak adalah, Subang Airport terbakar enam bulan dua kalipun tidak mahu resign *[Ketawa]* tidak payah resignlah-tidak payah resign, tetapi kedudukannya sangat kuat dalam MCA sehingga 'Harimau pun boleh dibuli oleh anjing' *[Ketawa]*. Kalau ada orang mahu tanya apa ertinya, saya boleh beri penjelasan 'Sehingga harimau dalam MCA boleh dibuli oleh anjing' dan siapa anjing itu...*[Ketawa]*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong, Kok Lanas bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tanya? *[Ketawa]*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bolehkah Yang Berhormat dari Tanjong menjelaskan apakah maknanya?

Tuan Lim Kit Siang: Oh! boleh-boleh. *[Ketawa]*

Itulah 'harimau jatuh keadaan begitu teruk sehingga boleh dibuli oleh anjing' - ialah Yang Berhormat Menteri Kesihatanlah *[Ketawa]* - kasihan, di mana dalam MCA tangan habis, kaki habis, seperti Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kata 'Goh Cheng Teik cop-cop Ajinomoto', 'cop-cop bukan?' *[Ketawa]* slaughter - tidakkah? Ajinomoto 'cop-cop', Goh Cheng Teik tangan habis, kaki habis, semua habis itupun harimau sudah sampai keadaan

boleh dibuli oleh anjing. Anjing siapa? Tentu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tahu anjing di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu atau patut tahu oleh kerana saya tidak tahu apa kawasan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Sakaran bin Dandai, apabila beliau dilantik sebagai Menteri Tanah dia perlu mengosongkan Kerusi Dewan Undangan Negeri. Dan ini patut tahulah selepas menjadi Perdana Menteri begitu lama dan sekarang mahu pecah rekod Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, mahu lebih daripada 13 tahun - tidak gentarlah, di mana kita lihat dalam cara perkara ini dikendalikan dan sekarang cara Perlembagaan dipinda menunjukkan satu kedudukan yang boleh dikatakan sangat Mghtening, sangat trightening, suka cakap apa pun - cakap, mahu buat apa pun - buat. Kalau tidak boleh, pindalah Perlembagaan, itu sahaja sehingga ada satu upacara untuk 'Angkat Sumpah' oleh Yang Berhormat dari Limbawang ditetapkan pada 26hb Mei.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata rela menghadapi by-election di Usukan, tetapi dia tahulah bahawa "ground" di Sabah sangat-sangat tidak menggalakkan, dan dia tahu apabila dia pergi ke Kota Kinabalu pada 30hb Mei kali yang pertama pada Harvest Day Festival - dahulu tidak pernah, sekarang Harvest Day Festival pun ada - tetapi mana ada orang hadir yang disebut-sebutkan 10,000 orang, 20,000 orang. Nampaknya 1,000-2,000 orang sahaja. Sebab itulah datang ke Dewan - tidak pergi ke Usukan.

Yang Berhormat dari Limbawang. Itulah tujuan kita untuk meminda Perlembagaan ini. Hari ini pun beliau

tidak ada di sini. Kita tahulah dia ada rekod lama, tetapi kita pun tahu dia sudah uzur, sudah berumur 75 tahun, dan dia pun ada meminta kebenaran cuti sepanjang masa daripada Dewan yang mulia ini, sekarang mahu dilantik sebagai Menteri. Adakah selepas dilantik sebagai Menteri 'long leave' sebagai Menteri [Ketawa] - itu tidak serius, itu main-mainkan kepentingan nasib masa depan penduduk-penduduk, rakyat Sabah. [Tepuk]

Kita bukan kata seorang yang sudah berumur 75 tahun tidak boleh menjadi Menteri. Boleh, kalau dia kuat, kalau dia sihat. di negeri China, Teng Xio Peng sangat kuat - boleh. Siapa-siapa yang kuat - boleh, tetapi Tun Datu Haji Mustapha dia uzur, kita tahu - mana boleh. Kalau dia boleh sihat, boleh kuat, okay kembali, kesihatan itu hal yang lain.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang doktor dan patut tahu; kalau begitu menambahkan beban kepada seorang yang uzur, apa akibatnya? Kalau apa-apa berlaku, Yang Amat Berhormat hendaklah bertanggungjawab! [Ketawa]

Tuan Yim Chee Chong: [Bangun]
[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Hai, ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Seremban bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Bolehkah saya minta jalan daripada Yang Berhormat dari Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Perdana Menteri setuju.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang:..... saya boleh beri jalan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju, dia perlu diselamatkan oleh Yang Berhormat daripada Seremban - saya boleh beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ini tidak timbul, sebab ini hak Yang Berhormat sama ada hendak beri atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan - saya beri P.A. hak saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya beri P.A. hak saya, saya beri P.A.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Saya beh "Power of Attoraey" hak saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau dia kata perlu diselamatkan oleh Yang Berhormat dari Seremban - saya beri.

Seorang Ahli: You bukan Barisan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Yim Chee Chong: Bukan Barisan, ucapan ini tidak ada point.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada point!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat tidak beri jalan teruskan sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang: Tentulah, orang itu tidak faham.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, ada peminat yang baru. Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit. Adakah Yang Berhormat dari Tanjong sedar....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti! Yang Berhormat dari Jerai.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:...bahawa ada juga wakil DAP yang kurang sihat, tetapi ada di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak minta penjelasan atau pun hendak beri...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak minta penjelasanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Minta dahulu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ha! minta baik-baik.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat sedar ada juga pemimpin-pemimpin dari DAP yang uzur, tetapi ada di dalam Dewan. Kalau hendak tahu saya hendak khabar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan kata bahawa.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Bahawa apa ini?

Tuan Lim Kit Siang:seorang yang tidak sihat, tidak boleh teruskan, tetapi kalau mahu menambahkan tanggungjawab kita perlu timbang perkara ini. Ini basic, kalau perkara basic itupun tidak faham, kenapa boleh menjadi calon Barisan Nasional - saya pun tidak faham. *[Ketawa]* Perkara ini basic, dan tentulah apabila kita menjadi Menteri atau menjadi Ahli Parlimen boleh jadi kita kurang sihat, tetapi sebelum memberi jawatan yang baru perlulah kita timbang perkara ini, kalau tidak faham tidak perlulah - buang masa.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ketua Pembangkang hendak tahu siapa yang uzur ini dari DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jerai, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Mungkin saya pun tidak hadir, tidak apa,

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ketua Pembangkang dia uzur dalam kepalanya ini.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak faham - katalah tidak faham.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Otak dia uzur ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Perdana Menteri baru bangunlah!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila duduk ya!

[Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob keluar Dewan]

Tuan Lim Kit Siang: Good Evening! *[Sambil mengangkat tangan kepada Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat teruskan,

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata kenapa seorang Ketua Menteri boleh jadi Ahli Parlimen, tetapi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh jadi Menteri, itu dia kata tidak fairlah. Kenapa sesudah 36 tahun baru timbul masalah ini, kenapa sesudah 36 tahun barulah kemukakan soalan ini. Tentu apabila Perlembagaan kita digubal berdasarkan adalah rationality, faham itu dahulu khasnya untuk Sabah dan Sarawak, tujuannya ialah supaya boleh mempereratkan hubungan Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah dengan Kerajaan Persekutuan, itulah rasionalnya. Betul atau tidak betul, berjaya atau tidak berjaya itu hal yang lain, tetapi sekarang mencadangkan bahawa seorang Menteri boleh pergi menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri satu Negeri yang saya rasa ini ridiculous khasnya apabila Yang Berhormat dari Limbawang tidak ada masa, tidak boleh menghadiri Dewan Rakyat, mana ada masa untuk menghadiri Dewan Negeri Sabah, sungguhpun itu

hal yang lainlah. Oleh itu, tidak ada sebab-sebab yang kuat yang pernah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyokong cadangan meminda Perlembagaan.

Kita tahu sebabnya ialah "Sabah Politics". Tetapi bagaimana kita boleh membenarkan UMNO Sabah Politics untuk kita meminda Perlembagaan? Mana boleh? Adakah ini satu precedent yang sihat? Tentu tidak sihat. Sama ada UMNO akan berjaya dalam Sabah, oleh kerana sekarang ada Kerajaan Campuran antara PBS dan USNO, UMNO di Sabah rasa tidak ada masa depan. Kalau ada General Elections, mungkin akan kalah. Itu hal yang lain, itu masalah politik - masalah politik Barisan Nasional, masalah politik UMNO di Sabah atau UMNO Malaysia. Kita tahulah betapa pentingnya UMNO di Sabah kepada politik UMNO khasnya untuk merebut tempat di atasanlah. Di sana ada 48 divisions - banyak penting. Semua pemimpin-pemimpin UMNO pergi ke sana menarik undi-undi untuk bulan November - "the big fight" untuk bulan November. Itu hal UMNO, bukan hal nasional. Kalau mahu pinda, pinda Perlembagaan UMNO. Kenapa datang untuk pinda Perlembagaan Malaysia? [Ketawa] Itulah!

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab politik, hak-hak demokrasi dirosakkan, hak-hak rakyat Sabah diketepikan. Kenapa ada enam tujuh orang Sabahan ditangkap di bawah ISA? Semua adalah oleh kerana Sabah UMNO Politics, mahu rampas kuasa daripada PBS di negeri Sabah. Merampas kuasa, itulah cita-cita semua parti, tetapi jangan salahgunakan kuasa, salahguna Perlembagaan dan apa yang ada di hadapan kita ialah satu penyalahgunaan kuasa oleh Kerajaan

Barisan Nasional untuk kepentingan UMNO.

Saya tidak ada masa untuk mengkaji dengan mendalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Tiada masa! Lagi ada dua tiga peruntukan dan sebenarnya saya belum baca dengan teliti, tetapi sekarang kita mahu membahar - itulah demokrasi ala Mahathir. Satu lagi perkara ialah "casual vacancy" di Fasal 3 iaitu:

"Provided further that if a casual vacancy in the House of Representatives is established on a date within two years of the date Parliament shall, in accordance with Clause 3 of Article 55, stand dissolved, such a casual vacancy shall not be filled unless the Speaker notifies the Election Commission in writing that the numerical strength if the party that constitutes a majority of all the members of the House of Representatives is being affected by such vacancy, in which event such vacancy shall be filled within sixty days from the date of the receipt of that notification".

Saya perlu baca oleh kerana inilah kali yang pertama saya membaca dan hendak terus membahar. Kenapa mahu peruntukan ini? Adakah ini bererti untuk dua tahun sebelum habis tempoh Parlimen dalam kawasan-kawasan berkenaan, pemilih-pemilih hilang hak untuk diwakilkan dalam Parlimen. Kenapa menafikan, menolakan hak-hak rakyat Malaysia untuk diwakili oleh Wakil Rakyat untuk dua tahun? Itu tidak adil! Pindaan mengenai hal ini, pertamanya dibuat dalam tahun 1968, kalau saya tidak silap, di mana dalam tempoh enam bulan sebelum habis tempoh Parlimen, bagi casual vacancy yang berbangkit tidak perlu pilihanraya kecil - enam bulan. Itu perbuatan Tunku

Abdul Rahman dan walaupun ianya adalah dikritik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi sekarang dia mahu dua tahun! Sekarang di amahu dua tahun, tidak tahulah masa depan 3 tahun, 4 tahun atau sampai tidak payah diadakan pilihanraya kecil, Lima tahun sekali (General Elections) cukuplah. Kenapa? UMNO Baru takut, MCA takut, GERAKAN takut. Semua parti Barisan Nasional takut - takut mengadakan pilihanraya kecil. Ini bukan bererti bahawa mereka tidak boleh menang. Ada masa menang, ada masa kalah. Tetapi mereka takut. Kenapa? Oleh kerana mereka tahu, kalah atau menang dalam suatu pilihanraya kecil, mereka perlu mencurahkan beratus juta ringgit untuk membeli undi - too costlylah! Itulah.

Kalau kita ada satu proses yang bersih, political competition yang bersih, tidak perlu politik wang, kenapa takut? Sekarang rakyat kalau mahu menikmati pembangunan, mahu menikmati perhatian Kerajaan Barisan Nasional, cara yang terbaik sekali ialah seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional mati - dalam kawasanya ada pilihanraya kecil - Wah! semua Menteri datang, semua wang datang, semua pemilih-pemilih di kawasan itu menikmati - semacam "Prailah", di mana Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berkata setiap mtnggu beliau akan balik ke Prai. Tetapi sekarang dia mana? Beliau pergi ke India lebih kalinya, lebih masa di India daripada di Malaysia. Bukan? Mana ada dia pergi ke Prai? Oh! dalam pilihanraya kecil apa janji pun boleh dibuat - potong kepala - sekarang kepala mana? [Ketawa] Potong kepala kalau tidak menepati janji iaitu tiap-tiap minggu balik ke Prai. Adakah satu ribu kepala? Sebab itulah takut kepada pilihanraya kecil. Oh! sekarang

tidak payah pilihanraya kecil. Ini menafikan hak-hak rakyat jelata untuk diwakili oleh Wakil Rakyat. Inikah demokrasi? Ini boleh tidak demokratik. Saya tidak faham bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan seorang juara demokrasi boleh menyokong pindaan semacam ini, tetapi mahu naik ke atas. Apa boleh buat- semua sokong! Itu tidak demokratik.

Yang lebih dahsyat lagi ialah Fasal 4. Ini kali yang pertama saya baca - no choice - kena baca:

"4. The Eight Schedule of the Federal Constitution is amended in section 9 by substituting for the proviso to subsection (5) the following new proviso:

'Provided that if a casual vacancy is established on a date within two years of the date the Legislatwe Assembly shall, in accordance with subsection (3), stand dissolved, such casual vacancy shall not be filled unless the Speaker notifies the Election Commission in writing that the numerical strengith of the party that constitutes a majority of all the members of the Legislative Assembly is being affected by such vacancy, in which event such vacancy shall be filled within sixty days from the date of the receipt of that notification.' "

Ini bukan sahaja di peringkat Parlimen - casual vacancy yang jatuh dalam tempoh dua tahun sebelum habis tempoh Parlimen - tetapi untuk negeri pun. Kenapa?

Sabahlah! Sabah lagilah, nightmare nampaknya. Nightmare. Sabah sudah jadi satu igauan, nightmare, kepada UMNO baik Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri, sehingga dia perlu datang ke Dewan ini untuk tidur - nightmare. Oleh kerana kalau Ahli Dewan

Undangan Negeri USNO yang masuk UMNO mungkin mahu by-election kerana anti-hopping law, tidak boleh lompat, tidak boleh 'katak-katak'. Tetapi UMNO mahu 'katak-katak'. UMNO juara 'katak-katak' mahu mempertahankan hak-hak untuk 'mengkatak-katak'.
[Ketawa]

Sekarang inipun di antara cara untuk mempertahankan hak-hak ber'katak-katak', dua tahun tidak perlu pilihanraya kecil. Oleh kerana akan sampai lima tahun (five years) - Oktober 1995 - ialah selepas Oktober tahun ini, "oh! safe, no more by-election di Sabah". Tak tahulah, mungkin General Election sudah datang. Mungkin pilihanraya besar di Negeri Sabah sudah datang, no by-election, ada big election. Saya percaya - kita tidak ada apa-apa pertalian dengan PBS - tetapi saya baca dalam suratkhbar Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin kata: "Siap sedia, menghadapi pilihanraya besar di Negeri Sabah." Mungkin just before UMNO election itu - it is not bad. Tetapi, masalah yang lebih prinsip, pokok di sini ialah, kalau kita mahu meminda Jadual Kelapan yang memaksakan peruntukan-peruntukan dalam semua Perlembagaan Negeri, apa ertinya? Sebenarnya, Jadual Kelapan ialah berbangkit daripada Perkara 71 (4) - Federal dan State relationship Satu prinsip yang besar sekarang ialah Federal-State relationship, perhubungan di antara Negeri-negeri dan Persekutuan. Perkara 71(4) berbunyi begini.

"If at anytime the Constitution of any State does not contain the provisions set out in Part I of the Eight Schedule with or without the modifications allowed under Clause (5) (hereinafter referred to as "the essential provisions") or provisions substantially to the same effect, or contains provisions inconsis-

ent with the essential provisions, Parliament may notwithstanding anything in this Constitution, by law essential provisions or for removing the inconsistent provisions".

Ini bererti bahawa bukan automatik, peruntukan ini boleh berkuatkuasa dalam semua negeri, bukan automatik. Ini yang pertama.

Yang kedua, yang lebih mustahaknya, kenapa ada Perkara 71(4)? Oleh kerana Malaya pada masa itu, mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, ianya adalah salah satu persetujuan dengan semua negeri-negeri, dan peruntukan ini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia merdeka supaya ada Jadual Kelapan di mana ada peruntukan-peruntukan diakui ialah pokok yang akan diterima oleh semua negeri. Ini 'merdeka understanding' - persefahaman persetujuan merdeka di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan tidak patut dipinda. Eight Schedule tidak patut dipinda ialah untuk masa 1957, apa yang telah dipersetujui pada masa itu, mana boleh dipinda Jadual Kelapan? Tidak patut, oleh kerana apa-apa pindaan kepada Jadual Kelapan ialah melanggar 'spirit', semangat kesefahaman 'merdeka understanding'. Kalau begitu, mana ada lagi kedaulatan negeri-negeri Dewan Undangan Negeri selain daripada apa yang dipersetujui? Kalau ada majoriti 2/3 datang ke sini, pinda Jadual Kelapan, supaya boleh pinda Perlembagaan Kelantan, Sabah atau mana-mana negeri. Apa Federal-State relationship yang di'envisaged' di dalam fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Ini basic pencabulan Federal-State relationship.

Jadual Kelapan tidak patut dipinda. Jadual Kelapan ialah tetap untuk satu

masa supaya semua Perlembagaan-Perlembagaan Negeri boleh menyesuaikan dengan Jadual Kelapan tetap dan kalau mahu pinda Jadual Kelapan, patutlah ada satu conference di antara semua Kerajaan-Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, satu consensus, satu unanimity dicapai, barulah datang ke Dewan ini untuk pinda Jadual Kelapan. Kalau tidak, violation of Federal-State spirit and relationship - pokok, fundamental. Tetapi tidak payahlah, tidak baca pun datang untuk bahaslah! Itulah standard Barisan Nasional MPs. Kita perlu lebih masa untuk kita mahu pergi dan do some research. Bolehkah buat begitu, fundamental breach? Inilah fundamental breach. Kita mahu buat research. Mana boleh, baru sekarang kita baca? Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Jelutong baru datang, sekarang pun kali yang pertama dia baca. Ini fundamental provision. Atas sebab itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju, kita menangguhkan perbahasan ini, supaya kita buat research? Bolehkah? Saya hendak beri jalan. Important, bukan main-main!

Saya cadang dengan rasmi kita tangguhkan perbahasan ini supaya kita semua boleh buat research dalam perkara ini, boleh? Bukan, kalau tidak kita bincang perkara ini, Kerajaan boleh jatuh! Tidak jatuh! Saya janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus menjadi Perdana Menteri, tidak jatuh, tidak ada huru-hara di dalam negara ini. Tetapi kita mahu buat research mengenai point yang begitu basic dan fundamental, Sepatutnya kita mendapat response daripada semua Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai perkara ini sama ada boleh atau tidak. Kalau boleh, tidak payah ada State Constitutionlah, buanglah! Eighth Schedule cukuplah. Kalau boieh buat begitu, Eighth Schedule cukup. Dalam Malaysia, Eighth Schedule cukup. Kita

boleh buang semua Perlembagaan-perlembagaan Negeri di semua negeri. dan kita ikut Eighth Schedule!

Inilah perampasan hak-hak Kerajaan-kerajaan Negeri, a usurpation of the powers of the States. Bolehkah kita tangguh? Saya tunggu!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini serious point. Saya baca, baru saya dapat point itu. Tetapi, sebagai seorang doktor, dia bersikap lainlah, sikap dia ialah 'potonglah-potonglah,' tidak mengapalah! [Ketawa] Selepas 'potong', katau ada masalah, 'sambunglah-sambunglah'. Kita tidak boleh main-main dengan supreme law of the nation. Apa yang dikatakan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam 'Malay Dilemma' - baca lagi sekali buku sendirilah - iaitu tidak boleh menjadi useless scrap of paper. Sekarang jadi useless scrap of paper. Inilah satu isu, satu pindaan yang bukan kecil dan simple. Banyak implikasi dan repercussionnya dan saya rasa sangat tidak adil kepada Dewan ini, sangat tidak adil kepada rakyat, kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri, di mana Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dikemukakan begitu tergesa-gesa tanpa masa untuk semua pihak yang berminat untuk mengadakan kajian. Bukan sahaja Tun Mustapha boleh jadi Menteri tanpa 'resign', bukan, itu masalah sahaja. Sungguhpun itulah tujuan, tetapi implikasinya sangat luas, sangat jauh dan kita perlu kaji.

Tetapi mungkinlah ini demokrasi yang baru, yang sekarang di laung-laungkan ialah demokrasi Parlimen tanpa kajilah.

Dan kita mahu ulangi protest keras kita kerana cara, the manner - Saya perlu bacalah kerana the manner, the frequency and the trivial reasons for altering the Constitutions reduces the supreme law of the nation to a useless scrap of paper. Saya ulang: 'the manner and the trivial reasons.' Dan kita mahu protest dengan sekeras-kerasnya.

Sebagai satu protest, kita semua akan walkout. [*Tepuk*] Kita semua akan walkout untuk menunjuk bantahan bukan sahaja kita, bantahan rakyat jelata, bantahan Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri Barisan Nasional, sungguhpun mereka tidak berani untuk membantah. Kita menunjukkan bantahan kita oleh kerana Barisan Nasional dengan dua pertiga majoriti tidak menunjukkan hormat kepada Ahli-Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih. Kita akan walkout.

[*Semua Ahli DAP keluar dari Dewan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,....

Datuk Bernard Giluk Dompok:
[*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sekejap, sekejap, ada yang bangun. Ada satu yang hendak bangkit?

Datuk Bernard Giluk Dompok:
Ucapan saya tiga minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini kena ikut giliran, ya.

5.00 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin bertanya, apakah sesuatu yang tidak berprinsip kalau sesuatu Rang Undang-undang dibentang pada Bacaan Kali Pertama, dan Bacaan Kali yang Kedua pada hari yang sama? Apakah ini dianggap sesuatu yang tidak undemocratic dan tidak berprinsip?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini, ianya satu Rang Undang-undang yang cukup ringkas dan mudah difahami. Saya terkejut mendengar hujah Ketua Pembangkang yang mengatakan bahawa ini merupakan suatu langkah yang tidak demokratik, kerana masa tidak diberi secukupnya untuk Ahli-Ahli Dewan meneliti dengan lebih dalam mengenai dengan Rang Undang-undang ini. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Rang Undang-undang seumpama ini memerlukan kajian yang begitu mendalam dan mengambil masa sehari dua untuk membaca, saya menganggap mereka ini ataupun Ketua Pembangkang ini tidak lebih pada yang bebal daripada yang bebal. Sebab ianya terlalu mudah.

Kalau Ketua Pembangkang raengatakan tidak mempunyai masa untuk bercakap kerana tidak melihat Rang Undang-undang ini, Ketua Pembangkang boleh tunggu sehingga besok untuk membahas Rang Undang-undang ini. Bagi kepada mereka yang sudah bersedia, lebih mampu dan lebih matang mengetahui dan boleh menghujah mengenai dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, dan tidak perlu pada Ketua Pembangkang berucap pada hari ini, kalau dianggap bahawa beliau memerlukan masa satu hari untuk

membahas Rang Undang-undang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah mendengar ucapan Ketua Pembangkang, saya teringat ataupun pernah melihat di Chow Kit Road, Kuala Lumpur ada satu penjual ubat. Yang menjual ubat ini antara ubat-ubat yang dijual ialah ubat tahan lama, lambang cap 'dacing', lambang cap 'DAP', lambang cap '46' - banyak. Penjual ubat ini menjual macam-macam jenis ubat. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kalau dibandingkan dengan penjual ubat yang pernah saya dengar di Chow Kit Road dengan ucapan Ketua Pembangkang pada hari ini, saya dapati.....

Tuan Nurnikman bin Abdullah:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kimanis bangun.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat pergi ke Chow Kit Road ini, mendengar kata-kata penjual ubat dan terus membeli ubat seumpama itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Mana ubat yang bagus semua saya beli, Tuan Yang di-Pertua. Tambah lagi, ubat tahan lama! [Ketawa] Sebab kita perlu sihat segala-segalanya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diukur dengan penjual ubat di Chow Kit Road dengan ucapan Ketua Pembangkang pada hari ini, sepanjang saya ada dalam Dewan Rakyat ini saya anggap inilah ucapan yang paling 'low standard' yang pernah dipersembahkan oleh Ketua Pembangkang. [Tepuk] Paling 'low Standard'. Dan kita lihat bagaimana sandiwara

Ketua Pembangkang pada hari ini. Saya harap pihak akhbar yang ada dalam Dewan ini tidak terperangkap dengan sandiwara yang dibuat oleh Ketua Pembangkang pada hari ini. Percubaan Ketua Pembangkang pada hari ini ialah untuk mendapat political mileage dalam akhbar besok, kononnya DAP walkout membantah cara Rang Undang-undang dibentang dalam Dewan Rakyat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah benar yang dikatakan Rang Undang-undang ini merupakan UMNO Sabah bid, hanya hendak menyelamatkan satu orang, iaitu wakil dari Limbawang kerana akan dilantik menjadi Menteri Kabinet dan tidak perlu meletak jawatan Kerusi Dewan Undangan Negeri. Saya ingin mencadang kepada Ketua Pembangkang, kalau mengatakan tuduhan bahawa pihak Kerajaan takut menghadapi pilihanraya kerana dengan perlantikan menteri mesti mengosongkan Kerusi Dewan Undangan Negeri, cara yang pating baik untuk Ketua Pembangkang buat ialah menasihati Presiden PBS bubar Dewan Undangan Negeri Sabah, dan kita menghadapi pilihanraya di Sabah secepat mungkin, Tak payah, tak ada masalah - bubar Dewan Undangan Negeri Sabah, iaitu dengan cara Ketua Pembangkang meminta ataupun menasihati Ketua Menteri Sabah sekarang yang menjadi Presiden PBS.

Kalau Ketua Pembangkang mengatakan DAP tidak rapat dengan PBS, itu satu pembohongan yang besar, sebab saya tahu DAP begitu rapat dan akrab dengan PBS. Kalaulah Dewan Undangan Negeri Sabah dibubar pada bila-bila masa sahaja, bererti tidak terbabit mengenai dengan tuduhan mengatakan Ahli Parlimen dari Limbawang yang dilantik menjadi

Menteri dikatakan takut untuk mengosongkan Kerusi, sebab kalau Dewan Negeri Sabah dibubar, dengan sendiri tidak berbangkit soal Ahli Parlimen Limbawang hendak menjaga Kerusi Dewan Undangan Negeri, ataupun takut menghadapi pilihanraya - simple logic. Tidak berbangkit pada saat seperti ini.

Datuk Bernard Giluk Dompok:

[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Penampang bangun.

Datuk Bernard Giluk Dompok:

Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Parti Bersatu Sabah atau Kerajaan Negeri Sabah bilakah UMNO mahu Dewan ini dibubar?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini terpulang pada pihak Kerajaan Sabah. Yang saya maksudkan, iaitu meminta Ketua Pembangkang menasihati PBS supaya kalau menuduh pihak Kerajaan Pusat ataupun UMNO takut pada pilihanraya, kerana pindaan Perlembagaan ini kononnya hendak menyelamatkan Kerusi Dewan Undangan Negeri, maka bubar sahaja Dewan Undangan Negeri Sabah dan menghadapi pilihanraya. Jangan main teka-teki. Sebab bagi Kerajaan, saya memahami begini, Tuan Yang di-Pertua. Katakanlah Ahli Parlimen dari Limbawang terpaksa meletak jawatan, mengosongkan Kerusi Dewan Undangan Negeri kalau dilantik sebagai Menteri. Cuba kita bayangkan Kerajaan Sabah ini sekarang ini sedang bermain teka-teki untuk membubar Dewan. Dan kalau diadakan pilihanraya kecil, berapa banyak Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang ringgit belanja yang

banyak, masa yang terbuang. Manakala kalau ada pilihanraya, tidak memberi apa-apa impact. Sebab bagi UMNO, kalau menang balik, tak boleh menubuhkan Kerajaan. Bagi PBS yang sudah berkuasa dengan majoriti sekarang pun tidak akan terjejas dengan kemenangan UMNO itu. Cuma perhitungan Kerajaan mungkin ialah hendak menyelamatkan keadaan daripada wang terbuang - wang ringgit rakyat disia-siakan tanpa faedah.

Disebutkan oleh Ketua Pembangkang - ini saya kira biadab betul - merendah-rendahkan kewibawaan Ahli Parlimen dari Limbawang, kononnya orang tua tak mampu berkhidmat, tak upaya buat khidmat. Apakah kita lupa, saya hendak sebut dalam Dewan yang mulia ini untuk pengetahuan bahawa Ahli Parlimen dari Limbawang adalah satu tokoh yang mempunyai institusi yang tersendiri yang mempunyai banyak jasa pada rakyat Sabah. Dan kenapa Ahli Parlimen dari Limbawang, walaupun bertongkat sekalipun masih berjuang dalam arena politik? Kerana saya tahu, kasih dan cinta Ahli Parlimen dari Limbawang hendak menyelamatkan Sabah daripada dihancurkan oleh PBS dan DAP hendak bawa keluar daripada Malaysia. Apa salah?

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan - Tun Datu Haji Mustapha (Ahli Parlimen Limbawang) - kalau hendak dikatakan mengapa Ahli Parlimen Limbawang ini dilantik mereka boleh tuduh macam-macam dari segi politik. Samalah juga dengan Semangat 46 dahulu yang menggunakan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang sudah bertongkat untuk mencari pengaruh. Mengapa itu tidak dijadikan isu?

Tuan Nurnikman bin Abdullah:

[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Minta penjelasan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, pendapat bahawa tidak mengadakan pilihanraya kecil di Usukan maka ia adalah untuk menyelamatkan kewangan Kerajaan. Tetapi saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas bahawa semasa di dalam Barisan Nasional, kawasan Salubayan sewaktu Yang Berhormat Tan Sri Sakaran Dandai dilantik sebagai Menteri Tanah dan Wilayah, saya ingin bertanya kenapa Kerajaan tidak sedar bahawa pada ketika itu diadakan pilihanraya kecil. Begitu juga di kawasan Papar, sewaktu Yang Berhormat Tuan Osu Sukam menjadi Timbalan Menteri, kawasan itu juga diadakan pilihanraya kecil, dan juga kawasan Sulaman, di mana diwakili oleh Timbalan Menteri yang ada sekarang, juga diadakan pilihanraya kecil.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sewaktu Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha menjadi Presiden USNO, beliau telah pun dipecat dalam tahun 1984 di mana ketika itu beliau adalah sebagai tokoh ataupun 'Bapa Merdeka Sabah'. Adakah Yang Berhormat sedar ataupun tidak? Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, segala sesuatu mesti bermula dengan pengalaman. Pengalaman yang lalu menjadi sempadan. Sebab itu, kalau kita lihat, waktu dahulu kita memikirkan bahawa pindaan seumpama ini tidak perlu dibuat, tetapi sesudah banyak pengalaman, kita dapati wang rakyat membazir dan tidak berfaedah. Jadi, dengan sebab itulah saya

mengatakan tadi bahawa segala-galanya mesti bermula dengan pengalaman. Itulah yang dikatakan demokrasi.

Demokrasi ialah memimpin ke arah sesuatu yang sentiasa lebih baik. Kalau dahulu kita dapati keadaannya tidak begitu baik dari segi apa yang ada, maka kita pinda pada hari ini untuk kebaikan pada masa depan. Itu tidak ada salahnya, dan itulah yang dikatakan demokrasi, dan itulah yang dikatakan proses "the power by the people". Sama juga dengan persoalan yang hendak saya jawab yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu mengenai dengan Ahli Parlimen Limbawang yang pernah dipecat daripada menjadi Ahli USNO.

Soal pecat-memecat itu adalah pengalaman masing-masing. Itu perjuangan politik. Bukan bererti keadaan itu telah merendahkan martabat dan ketokohan seseorang ahli politik.

Tuan Nurnikman bin Abdullah
[Bangun]:

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan, iaitu bukan dipecat dari Ahli USNO, tetapi sebagai Presiden USNO dan parti USNO dipecat dari Barisan Nasional pada tahun 1984.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya katakan tadi, bahawa segala-galanya adalah bermula dengan pengalaman. Yang kita bincangkan sekarang ini adalah yang mutakhir dan pemikiran masa kini. Kalau hendak bercakap mengenai soal sejarah

dahulu, banyak lagi contoh yang kita boleh beri dan tidak bererti peristiwa pemecatan pada masa itu boleh dijadikan perkiraan dalam suasana politik pada hari ini. Itu tidak menjadi persoalan. Pada waktu itu keadaan dan suasananya adalah lain. Pada waktu itu keadaannya tidak kecoh seperti keadaan yang ada sekarang. Itu juga suatu pengalaman, dan pengalaman inilah yang dijadikan, seperti yang saya katakan tadi, menjadi landasan untuk maju ke hadapan.

Saya telah sebutkan tadi, siapakah Ahli Parlimen Limbawang ini. Ia adalah salah seorang tokoh negarawan yang memang memainkan peranan membawa Sabah ke dalam Malaysia sekarang ini - jasanya, dan sudah barang tentu sebagai seorang tokoh institusi yang tersendiri di Sabah, maka Kerajaan Pusat secara kebetulan hendak memberi penghargaan. Kalau itu yang hendak dijadikan isu, maka saya percaya pindaan ini tidak ada kena-mengena dengan perlantikan Ahli Parlimen Limbawang. Cuma secara kebetulan isu ini dibangkit, maka terpaksa saya turut memberi pandangan yang saya kira bukanlah perkara yang besar sangat yang perlu dihebohkan. Malah kita patut berbangga dengan perlantikan Ahli Parlimen Limbawang sebagai Menteri Kerajaan Pusat, kerana ini adalah penghormatan kepada rakyat Sabah, apatah lagi Ahli Parlimen Limbawang ini adalah seorang tokoh yang memang tidak boleh dinafikan dari segi jasanya kepada rakyat Sabah dan kepada rakyat Malaysia, walaupun umurnya sudah begitu lanjut. Tetapi pengalamannya adalah menjadi simbol perpaduan yang ada padanya dan boleh menjadi kekuatan kepada kepentingan rakyat Sabah pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh sebab itu tuduhan Ketua Pembangkang dengan

mengatakan bahawa pindaan ini adalah "UMNO Sabah Bill" dan ia adalah untuk seorang, bukan untuk negara dan bukan untuk rakyat, adalah tidak benar, lanya adalah satu tuduhan jahat yang cuba mencari political mileage yang cuba hendak dipergunakan seolah-olah dengan mengatakan bahawa pindaan ini tidak mengikut cara demokrasi ataupun 'undemocracy'.

Tuan Yang di-Pertua, tadi, apabila disebut seolah-olah Ahli Parlimen Barisan Nasional ini main sokong sahaja, tidak baca, kemudian Ketua Pembangkang walk-out, maka seolah-olah memperkecilkan kewibawaan dan pendirian Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional, termasuklah diri saya sendiri sebagai Ahli Dewan Rakyat ini. Apakah Ahli Parlimen Tanjong ataupun Ketua Pembangkang tahu bahawa sebelum ini kita mengadakan perbincangan, kita sudah buat homework, kita diberi taklimat, kita mendengar pandangan dari Attorney General (Pegua Negara), kita buat kajian. Yang tidak membuat kajian ialah DAP - bebal. Sendiri tidak boleh buat kajian dan kemudian masuk ke dalam Dewan ini dan menuduh "arrogant of power". Siapa saya "arrogant of power"? Sekurang-kurangnya Kerajaan Pusat menghormati Ahli Parlimen Limbawang di atas jasa-jasanya. Tetapi kalau kita tanya kepada Ketua Pembangkang, orang yang masih muda, gagah dan masih mampu memberi sumbangan dipecat dan tidak dipilih sebagai calon pilihanraya.

Saya pernah bercakap dengan bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang dahulu, iaitu Tuan Lim Lam Thye. Kita tanya kepada Ketua Pembangkang, mana Lee Lam Thye sekarang ini? Sekarang ini beliau menjadi Naib Presiden PEMADAM. Berapa umur Lee Lam Thye sekarang ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada rakan saya Ahli dari Pasir Mas, adakah beliau sedar mengenai satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Ahli Bayan Baru yang menyatakan bahawa DAP tidak akan menyokong pindaan Perlembagaan. Ini bermakna apa yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang tadi adalah idea yang telahpun dibuat sebelum melangkah ke dalam Dewan dan masalah kelambatan pembentangan Bill ini adalah satu isu untuk menghalalkan penentangan itu. Adakah saudara berpendapat demikian?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang saya bersetuju. Memang itulah tujuan dan niatnya iaitu hanya hendak mencari political mileage, sebab dia sudah tahu awal-awal lagi. Memang ada dalam akhbar, telah disiarkan di dalam akhbar beberapa kali dan memang Ahli Parlimen Bayan Baru ada komen. Kita sedar, tetapi tiba-tiba pada hari ini mereka menyatakan bahawa mereka tidak tahu. Saya kata - it is so simple, bukan susah sangat hendak faham - baca 15 minit sahaja, kecuali kalau mata kita rabun, kalau mata kita buta seperti Ketua Pembangkang, mungkin kita tidak dapat baca dalam masa setengah jam. Apa yang susah sangat hendak buat kajian? Kalau tidak mampu bercakap hari ini, bercakaplah esok. Ada peguam-peguam. Tetapi dituduhnya "arrogant of power".

Saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini iaitu kalau dikatakan

bahawasanya 'arrogant of power', siapa yang "arrogant of power"? Lee Lam Thye, bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang pernah bercakap kepada saya secara peribadi - mengatakan mengenai kepimpinan DAP sekarang ini iaitu Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen Tanjong, dia kata tidak pernah tengok orang yang se'arrogant', maknanya "bapak" arrogant dalam dunia ini. Itu sebab saya tanya Lee Lam Thye - apa yang jadi kepada you ini? Tiba-tiba berhenti sahaja dan tidak bertanding dalam Pilihanraya. Tanyalah kepada Ketua DAP, dia main anak-beranak sahaja. Kita tegur sedikit, dia bimbang kepada populariti Lee Lam Thye, hendak hantar bertanding di Taiping ataupun di tempat lain, tetapi akhirnya Lee Lam Thye tercampak ke luar. Siapa yang 'arrogant of power'? Siapa yang diktator, kalau tidak Ketua Pembangkang DAP! [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kenal dan tahu sangat tentang sandiwara DAP. Daripada dahulu lagi sampai sekarang....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi. DAP sekarang ini sedang menghadapi pemilihan. Ada satu kenyataan yang menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin DAP sekarang ini hanya "Pak Turut" yang hanya mengikut telunjuk Setiausaha Agung. Bagaimana pandangan saudara dalam hal ini?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang segala-segalanya mengikut telunjuk

Setiausaha Agung. Tidak ada sesiapa dalam DAP ini yang berani berdepan dengan Ketua Pembangkang ataupun Ketua DAP. Tidak ada siapa yang berani sebab anaknya sendiri menjadi "spy". Jikalau Kota Melaka jadi "spy" - tidak berani! Tidak berani. Pendek kata, saya tidak tahulah, Presiden Semangat 46 pun bila saya bangun tadi, dia keluar. Saya ingat hendak berucap depan Presiden Semangat 46 tadi. Presiden Semangat 46 pun bila jumpa dengan Ketua DAP, mesyuarat sulit-sulit dahulu, duduk monyok sahaja saya tengok. Tidak berani! Tidak berani! Dia punya cara, dia punya "arrogant". Sebab itu saya tidak tahan. Saya tidak mungkin boleh terima, dengan sejarah yang kita tahu ada pada Ketua Pembangkang iaitu Ahli Parlimen Tanjong dan politik DAP ini kita tahu.

Bercakap, "ini mana ada masa", "ini tidak cukup masa", bantai hampir sejam setengah berucap. Sudah dia kata habis orang, tuduh Perdana Menteri tidur, lepas itu tuduh pula dengan pura-pura, tidak tidur, habis semua sekali, walkout tidak mendengar orang bercakap.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita tahu, sekurang-kurangnya dalam masa dua bulan ini, Yang Amat Berhormat berada di Negeri China, melawat Negeri China - saudara-saudara Ahli Parlimen dari Tanjong sudah sampai ke sana? Melawat Negeri China hendak memajukan negara, hendak memajukan perdagangan dan hubungan dengan rakyat Negeri China, balik terus ke Albania. Kemudian balik terus ke Langkawi dengan Presiden Suharto. Pada hari ini masuk dalam Parlimen, bekerja 24 jam. Bukan macam Ketua DAP, bukan macam Presiden Semangat 46, 24 jam Perdana Menteri

bekerja, sekurang-kurangnya dia dengar. Patut tidak payah datang untuk mendengar ucapan Ketua Pembangkang, tetapi dia datang juga. Anggaplah itu satu hiburan dan jenaka di waktu penat kita bekerja. Anggap sebagai satu jenaka dan hiburan. "Nothing more than that, please write for the newspaper".
[Ketawa]

Itu satu hiburan sahaja. Jenaka! Pumpam...pumpam...pumpam... Sebenarnya tidak ada point. Bila tidak ada point, tidak boleh bercakap. Kemudian diutang-ulang benda yang sama, akhir sekali duduk. Semua keluar sebab yang lain tidak pandai berucap. Tidak mampu hendak berucap - keluar. Orang lain berucap tidak hendak dengar. Bercakap macam-macam lagi contoh, kucinglah, harimaulah... Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, daripada dahulu lagi saya kata saya tidak hendak bercakap benda-benda yang tidak senonoh. Nanti kita boleh cerita. antara beruk dengan kera, monyet, dengan kucing, macam-macam cerita yang kita boleh bawa ke dalam Dewan Rakyat ini. Tetapi tidak perlu.

Saya bangkitkan, Tuan yang di-Pertua, sebab saya hendak membuktikan kepada Ketua Pembangkang, kita sebagai Ahli Dewan Rakyat, bila dibentangkan pada hari ini. Bacaan Kali Yang Pertama, Bacaan Kali yang Kedua, kita sudah mengikut perkembangan sebelum ini, kita mampu mengambil bahagian dalam perbahasan dan kita mampu untuk meneliti bill ini sama ada ianya menguntungkan negara atau rakyat.

Jadi, kita dapati bill yang dibentangkan ini hanya sebagai suatu Rang Undang-undang yang hanya hendak menyelaras supaya setiap Ahli Dewan Undangan Negeri yang kebetulan jadi

Ahli Parlimen dilantik jadi Menteri, tidak payah berhenti sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dan ini untuk negeri-negeri masing-masing. Katalah seorang Menteri itu Ahli Parlimen Negeri dan duduk dalam Dewan Undangan Negeri sekarang ini, Ahli Dewan Undangan Negeri yang menjadi Menteri Besar boleh duduk dalam Dewan Rakyat seperti Ketua Menteri Sarawak, contohnya. Waktu PAS memerintah Kelantan dahulu, Allahyarham Datuk Asri bin Haji Muda. Sekarang ini dari DAP, Timbalan Ketua Menteri Sabah ada di sini dan saya percaya akan berucap sekejap lagi. Boleh duduk di sini sebagai Ahli Dewan tetapi Timbalan Ketua Menteri di Sabah. Apakah salahnya Ahli Parlimen yang menjadi Menteri boleh duduk pula sebagai Ahli Dewan Negeri di negeri masing-masing? Sebagai Menteri duduk dalam Dewan Undangan Negeri, dengar, apa masalah negeri, apakah benda-benda yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri yang kebetulan ada kena-mengena dengan Kerajaan Pusat. Adakah itu tidak penting dan tidak baik untuk sesebuah negeri? Bodoh betul! Tidak faham. Benda-benda macam ini pun bodoh, tidak reti!

Untuk kebaikan! Baik sebab sekurang-kurangnya Menteri yang duduk dalam Dewan Undangan Negeri tahu perbincangan apa yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri berkenaan. Sementelah pula sebagai Menteri, ada kekuatan, ada kuasa sebagai anggota Kabinet untuk membawa pembangunan di setiap negeri yang mereka wakili. Untuk penyelarasan ini dan saya rasa ini satu langkah yang baik sebab dahulu tidak dibuat, sekarang ini baru sedar, maka sekarang hendak buat, apa satahnya? Sebab itu kita patut sokong Rang Undang-undang ini. Saya sudah tengok tidak ada cacat celanya. Sched-

ule Eight yang dimaksudkan ini, ini hanya hendak dibetulkan dari segi teknikal supaya Rang Undang-undang yang kita bentangkan ini boleh dikuatkuasakan kalau Schedule Eight tidak dipinda. Apa yang jadi masalah? Yang dikatakan tidak faham?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini mengemukakan langkah Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini yang kena pada masa, waktu dan ketikanya dan secara kebetulan pula Ahli Parlimen dari Limbawang akan dilantik menjadi anggota Kabinet. Saya cukup terharu kerana bagaimana tingginya penghormatan Kerajaan Pusat terhadap rakyat negeri Sabah dan saya percaya Ahli Parlimen Limbawang, seorang tokoh negarawan yang membawa kemerdekaan kepada Sabah dan menyertai Malaysia di atas pengalamannya sebagai satu institusi dengan penyertaan di dalam Kabinet, saya percaya ianya akan memperkuatkan lagi hubungan di antara rakyat Sabah dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Kita percaya Sabah akan terus membangun di bawah kegigihan Ahli Parlimen Usukan yang tidak jemu-jemu berjuang demi kebaikan rakyat negerinya.

Atas kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Penampang.

5.27 ptg.

Datuk Bernard Giluk Dompok [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk membantah Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, Pelembagaan negara kita ini adalah sebuah dokumen yang suci ataii dengan izin, sacred. Menurut bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Suffian Hashim dalam buku beliau, "An Introduction to the Constitution of Malaysia". Di negara kita, hanyalah Perlembagaan menjadi agung dan beliau berkata, "In Malaysia, only the Constitution is supreme".

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, semasa mengangkat sumpah sebagai Ahli Parltmen, kita antara lain berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan negara Malaysia. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya di Malaysia ini sedih sekali, kita lebih kerap mencemarkan Perlembagaan kita yang suci itu daripada mempertahankannya.

Sejak pembentukan Malaysia dalam tahun 1963, Perlembagaan negara kita telah dipinda tidak kurang dari 30 kali secara purata. Ini bermakna bahawa Perlembagaan negara kita telah dipinda sekali dalam setiap tahun. Dalam tahun ini sahaja pun, ini adalah kali yang ketiga kita meminda Perlembagaan kita sedangkan Perlembagaan Amerika yang ditulis dalam tahun 1787 pun hanya dipinda sebanyak 24 kali sehingga tahun 1976, iaitu 180 tahun selepas ia ditulis.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita hanya meminda Perlembagaan apabila benar-benar perlu atau benar-benar untuk kepentingan negara dan rakyatnya. Kita tidak seharusnya meminda Perlembagaan yang suci ini pada bila-bila masa sahaja atau mengikut sesuka hati semata-mata untuk memenuhi keperluan atau kemahuan parti memerintah atau parti yang rncmpunyai majoriti dalatn Dewan yang mulia ini.

Kita perlulah juga mengambilkira kepentingan golongan minoriti, sama ada dalam Dewan yang mulia ini mahupun rakyat jelata yang biasa di luar Dewan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya membantah pindaan ini semata-mata kerana langkah ini akan menjadikan pindaan-pindaan Perlembagaan satu amalan biasa, atau degan izin, this pracitce will institutionalise Constitutional amendments. Ianya juga akan menimbulkan satu suasana takut di kalangan satu masyarakat yang nampaknya tidak boleh buat apa-apa kerana mereka berada di dalam cengkaman kumpulan majoriti yang angkuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak akan panjangkan ucapan saya. Oleh kerana Akta ini adalah satu Akta yang begitu penting sekali dan kelihatan pula baru diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, dan kami daripada Parti Bersatu Sabah menunjukkan sekeras-kerasnya bantahan terhadap Rang Undang-undang ini yang akan mencabarkan Perlembagaan negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

5.33 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar cakap-cakap daripada pihak Pembangkang terhadap pindaan Perlembagaan ini dan kita telah pun melihat bagaimana caranya Ketua Pembangkang mengendalikan percakapan-percakapan di dalam Dewan Rakyat ini.

Saya amat tidak boleh menerima tuduhan-tuduhan bahawa kami, Ahli-Ahli

Perlimen Barisan Nasional adalah "Pak Turut" oleh kerana sebenarnya, yang "Pak Turut" di dalam Dewan ini adalah pihak DAP. Ketua dia keluar, semua keluar! Memang telah jelas terbukti, Ketua Pembangkang yang merangkap Ahli dari Tanjong, yang merangkap Setiausaha Agung DAP, adalah diktator. Cakap-cakap ini terkeluar dari pihak DAP sendiri. Sesiapa yang menghalang perjalanan Ketua Pembangkang, sesiapa yang menghalang kehendak Setiausaha Agung, mereka akan dicari jalan untuk diketepikan.

Jadi, dalam Dewan ini, apabila Ketua Pembangkang mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk berbahas. Itu hanya satu alasan. Tadi saya bacakan kepada sahabat saya dari Pasir Mas. Saya mempunyai keratan akhbar di sini oleh Ahli dari Bayan Baru, dengan izin, yang bertarikh 14 Julai 1993. Kepala beritanya mengatakan, "DAP akan bantah Pindaan Perlembagaan Pusat". Ini bermakna Ketua Pembangkang datang ke Dewan ini dengan satu pemikiran yang penuh prejudis. Memang mereka akan membangkang - memang mereka akan membangkang walaupun diberikan Rang Undang-undang ini kepada mereka lebih awal. Inilah keputusannya pada 14 Julai. Hari ini 19hb - 5 hari sebelum ini DAP telah membuat keputusan mengatakan bahawa DAP akan membantah pindaan Perkara 43(8), Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan seorang Menteri Persekutuan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Yang bercakap ini ialah Naib Pengerusi DAP Kebangsaan merangkap Ahli dari Bayan Baru.

Jadi apa gunanya datang ke Dewan ini mencerca? Kalau kita hendak bercakap mengenai demokrasi, kita cakap mengenai demokrasi! Tadi yang baharu

habis bercakap - Timbalan Ketua Menteri Sabah. Saya tak sempat hendak bertanya kepada dia, sejak PBS memerintah Sabah, berapa kali Perlembagaan Sabah telah dipinda? Saya ulang sekali lagi, sejak PBS memerintah Sabah, berapa kali Perlembagaan Sabah dipinda untuk disesuaikan dengan kehendak majoriti parti yang memerintah, iaitu parti PBS sendiri? Kalau argument beliau tadi digunakan dalam Dewan ini, bagaimana kalau argument itu dipulangkan kepada dirinya sendiri?

'Kalau dia mengatakan tindakan Barisan Nasional hari ini tidak demokratik, bagaimanakah jika ukuran ini dikenakan kepada PBS? Tidakkah PBS juga tidak demokratik? Tetapi kita tidak mau mengatakan begitu! Kita mengatakan bahawa pindaan ini dibawa ke dalam Dewan ini untuk kepentingan negara. Pihak Ketua Pembangkang cuba mengelirukan dengan mengatakan bahawa pindaan ini hanya to suite the needs of one person - individual, dengan izin. Tetapi ada dua lagi peruntukan di dalam pindaan itu yang tidak disebut. Ini adalah kerja pihak Pembangkang yang memang sentiasa mahu menyeleweng. Kita lihat Pembangkang. Menjelang pilihanraya tahu 1990, mereka berbaik-baik - PAS baik, saya hendak tengok Ahli PAS ada atau tidak di sini? Ada? 46 baik. Hari ini apa sudah jadi pada DAP dengan PAS?

Hari ini sudah timbul satu isu membangkang tindakan PAS. Ini merupakan satu cabaran kepada solidarity Gagasan Rakyat. Walaupun PAS akan mengatakan tidak menjadi keluarga Gagasan Rakyat, tetapi PAS mempunyai satu kaitan yang common dengan DAP, iaitu Semangat 46. Di manakah maruah PAS? Di mana maruah PAS yang telah pun dimenangkan dalam pilihanraya

tahun 1990 menerusi sebahagiannya sokongan daripada DAP? Cuba tanya sendiri, inikah bentuknya manusia yang dijadikan kawan oleh Semangat 46, yang dijadikan kawan oleh sahabat saya dari Nilam Puri, dan orang ini sudah mahu mengelirukan rakyat jelata bahawa kononnya Perlembagaan ataupun pindaan yang dibawa ke dalam Dewan hari ini hanya untuk seorang individu sahaja.

Saya yakin pekara ini mungkin berlaku dan boleh ditakukan sekiranya DAP memerintah. Oleh kerana inilah - oleh kerana cermin-cermin ataupun tanda-tanda kediktatoran pihak DAP ini memang jelas berlaku di mana-mana. Dia tadi mempersoalkan berapa kali pindaan Perlembagaan telah dilakukan, tetapi saya tanya juga berapa kali DAP telah pun menyokong? Mengapa di dalam pindaan yang lalu, yang baru beberapa bulan yang lalu DAP menyokong, sedangkan beberapa bulan sebelum itu DAP pula menyokong? Ini kedolakdalikan DAP yang sentiasa tercermin di dalam Dewan ini.

Jadi saya harap pihak Pembangkang, khususnya DAP, Pengkalan Cepa, tadi dia mendakwa bahawa Ketua Pembangkang juga mewakili seluruh parti Pembangkang, tetapi apabila saya membaca teks ucapannya ini - dia tulis, "saya bagi pihak Ahli-Ahli DAP" sahaja. Ada dalam tangan saya ini, (*sambil menunjukkan teks ucapan*) tetapi bila masuk ke dalam Dewan, dia kata, "Saya bagi pihak seluruh Pembangkang" termasuk orang PAS, termasuk orang 46, Presidennya pun ada tadi, Timbalan Presiden PAS pun ada di sini tadi. Sejak bila? Adakah Wakil-Wakil Rakyat sahabat-sahabat saya dari 46 dan PAS telah pun bemnding mengadakan Pre-Council dan memberi satu restu kepada Ketua Pembangkang untuk mewakili

saudara-saudara untuk membantah Rang Undang-undang ini?

Saya yakin, pihak PAS dan pihak Semangat 46, saya rasa pihak PAS lebih waras. Mungkin pihak 46 hendak cakap, dia punya objektif tak kena sikit, tetapi saya rasa, saya harap, gunakan kewarasan ini supaya saudara mengenal siapakah Ketua Pembangkang saudara-saudara. Orang yang sentiasa bergelumang, orang yang sentiasa bergelut dengan putar belit. Kalau dalam ini tadi dia boleh panggil orang "harimau", "anjing", kalau dalatn kata-kata, kalau sayalah yang kena perkataan "anjing", saya sebagai orang Melayu, perkataan "anjing" itu haram dikenakan kepada saya. Memang saya lutu dia. Tetapi nasib baiklah, mungkin dalam ruang rangka kebudayaan luar daripada orang Melayu, perkataan "anjing" itu boleh diterima. Oleh kerana perkataan "anjing" itu kalau dikenakan kepada orang Melayu, perkataan yang paling hina.

Sahabat-sahabat saya dari Barisan Nasional khususnya dari MCA dan Gerakan, perkataan "anjing" itu paling hina mertabatnya kalau dikenakan dalam ruang lingkup kebudayaan Melayu. Mereka telah menghina saudara-saudari! Jadi, saya harap, dalam konteks ini saya hendak mengatakan bahawa Ketua Pembangkang adalah lidah bercabang, lidah biawak!

Kalau ular, tidak tahu berapa kepala dia. Ini dia, sekejap cakap lain, sekejap cakap lain dan dalam hal ini dia kata hendak menegakkan demokrasi. Kononnya hak asasi manusia. Saya hendak tanya, dia simpan Ahli dari Puchong yang sekarang ini cuba hendak manipulasikan trade union, apabila kepimpinan yang di bawah Ahli dari Puchong kalah, maka dia pun petisyen

kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mengisytiharkan kononnya kepimpinan trade union yang baru itu tidak sah. Ini semua oleh kerana keturunan lidah bercabang. Apabila mereka deprived ataupun tidak mendapat kuasa oleh kerana permainan orang lain, walaupun perkara itu sah, maka dia mencari jalan. Mencari jalan untuk tidak menghalalkan kemenangan orang itu.

Saya dapat tahu oleh kerana beberapa pihak pemimpin tertinggi trade union pernah menghubungi saya dan bertemu dengan saya. Kalau hari ini trade union, MTUC sedang menghadapi satu masalah oleh kerana kemungkinan akan tidak didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, ini adalah permainan di sebalik tabir oleh pihak-pihak yang tergolong sebagai pembangkang dan termasuk, saya yakin, permainan Ahli dari Puchong.

Tuan yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini, trade union mempunyai beberapa affiliation ataupun ahli sekutu. Tiga ahli sekutu ini ialah NUTP, Nurses Union dan juga Race-course Workers Union telah dimasukkan sebagai affiliate, diterima oleh pihak kepimpinan Ahli dari Puchong dengan harapan to boost dia punya support dalam General Assembly, tetapi apabila kalah oleh kerana kemasukan mereka itu boleh disifatkan sebagai unconstitutional, maka ditunjuk kepada pihak Pendaftar. Trade Pertubuhan bahawa perkara ini tidak constitutional, maka kena show cause letter dan kemungkinan akan being deregistered. Ini permainan. Sama juga dengan permainan Presiden Semangat 46. Apabila kalah pemitihan UMNO tahun 1987 - mencari jalan, mencari jalan heret UMNO ke mahkamah. Sama. Saudara-mara. Saya harap PAS tidak akan terlibat dalam perkara ini oleh

kerana perjuangan PAS kerana Allah. Saya harap.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Ahli DAP, Ketua Perabangkang dari Tanjong tidak berani bersuara untuk mencari keadilan bagi Trade Union, keadilan bagi kesatuan sekerja dalam negara ini. Mengapa. Mengapa mahu diselubungi perkara-perkara yang dijalankan oleh sebahagian daripada ahli, khususnya mungkin Ahli dari Puchong? Mengapa? Oleh kerana mereka tidak mahu kesatuan sekerja ini dipimpin oleh orang-orang yang mahu sebenar-benar melihat kebenaran dan mungkin yang mahu menyandarkan perjuangan kepada pihak pemerintah. Itu sahaja - very simple. Oleh kerana mereka mahu cuba menjadikan MTUC itu sebagai breeding ground untuk penentangan kepada Kerajaan. Ini yang mahu dilakukan. Sebab itu dia condone, sebab itu dia melindungi, menutupi segala kemungkar-kemungkar yang sedang dilakukan oleh seorang daripada ahlinya, yang juga menjadi Ahli Dewan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bercakap mengenai masalah hendak menuduh orang, ini memang senang, memang terlalu mudah. Saya hendak bertanya sekali lagi kepada pihak DAP, di manakah kesetiaan DAP kepada pihak PAS. Di manakah kesetiaan DAP kepada APU (Angkatan Perpaduan Ummah)? Apabila Kerajaan PAS negeri Kelantan mengenakan undang-undang menyekat penjualan ataupun peselenaan penjualan arak, dia tentang. Di mana kesetiakawanan DAP kepada Angkatan Perpaduan Ummah? Di mana kesetiakawanan DAP kepada PAS? Di mana kesetiakawanan Semangat 46 kepada PAS sehingga membiarkan sahaja DAP untuk mempertidakkkan keputusan PAS.

Saya harap rakyat jelata diberitahu mengenai hal ini. Jangan pihak Kerajaan sentiasa dituduh, walaupun perkara yang dibuat oleh Kerajaan adalah atas kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengikuti perjalanan Dewan Rakyat ini daripada tahun 1975. Saya pernah melihat telatah, saya melihat gelagat Ketua Pembangkang daripada tahun 1975. Suatu ketika dulu dia letak jawatan. Lepas letak jawatan ambil balik. Apabila Pulau Pinang kalah baru-baru pada 1990, dia letak jawatan - dia ambil balik. Sandiwara! Kalau orang Johor kata "Sandiwara Wayang Pekji". "Wayang Pekji" saya rasa kawan saya dari Jerai dia tahu "Wayang Pekji" apa. Yang dia bubuh make-up tebal-tebal untuk menutup bopeng dia, muka yang berlubang-lubang biar muka dia disinari lampu yang indah itu nampak lawa. To deceive the audience.

Ini permainan Ketua Pembangkang. Dia ini pada saya, saya rasa he is the doyen of Wayang Pekji. Dalam Negeri ini dia menjadi ketua Wayang Pekji. Muka dia coreng, koreng, bopeng dan macam-macam description yang agak boleh [*Sambil menunjukkan ekspresi muka yang mengancam*], Dia tampil dengan make up, dua suluh dengan spotlight yang kalau muka dia kurang merah, dia bubuh sinar lampu. Ini expert of Wayang Pekji. Kalau orang yang betul-betul ikhlas dalam perjuangan, berhenti - berhentilah. Ini berhenti sebagai jalan untuk mengugut supaya orang sokong dia. Dalam hal ini ada seorang lagi. Ini Ahli dari Kepong. Juga DAP. Saya memang sudah siap bullet pasal DAP. Apa Ahli dari Kepong cakap? Dia kata, "saya menegakan dekokrasi dalam parti. Tetapi kalau dalam pemilihan tahun ini saya ditentang, saya

akan letak jawatan". Apa punya cerita manusia ini. Kononnya demokrasi, tetapi apabila orang hendak lawan dia, dia letak jawatan. Bermakna dia mengugut - "jangan lawan saya". Jadi, dengan mengugut itu tidak demokratik. Nama sahaja Democratic Action Party. Ini DAP.

Dalam berita ini juga, tercatat bahawa sistem DAP menonjolkan pemimpin yang tidak popular. Lepas itu dikatakan "Ahli Parlimen dari Kota Melaka seorang leader, seorang pemimpin yang hanya issue oriented". Bukan pandai buat kerja. Dia pandai menyambar isu. Sikit-sikit apabila PAS kata hendak resthct jual lesen, dia pergi Balai Polis Jalan Bandar, ambil gambar ramai-ramai. Surat khabar pun ambil gambar - publicise.

Jenis pemimpin apa yang kita hendak? Pemimpin siaran? Pemimpin sialan? Pemimpin apa? Kedua-dua kepada saya, Barisan Nasional tidak mempunyai tempat. Kita tidak mempunyai tempat untuk pemimpin siaran, kita tidak mempunyai tempat untuk petnimpin sialan. Kita mempunyai tempat untuk pemimpin yang berjuang untuk rakyat jelata. DAP tidak! Ini [*sambil menunjukkan suatu keratan akhbar*] "Ahli Parlimen Kota Melaka gagal urus Pemuda". Ha, ini dia. Apabila salah seorang kita punya Speaker mem-pengerusikan, oleh kerana dia hendak popular, dia sambar. Cari sampai dia kena buang daripada Dewan. Dia hendak satu line, dua line satu hari - cukup. Oleh kerana cara dia servive, dia hidup oleh kerana publisiti.

Di sini saya minta tanggungjawab dari pihak akhbar. Pihak akhbar juga harus memainkan peranan. Jika tidak, saudara-saudari akan contribute to falsehood. Saudara-saudari menyumbang kepada

kepalsuan yang telah ditonjolkan, diperjuangkan oleh pihak pembangkang. Saudara-saudari jangan terperangkap. Pergi sahaja Balai Polis Jalan Bandar - ambil gambar. Macam mana gambar dia boleh keluar dalam suratkhbar kalau dia tidak pre-arranged. Apakah peranan saudara-saudari kepada nation building? Adakah itu peranan akhbar kepada nation building? Tidak logik. Pre-arranged.

Kalau kitalah, macam kata sahabat saya dari Pasir Mas tadi sampai minta tolong tulis. Apa pun tidak ada. Because you are not controversial. Adakah negara ini harus dipimpin menerusi perkara-perkara yang kontroversi sahaja. Perdana Menteri kita menjalankan kerja. Dia tidak kontroversi. Tetapi negara lain mahu menjadikan kontroversi. Apabila Perdana Menteri kata Malaysia tidak mahu menghadiri Mesyuarat APEC (APEC Summit) di Seattle, Canberra pun keluaran amaran. Dia kata, "Malaysia harus berhati-hati". Dia kata, "Amerika negara yang besar mempunyai kuasa ekonomi dan kewangan". Suatu ugutan!

Apa peranan DAP? Negara sedang diugut oleh satu kuasa dunia yang kononnya menjadi polis dunia, langsung tak bersuara pun DAP. Di manakah status DAP mendakwa diri sebagai pejuang hak asasi manusia di negara ini? Apabila Canberra yang menjadi proksi kepada Clinton mengeluarkan amaran, walaupun dua paragraf, kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kepada Perdana Menteri yang mendapat majoriti keyakinan negara, DAP langsung tak bersuara. Inikah letaknya pejuang yang hendak mengatakan pindaan hari ini tidak demokrasi.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari DAP ini subscribes to the democratic values of the West, kepada nilai-nilai demokrasi

daripada Amerika Syarikat, apabila Clinton mengeluarkan amaran walaupun menerusi Canberra, adakah itu satu amaran yang demokratik? Tidak! Adakah ini menurut prinsip-prinsip hak asasi manusia? Tidak! Adakah itu selaras dengan suara yang kononnya sesebuah negara itu harus dihormati, sesebuah negara menentukan corak kepimpinan negaranya sendiri? Tidak!

Adakah DAP pernah bersuara supaya Human Rights Charter, Kanun Hak Asasi Manusia yang digubal pada tahun 1948 itu harus ditukar?

Pada tahun 1948, waktu United Nation menggubal Human Rights Charter, kita semua masih lagi negara koloni. Amerika masih lagi mengamalkan slavery pada ketika itu. Ketika itu Malaysia tidak mempunyai masalah dadah. Ketika itu dadah belum lagi terdengar. Apabila kita gantung orang sekarang kerana mengedar dadah, dia kata, "Oh, you are violator of human rights". DAP, apa suara dia? Tuduhlah Ketua MCA, tuduh Presiden MIC, tuduh Presiden GERAKAN, Perdana Menteri UMNO diperkotak-katikkan. Sebagai Ahli UMNO, komponen Barisan Nasional, saya memberi amaran kepada DAP, jangan celupar mulut. Jangan sekali-kali celupar mulut DAP dalam Dewan ini, oleh kerana kita tahu apa yang kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya harap baik pihak akhbar, baik seluruh Ahli Dewan yang ada, dan saya harap pihak PAS akan melihat pada hari ini membuktikan bahawa saudara memang tidak bersetuju dan tidak sesuai dengan DAP. Buktikan saudara akan menyokong pindaan Perlembagaan ini!

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Nilam Puri.

5.53 *ptg.*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Nilam Puri]: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan pada hari ini bagi orang yang bukan peguam, amat sukar untuk mereka berbahas, kerana Fasal-fasal ini perlu diteliti lebih awal ataupun secara yang menyeluruh. Tetapi oleh kerana dibentangkan hari ini, dibincangkan pada hari ini, maka kita bercakap memberi pandangan berdasarkan apa yang kita ingat dan apa yang kita boleh sumbangkan tanpa mencari di sudut yang lebih ilmiah. Kalau kita hendak bercakap macam Pasir Mas cagak, itu tak payah bentang pada hari ini, dia boleh bincang hari ini. Tetapi kalau kita hendak bercakap dalam bentuk ilmiah, sepatutnya perlulah Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan yang begini penting memberi masa kepada Ahli-Ahli Parlimen untuk meneliti dan memberi pandangan pada besoknya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri di antaranya memang kita telah turut daripada awal iaitu tentang perlantikan, cuba hendak melantik Tun Datu Mustapha sebagai Menteri dengan tidak payah meletakkan jawatan sebagai ADUN, setelah berlaku kesilapan yang diumumkan oleh Perdana Menteri tentang perlantikan Tun Datu Mustapha tanpa merujuk kepada Peguam Negara. Dan di atas kesilapan keterlanjuran Perdana Menteri membuat kenyataan akhbar ataupun diinterview oleh para wartawan, maka pada hari ini, pindaan Perlembagaan ini dibentangkan di dalam Parlimen.

Hujah yang diberi oleh Timbalan Perdana Menteri juga, iaitu seorang Menteri yang menjadi ADUN, beliau boleh memajukan kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakilinya. Saya rasa hujah ini terlalu dangkal, sebab kawasan itu dimajukan tidak kira sama ada ia diwakili oleh Menteri atau tidak Menteri. Kalau kita lihat, Menteri amatlah kurang mewakili Wilayah Persekutuan, tetapi kita lihat di Malaysia ini, Wilayah Persekutuanlah yang paling maju. Kedah paling banyak Menteri, tetapi kita lihat kemajuan di negeri Kedah terkebelakang kalau dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan ataupun Pulau Pinang ataupun bandar-bandar. Hujah yang diberi oleh Timbalan Menteri mengatakan jikalau ADUN menjadi Menteri, kawasan DUNnya boleh dimajukan. Saya rasa itu adalah hujah yang tidak selayaknya disampaikan dalam Parlimen yang mulia ini.

Kemudian, kita lihat dalam pindaan ini juga, di antaranya menyentuh Jadual Kelapan. Semakin kerap sekarang ini kita lihat di Parlimen ini bila dipinda satu peruntukan Perlembagaan, turut serta dipinda di peringkat Dewan Undangan Negeri. Ertinya kuasa Dewan Undangan Negeri sekarang ini ditarik satu demi satu. Mula-mula dahulu di dalam Dewan ini kita lihat pindaan hal Raja-Raja, kemudian Negeri-negeri terpaksa ikut untuk meminda mengikut apa yang diluluskan oleh Parlimen. Kemudian pada hari ini pula Jadual Kelapan diminta Negeri akan meminda lagi mengikut apa yang diluluskan oleh Parlimen. Yang membimbangkan kami, kami melihat kuasa Negeri semakin terhakis, kuasa Negeri semakin diambil oleh Pusat. Ada pula cadangan di luar Parlimen yang disiarkan di dalam akhbar, iaitu Majlis Agama Islam Negeri-negeri tidak lama

lagi akan diselaraskan dan akan diletakkan di bawah Pusat. Ini kita lihat autonomi Negeri dicabut satu demi satu. Dan yang paling akhir, yang paling kemuncak yang akan dicabut nanti ialah kuasa mentadbir ataupun kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Kita lihat sekarang ini Negeri ada kuasa-kuasa autonomi yang utama, seperti hartanah, bekalan air, agama Islam dan Raja-Raja Melayu. Kita lihat yang paling besar di sini ialah pentadbiran hal-hal berkenaan dengan Islam ditadbir oleh Negeri. Kita bimbang kalau kuasa ini ditarik satu demi satu, ianya boleh menjadi' seperti negeri Yugoslavia. Bila negeri-negeri itu tidak ada autonomi, pihak negeri itu tidak dapat menjalankan kuasa di peringkat Negeri. Bila mereka berpecah, kita lihat apa yang jadi kepada Bosnia. Bosnia tidak ada kuasa untuk mentadbir hal agama Islam di pehngkat negeri mereka. Kita lihat bila mereka merdeka, mereka menghadapi masalah aqidah rakyat mereka yang begitu rendah dan yang begitu lemah. Kita harap perkara pindaan di peringkat Negeri ini, bila Pusat pinda Negeri hendaklah pinda. Kita kena berhati-hati, jangan melihat masa sekarang, lihatlah masa yang jauh, lihatlah masa yang akan datang.

Ada pandangan yang diberi oleh Menteri di luar Parlimen mengatakan bahawa hal Islam hendaklah ditadbir oleh Kerajaan Pusat. Barangkali ini kita lihat kerana satu demi satu negeri jatuh ke tangan Pembangkang. Sekarang ini Kelantan, dan barangkali dalam pilihanraya akan datang, insya Allah, kami harapkan Terengganu. Dengan itu kita lihat satu demi satu negeri diperintah oleh Pembangkang, oleh Angkatan, kita lihat melaksanakan Islam sekadar yang mereka mampu mengikut undang-undang

Negeri dan Perlembagaan Persekutuan yang ada. Apakah di atas alasan ini, maka kita lihat Undang-undang Tubuh Negeri dipaksakan untuk dipinda satu demi satu setelah melihat sekarang ini trend umat Islam memilih Parti Islam di seluruh dunia Islam sekarang ini.

Kalau saya pergi ke luar negeri, bila tanya hal Perdana Menteri Malaysia, saya tetap mengatakan Perdana Menteri Malaysia kalau dibandingkan dengan Presiden-Presiden ataupun Raja-Raja di negara Arab, Perdana Menteri Malaysia baik dan mengatasi mereka, mereka terlalu jauh. Walaupun saya seorang Pembangkang, saya bercakap demikian. Tetapi saya melihat keadaan sekarang ini di dalam negeri, erosion of democracy itu sedang berlaku. Jadi, kita bimbang apa yang kita khabarkan di luar negeri, balik ke negeri ini kita terpaksa menyatakan bahawa kuasa demokrasi semakin hari semakin ditarik. Kami daripada PAS amat rugi terhadap demokrasi, terutama mutakhir ini. Bila berlaku pilihanraya di Algeria, bila berlaku pilihanraya di Jordan, kita lihat bila golongan Islam mencapai kemenangan, Amerika dan Kuasa Barat sanggup menyokong kuasa diktator. Mereka sanggup menyokong kuasa tentera, mereka sanggup menyokong mana-mana negeri yang tidak ada pilihanraya. Misalnya kita lihat Presiden Hoesni Mubarak ketika ia bercakap dengan Bill Clinton, rayuannya kepada Bill Clinton semasa ia berkunjung ke Washington baru-baru ini, kata Presiden Hoesni Mubarak, bantulah kami untuk menutup demokrasi di Mesir. Andaikata berlaku pilihanraya di Mesir, wahai Bill Clinton, kami bimbang negara Mesir akan menjadi negara Islam.

Oleh itu, hai Bill Clinton, kalau mahu lihat Mesir kekalkan negara sekular,

bantulah kami untuk menutup demokrasi. Saya bimbang pindaan demi pindaan ini yang menutup demokrasi ini selaras apa yang berlaku di negara-negara Arab sekarang ini, yang cuba menutup demokrasi apabila mereka melihat arus Islam sedang meningkat naik di negara mereka.

Perdana Menteri Malaysia saya katakan di luar negeri, saya sendiri memberi markah yang tinggi, saya harap kekalkanlah markah ini janganlah tutup ruang demokrasi di Malaysia ini, walaupun yang masih ada ini kita cuba tutup, maka tidak lama lagi kalau berlaku demikian kami terpaksa mengatakan kepada rakan-rakan kami Perdana Menteri Malaysia seiring sahaja dengan pemimpin-pemimpin negara Arab yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara Jadual Kelapan ini saya lihat satu perkara yang serius sebab lihat soal pentadbiran agama Islam ini terutama di Asia Tenggara ini dalam keadaan di seluruh dunia ditadbir oleh satu kuasa yang tidak mempunyai undang-undang, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak boleh diharapkan lagi. Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang ini menjadi alat kepada Amerika Syarikat untuk mengepung dan menindas umat Islam. Oleh itu, mahu tidak mahu umat Islam terpaksa membina kubu terutama kubu aqidah mereka, di mana tempat yang boleh kita membina kubu hendaklah kita bina kubu kekuatan aqidah Islam. Ini tuntutan semasa sekarang ini. Mungkin kita boleh bercakap bahasa yang lain dua-tiga puluh tahun yang lalu tetapi buat masa sekarang ini umat Islam wajib membina kekuatan kubu atau kekuatan aqidah mereka dan kubu-kubu itu perlu dibina. Kita lihat fenomena yang berlaku di seluruh dunia sekarang ini. Kita lihat suara yang dikeluarkan oleh akhbar

Indonesia yang diterjemahkan oleh Utusan, di antaranya - benar atau tidak-tetapi inilah surat yang diedarkan iaitu surat John Major terhadap usaha mereka untuk membunuh umat Islam di Bosnia-Herzegovina. Majalah *Times* menyiarkan kata-kata pemimpin Serbia mengatakan "menjelang bulan Disember akan datang, dengan kehendak Tuhan..." kata mereka, "kami akan membunuh lebih kurang setengah juta lagi umat Islam". Ini menandakan umat Islam dijadikan mengalami hakisan statistik untuk mereka menguji kekuatan mereka sekarang ini. Sebab mereka tahu di sudut pertarungan ideologi komunis sudah runtuh, liberalisme juga runtuh. Oleh itu, Islam menjadi tanpa tandingan di dunia sekarang ini di sudut pertarungan ideologi. Yang ada pada mereka bukan ideologi, hanyalah kekuatan senjata.

Oleh itu Fasal 8 yang memberi peluang Negeri-negeri membina kekuatan mereka sendiri hendaklah diberi peluang kepada Negeri-negeri itu membina kekuatan aqidah itu. Pihak Kerajaan Pusat sepatutnya melihat perkara ini, jangan dicuri satu demi satu kuasa Kerajaan Negeri yang sekarang ini kalau dilihat dengan kuasa yang ada itu insya Allah kita dapat membina kubu kekuatan aqidah umat Islam daripada masa ke semasa. Perkara ini hendaklah direnung, jangan dilihat soal dia Semangat 46, soal PAS, soal UMNO. Jangan kita lihat soal itu. Kita lihat masa depan Islam secara menyeluruh untuk kita renung bersama.

Tuan Yang di-Pertua, masuk kepada pindaan Perlembagaan ini, tidak dapat dinafikan walaupun ada hujah-hujah yang diberi kepada pihak Barisan Nasional mengatakan ia adalah bersifat umum tetapi kita tidak dapat nafikan ia bersifat khas iaitu untuk membolehkan Tun Datu Mustapha menjadi Menteri. Maka inilah

pindaan yang dibuat. Ianya bukan kerana kepentingan negara tetapi kerana kepentingan seseorang. Dan pindaan ini adalah sangat luar biasa ia dilakukan walaupun di luar Parlimen ia telah diberitahu, tetapi pembentangannya di dalam Parlimen ini adalah tergesa-gesa.

Daripada apa yang kita dapat tahu UMNO memang takut untuk menghadapi pilihanraya kecil di Sabah. Saya mendapat laporan lengkap dari agensi Kerajaan yang membuat kajian menyeluruh di Sabah, mereka dapati kalau ada pilihanraya di Sabah sekarang ini UMNO pasti kalah tanpa Tun Datu Mustapha di Usukan. Ini adalah hasil kajian daripada agensi Kerajaan yang saya dapat secara lengkap. Iaitu kalau ada pilihanraya kecil melainkan calonnya Tun Datu Mustapha sahaja yang boleh menang. Selain dari Tun Datu Mustapha kalau diletak dalam pilihanraya kecil itu, kalah. Oleh itulah, pindaan ini dibawa. Ertinya kerana individu bukan sangat kerana kepentingan negara.

Kesimpulan laporan agensi Kerajaan itu mengatakan UMNO kalah tanpa Tun Mustapha. Dan itulah satu-satunya kerusi UMNO yang dimenangi dalam pilihanraya. Selain yang ada dalam Sabah itu kerusi UMNO itu semuanya kerusi lompat. Hanya satu yang menang, kalau ada pilihanraya kalah ertinya imej UMNO akan jatuh di Sabah dan ianya akan berkait di Semenanjung ini. Sebab itulah, pilihanraya kecil dielakkan di Sabah itu bukan masalah kewangan seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri. Kita tahu dalam pilihanraya kecil PAS sanggup bertanding bila-bila ada masa pilihanraya kecil. Kami berbelanja ala-kadar. Kita ceramah tanpa upah. Kita perlekat poster tanpa upah. Kita boleh belanja ala-kadar. Adakan pilihanraya, kalah perkara biasa.

Tetapi BN memang tidak berani menghadapi pilihanraya kecil sebab mereka terpaksa berbelanja begitu besar.

Lihat perbicaraan yang sedang berlaku di Terengganu sekarang. Pengakuan-pengakuan saksi yang diberikan dalam mahkamah bagaimana mereka diupah satu hari berapa ringgit sebagai anak angkat dan sebagainya untuk menjadi pekerja kepada Barisan Nasional. Sedangkan kita sanggup menghadapi pilihanraya kecil sebagai parti Pembangkang ada kekosongan kita bertanding. Kalah menang itu perkara biasa, kita boleh berbelanja ala-kadar.

Yang penting di sini bukan belanja banyak, yang penting di sini kalau diadakan pilihanraya kecil di Usukan, UMNO akan kalah. Dan yang paling penting mereka takut kehilangan maruah di situ. Dan nama-nama yang telah dicadangkan oleh pihak UMNO hasil kajian agensi Kerajaan ini ada beberapa nama tetapi semua nama ini setelah disoal selidik mereka juga boleh kalah. Di antara nama yang dicadangkan kalau ada pilihanraya kecil ialah Sdr. Yahya Lampong dan seorang lagi Lamsir.

Seorang lagi saya tidak ingat melainkan esok kalau saya teringat laporan itu, saya boleh beri nama itu. Dan diberitahu kalau Yanya Lampong bertanding pun kalah. Kalau Lamsir bertanding pun kalah. Oleh itu, kalau kalah di Usukan, kubu UMNO tidak ada tempat yang lain yang mereka boleh menang di Sabah. Jadi, sebab itulah by-election itu tidak mahu diadakan. Dan menurut kajian agensi Kerajaan itu, kalau ada pilihanraya hanya dua kerusi sahaja UMNO boleh menang. Salah satunya kerusi dalam Parlimen Semporna yang diwakili oleh anak Menteri Tanah dan satu lagi kerusi Usukan jika diwakili oleh Tun Datu Mustapha.

Ertinya kalaulah ada pilihanraya umum sekalipun mereka hanya yakin dua kerusi ini sahaja yang boleh menang di Sabah sekarang ini. Ini menandakan bahawa kita lihat di Sabah lebih merupakan pertarungan politik pemilihan UMNO pada November yang akan datang daripada menguasai negeri tersebut setelah hasil agensi Kerajaan itu melaporkan bahawa mereka boleh menang hanya dua kerusi sahaja daripada seluruh kerusi di negeri Sabah. Oleh itu, kerana pindaan itu kita nampak untuk kepentingan UMNO, walaupun kita tahu kalau ada pilihanraya kecil orang yang hendak lawan dengan Tuan Abdul Ghafar Baba, orang yang hendak lawan dengan Timbalan Presiden UMNO akan senyutn lebar apabila kalah UMNO di situ. Tetapi bagi kita, kita tidak mahu campur tangan hal pemilihan November akan datang. Tetapi yang penting bagi kita lihat di sini ialah pindaan ini lebih merupakan untuk menyelamatkan politik UMNO, bukan di atas kepentingan negara.

Di atas hujah-hujah yang diberi itu, maka kami daripada PAS menentang pindaan Perlembagaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Jerai.

6.08 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin

Amiruddin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangunkan untuk menyokong pindaan Rancangan Undang-undang Pelembagaan bagi

mbolehkan Ahli Dewan Undangan Negeri mengekalkan kerusi walaupun dilantik sebagai Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pindaan Perlembagaan yang dibuat kita sedia pasti bahawa Kerajaan akan mengkaji

sedalam-dalamnya supaya setiap pindaan itu tidak akan mengecewakan kehendak rakyat yang telah mengamanahkan Barisan Nasional untuk memerintah negara kita ini.

Jadi, soal Pembangkang mengatakan bahawa pindaan ini dibuat dengan tergesa-gesa tidak dapat dan tidak boleh diterima.

Sebelum itu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bayan Baru yang sanggup tunggu sedangkan rakan-rakan dia yang lain telah memulaukan Dewan ini apabila ahli-ahli dari Barisan Nasional bangun bercakap. Terima kasih. Bagus! Hak lain-lain tidak terpakai. Orang Cina kata, Tuan Yang di-Pertua, peribahasa dia "Mo-nui", "Mo-nui" kalau bahasa Melayu kata.....

Tuan Ahmad bin Nor: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bayan Baru bangun minta penjelasan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila. Sahabat kita ini gentleman,

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jerai tidak perlu puji sayalah atau ucap terima kasih. Kerana saya berada di sini ada tujuan. Saya tahu yang lain bukan pulau, mereka ada di luar dan turut mendengar. Saya berada di sini sebab saya hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, sebab itu saya tunggu. Sebab itu saya berada di sini, bukan kerana ada apa-apa untuk Barisan Nasional.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tetapi Yang Berhormat tidak bangun pun tadi semasa saya

bangun. Jadi, sebenarnya Yang Berhormat mereka ini boycott, Yang Berhormat datang lambat tadi, Yang Berhormat sesat seorang-seorang masuk di sini. Inilah yang dilaung-laungkan demokrasi, yang taukeh wayang tongkwai tadi 'pey he yeh', taukeh wayang tongkwai dalam bahasa Cina 'pey he yeh'. Dia bubuh gambar, 'ok aik-ok aik' yang duduk main di tepi sungai, duduk menghalau hantu sungai.

Tuan Wee Choo Keong: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Masuk seorang lagi bagus, ini Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong ini bagus, mahu keluar ke? Balik juga la! Rugi rakyat di kawasan dia memilih dia menjadi Wakil Rakyat, tinggal Dewan,.....

Dr. V. David: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha! sila-sila, mari masuk Puchong, tidak larat jalanlah tu. Itu pun dia kata kita hendak lantik Menteri yang tidak larat, hak depa masuk pun ke mari pun tidak larat, dia sakit tidak apalah, kita pun terima, tetapi dia kata hak kita, itu yang kita marah, minta maafilah hendak buat macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat semata-mata untuk memastikan bahawa rakyat Sabah ini diwakili oleh seorang Menteri yang akan melihat tentang kebaikan dan kesejahteraan rakyat Sabah itu sendiri, disebabkan oleh parti yang memerintah Sabah hari ini telah menjalankan pentabirannya dengan tidak adil, dan memihak kepada sesuatu kaum sahaja. Jadi kita berpandangan bahawa kita perlu mengadakan satu Kementerian khas untuk memastikan

bahawa rakyat Sabah dapat nikmat daripada kemerdekaan yang diperintah oleh Kerajaan Pusat pada hari ini.

Tuan Ahmad bin Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Okaylah.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Jerai sedar bahawa tidak ada sesiapa yang mempertikaikan kuasa mutlak Perdana Menteri untuk melantik sesiapa menjadi Menteri dari Sabah. Soalnya sekarang mesti dibuat mengikut Perlembagaan, yang dipertikaikan sekarang pindaan Perlembagaan untuk membenarkan seorang Menteri Persekutuan duduk di dalam Dewan Undangan Negeri. Itu yang dipertikaikan, bukan soal hendak melantik sesiapa di Sabah, hendak lantik 10 orang pun, kalau Perdana Menteri ada kuasa - lantik - tidak ada hal. Terima kasih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau hendak duduk beberapa Dewan pun peduli apa kita, dia buat kerja. Kalau saya boleh duduk tiga Dewan, Senate, Dewan Rakyat, Dewan Negeri, apa salahnya kalau saya boleh berkhidmat untuk rakyat. Adakah salah? Ini yang pegang Negeri (State) ini kiri-kanan masuk elaun, mari datang hendak membahaskan tentang kenaikan elaun senyap-sepi, mari datang hendak pinda Perlembagaan, hendak beri rakyat sejahtera oh! Marah, bangkang. Inilah diibaratkan cara Ketua Pemaagkang ini macam anjing main bola, kaki empat hendak main bola macam mana? Dia tendang bola, bola duduk di tengah-

tengah, bola tidak pergi ke mana, dia ini macam 'kera larikan seluar orang' ini. Dia larikan seluar orang, dia pun naik atas pokok, kawan ini di bawah seluar tidak ada, hendak marah, kera lari ke pokok lain, ha! Ini ibaratnya. Jadi tengoklah apa dia kata puak-puak belakang 'oo', apa dia bercakap puak-puak belakang 'oo'! Dia kira 'oo' sahaja, bukan dia kira apa yang taukeh dia bercakap itu.

Sebab itu saya kata tadi bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak lantik orang itu dia tahulah, dia doktor, dia tahulah sihat atau tidak sihat. Ini DAP ada seorang pun uzur, dia bukan uzur apa, badannya sihat, otaknya uzur, bercakap merepek daripada awal sampai habis, berapa jam dia bercakap, ulang benda itu Tuan Yang di-Pertua macam kita kayuh gerak turun bukit itu - pusing, pusing, pusing - matlamatnya satu sahaja, tidak setuju Bill pindaan ini sahaja, bangkit khabar 'saya tidak setuju', duduk, habis cerita. Yang dok cerita panjang-panjang buat apa melarat sampai ke rata pelusuk dunia, hendak cerita apa hal itu. Kita duduk dalam Dewan ini bukannya tidak erti. Tengok macam Barisan Nasional, pagi ini beri pindaan Perlembagaan kita study dalam masa setengah jam, bangkit hujahlah peduli apa. Kita 'steady' ini hendak masa sampai seminggu dua, otak duduk di mana? Tidak erti hendak membaca pindaan sedikit ini pun? Sambil dia bersyarah idea saya sudah datang, ini disebabkan masa tidak cukup, saya hendak sambung besok Tuan Yang di-Pertua hendak cerita hal ehwal mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan marah sangat, kalau tidak setuju pun bangkit elok-elok, "Kami pihak Pembangkang sekian-sekian." Ini

bangkit, ungkit yang bukan-bukan hak yang sudah-sudah pun ungkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Parti Pembangkang kalau Kerajaan Barisan Nasional ini memerintah dengan kejam, dengan kuku besi, dengan diktator dan sebagainya, mengapakah setiap kali pilihanraya umum Kerajaan dengan restu Allah S.W.T. masih memberi kuasa kepada Barisan Nasional untuk memerintah. Soalannya senang sahaja.....

Tuan Ahmad bin Nor: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bayan Baru minta jalan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila! Saya dengan abang ini, no problem!

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hendak tolong jawab bagi pihak Pembangkang.

Barisan Nasional bukan guna kuku besi semasa pilihanraya ataupun cuba hendak menekankan rakyat secara yang dikatakan kejam, itu saya puji. Tetapi apa yang digunakan oleh Barisan Nasional sepertimana yang semua orang tahu, dunia tahu, gunakan politik wang, mengugut, nombor satu, bayar upah rasuah yang besar, yang paling luas, sebab itu mereka takut pilihanraya kecil.

Barisan Nasional memang takut pilihanraya kecil kerana kena bawa wang berguni-guni, hendak kena tabur baru hendak menang, memang boleh menang, kita tidak kata pilihanraya kecil Barisan akan kalah, tetapi wang yang banyak perlu dibayar sebab itu sekarang tidak mahu ada pilihanraya kecil, hendak kena tunggu sampai dua tahun tidak perlu ada,

bimbang tidak cukup enam bulan, hendak dua tahun. Itulah sebabnya dan itulah yang dikatakan sebab Barisan Nasional cuba hendak menggunakan cara yang tidak betul dalam pilihanraya, sama ada pilihanraya umum ataupun pilihanraya kecil, kalau boleh tidak ada pilihanraya lagi baik, tidak perlu hendak curah wang kepada rakyat atau kepada pengundi-pengundi. Terima kasih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya satu kepada Yang Berhormat dari Bayan Bara, adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa rakyat Malaysia ini adalah rakyat jenis corruption atau rakyat yang terhina hanya mengharap duit untuk memangkah? Adakah begitu rendah mutu rakyat Malaysia, hanya mengundi Kerajaan kerana memberi duit?

Saya bangsa Melayu beragama Islam, haram kalau saya menerima duit rasuah. Jadi adakah Yang Berhormat mengatakan pengundi-pengundi kawasan saya, orang Melayu, orang beragama Islam ini hanya mengharap duit untuk memangkah Barisan Nasional, walaupun mereka petani, nelayan yang miskin? Tidak sekali-kali. Jadi, Yang Berhormat jangan memandang rendah kepada rakyat Malaysia. [Tepuk] Ada lagi? Kalau tidak, saya hendak sambung - ha! tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada rakan-rakan daripada DAP, taukeh sudah balik atau belutn? Tidak apa duduk, jangan kacau, kita hari ini membahar fasal negara, jadi kita marah-marah orang, kita keluar pergi ke kantin meluru macam itik jalan, buat apa? Bapak itik lalu depan, yang anak itik ikut belakang, datang kereta pun tidak kira lagi, bump! itu yang itik mati tengah jalan itu - merengkok!

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini, insya Allah, kita akan lulus demi kebaikan untuk rakyat keseluruhannya, bukan ada matlamat untuk kepentingan seseorang. Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bukan hendak tongkat dunia, satu hari sampai masanya dia pergi. Jadi kalau sampai masa dia pergi, oh! Kita panggil pula Dewan ini pinda pula Perlembagaan tidak mahu pula yang itu - tidak, bukan macam itu. Ini Dewan Rakyat, bukan Dewan DAP, sekejap setuju, sekejap tidak setuju - sekejap setuju, sekejap tidak setuju, sekejap letak jawatan, sekejap masuk balik, sekejap sokong PAS, sekejap tidur sekelambu, sekejap tidur luar kelambu. Jadi tidak bolehlah buat macam itu. Kita dalam perjuangan ini kena ikhlas.

Yang Berhormat dari PAS tadi kata, kita orang Islam kena bersatu, tidak usah kira PAS, tidak usah kira UMNO, tidak usah kira S.46. Yang mengatakan orang-orang UMNO ini kafir, di mana yang hendak bersatu? Saya pergi ke Mekah, saya mengerjakan Haji, saya buat Umrah, Kaabah itulah yang saya pergi, Presiden PAS kaabah itulah, ini ahli-ahli PAS yang berserban besar, kecil Kaabah itulah, Kaabah mana? Kemudian balik di sini mereka kata oh! Kalau orang UMNO - haram, kafir, pangkah UMNO tidak masuk syurga. Adakah dalam pintu syurga ditulis ini PAS, ini UMNO? Jadi kalau budak-budak kecil bolehlah kita pergi berbohong. Ini yang hendak pergi mengundi ini orang tua-tua, sekali-sekala kita jual minyak orang belilah. Tetapi kalau minyak itu orang balik urut-urut dia bengkak lagi, dia tidak beli lagilah selepas itu. Kita beli minyak hendak urut bagi hilang bengkak, bubuh minyak dia bengkak lagi - tidak belilah selepas itu, sekali bolehlah, macam Kelantan sekali tidak apa, selepas ini tidak adalah, tidak upayalah. Jadi kita janganlah tunjuk,

dalam Islam sendiri ada kata, kalau kita memaki sesama, ataupun kalau kita fitnah sesama agama, sesama abang-adik ini samalah seperti kita makan daging mayat kawan ini, gamakkah hendak makan macam itu? Daging lembu dua hari tidak masuk dalam peti ais tidak boleh dimakan sebab sudah berbau, tambah daging kawan, ini dalam Islam bukan saya kata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ibaratkan Ketua Pembangkang yang berhujah adalah seperti nenek tua yang tidak ada pedoman. Nenek tua ini bila dimarah dia merungut - ibarat orang nyanyuk. Jadi, saya haraplah yang muda-muda yang duduk di belakang sana, kalau taukeh sudah tidak betul, kita kena pindahkan taukeh itu bubuh di sebelah beri dia rehat. Yang muda-muda ini, "You young guys, come on, wake up", dengan izin, "go for democracy in your own party". Kalau saya bercakap dalam bahasa Malaysia mereka tidak faham sangat. Yang Berhormat Bayan Baru tidak faham. Katau saya cakap Inggeris, dia faham sedikit. Lain kali jangan buat dah. Kalau kepala keretapi, dia tala bukit, kita pun tala bukitlah. Kalau kita hendak pergi ke Johor Bahru tiba-tiba kepala ttu hendak pergi ke Butterworth - Butterworthlah kita. Jadi, tidak boleh.

Kita diamanahkan oleh rakyat dan rakyat yang memangkah kita itu memberi amanah kepada kita untuk membela nasib mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau benda yang Kerajaan hendak buat ini adalah untuk kebaikan kepada masyarakat, kepada rakyat, apa salahnya kita bangkit menyokong. Kalaulah Barisan Nasional kata, kita tidak mahu bagi rakyat hidup senang, hendak bagi rakyat hidup susah, itu saya sendiri pun menentang, tidak payah DAP buat ini semua. Tetapi mana ada dalam dunia

ini - saya hendak cerita sedikit, orang-orang yang miskin ini diberi rumah free, bagi duit dalam ASB dan sebagainya. Mana ada dunia, tniari cerita dekat saya. Tak ada - inilah satu di Malaysia. Di Bosnia kita boleh tengok wajah-wajah ketakutan dalam kaca televisyen, tetapi kita di Malaysia ini, pukul 1.00 tengah malam boleh langkah keluar bilik pergi makan "charkuetiau" di tepi jalan. Tidak takut apa - punya aman dan tenteramnya. Kita berasa lapar, kita turunlah - pukul dua, pukul tiga pagi masih order teh tarik lagi. Tidak takut apa. Inilah kebahagiaan. Kita hendak macam mana lagi? Cukup bulan, Wakil-Wakli Rakyat belum cukup bulan elaun sudah sampai. Hendak timbang apa lagi? Yang ini pun tidak boleh hendak sokong. Bukan hendak memotong elaun Wakil Rakyat, ini hendak membuat kebaikan kepada rakyat.

Surat khabar tolong beritahu kepada masyarakat Malaysia, DAP ini wayang tongkoi, dia duduk main sandiwara. Walaupun nyonya itu tua, dia bubuh make-up, dia jerut pinggang, nampak muda. Di luar kita boleh sandiwara tetapi di Dewan yang mulia ini kita jangan bersandiwara, Sebab di sinilah tempat kita memperjuangkan nasib rakyat kita. Berjuta-juta rakyat mengharapkan kita membela nasib mereka. Kalau kita di sini bertindak menentang kehendak rakyat, tunggu pilihanraya yang akan datang, rakyat akan tahu mengajar.

Saya hendak peringatkan sekali lagi kepada Ahli Bayan Baru, fasal duit jangan cakap. Nanti katau saya pergi ke Bayan Baru, saya khabar kepada mereka bahawa Yang Behormat Bayan Baru kata hampa ini tidak guna seduit, terima rasuah - kut tak balik Bayan Baru agaknya. Kena balik ke Kedah tengok orang kampung, Kalau balik ke Kedah, saya akan khabar kepada orang Kedah

fasal ini, kut beras pun mereka tidak bagi dah. Jangan kita buat begitu. Saya cukup marah kalau kita kata rakyat kita jenis itu.

Adakah pegawai-pegawai yang ada di sini semuanya jenis itu? Wajah-wajah yang berseri-seri, yang tutup kepala elok-elok belaka ini, adakah mereka jenis itu? Jagalah sedikit, janganlah beri saya pun hot juga.

Tuan Yang di-Pertua, tentang yang dua tahun yang kita hendak sambung ini - ini adalah untuk kebaikan rakyat. Sekali pilihanraya, cerah rumput di situ. PAS turun dengan jubah dan sebagainya - cerah hutannya. Saya tahulah, saya ini menang dalam pilihanraya kecil - pukul dua, pukul tiga pagi masih bersyarah lagi. Kadang-kadang puak PAS, sembahyang subuh pun terlepas sebab pukul empat masih bersyarah lagi. Terlepas, main dengan tidur sat ni. Biji mata merah macam "langsuir" sebab tidur tidak cukup. Itu masalah yang kita hadapi.

Lagi satu kita hendak menyelamatkan duit rakyat. Duit itu kalau kita tidak guna untuk pilihanraya kecil, kita boleh ambil duit itu untuk buat pembangunan - jalan, api, air - bagi kepada rakyat. Fasal apa kita hendak ambil duit rakyat untuk buat pilihanraya? Sedangkan kita boleh mentadbir negara ini dan kawasan itu ada lagi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negerinya, ada Pegawai Daerah untuk mentadbirkan. Jadi apa salahnya? Kemudian kita kata tadi, bukan kita kata tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua ada hak. Kalau dia berasa kena buat, kita buatlah. Ini untuk kebaikan, bukan untuk control. Hendak control apa? Macam kawasan saya, DAP bertanding pun bukan boleh menang. PAS sudah cuba beberapa kali, tetapi tidak boleh. Jadi

apa maknanya buat pilihanraya? Biarlah keadaan macam ini, ini untuk kebaikan. Khabarkan kepada taukeh hampa itu kut dia tidak faham. Kira tuan-tuan, mana ada manusia ini bersyarah macam itu, kita hendak dengar pun, lama-lama kita terlena mendengar syarahan dia itu. Selalunya kita lena bila kita dengar orang menyanyi tetapi ini, dia bersyarah kita boleh lena. Fasal apa? Teruk. Orang Kedah kata, cukup teruk, tidak boleh terima, akal tidak boleh terima.

Tuan Ahmad bin Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bayan Baru minta jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Jerai lena, macam mana dia dengar semua apa yang Ketua Pembangkang ucapkan tadi? Dia kata dia sampai terlena, tetapi dia tahu apa yang diucap. Saya rasa ini pun cakap yang tidak betul. Kena perbetulkan sedikit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, saya bila Kerajaan bayar elaun kepada saya, saya sekalipun tidak lena dalam Dewan ini. Tetapi yang saya tengok ialah orang DAP, tahu-tahu sekejap lagi bunyi "ooh!", mereka pun jaga terus "ooh!" *[Ketawa]* Bukan wakil Barisan yang lena. Yang Berhormat mari lambat, Yang Berhormat bukan tahu cerita. Jadi, hendak tuduh kita lena. Saya catat apa yang dia bercakap ini. Saya dibayar elaun untuk menjaga rakyat, jadi saya tidak lena.

Tuan Wong Wing On: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kampar minta jalan.

Tuan Wong Wing On: Point of order. Tuan Speaker, saya berasa kesallah kerana sekarang ada orang yang mencanang-canangkan konsep "Melayu Baru". Ini standard "Melayu Baru" kah ini? Ini tidak kena-mengena. Sudah setengah jam saya dengar, tidak ada kena-mengena dengan tajuk yang kita bincangkan sekarang. Tiada standard. Ini standard "Melayu Baru" kah? Point of order 36(1) - tidak kena-mengena dengan pindaan Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, perkara yang dibincangkan berkaitan, kerana Ketua Pembangkang telah mernbangkitkan masalah ini. [*Sampuk*]

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya beri amaran ya! Melayu, Melayu jangan main. Ini Melayu Baru saya punya hak - jangan main-main. Lain boleh main-main - sat ini kut pintu reban - saya hendak khabar. Saya bercakap macam ini sebab saya hendak membetulkan hujah yang dihujahkan oleh you punya taukeh. Taukeh Yang Berhormat dari Tanjong bercakap tidak kena. Saya kena terangkan balik kepada Dewan ini yang saya kata tidak kena itu. Saya menceritakan yang itu, bukan saya pergi jauh, cuma cara saya bercakap ini loghat negeri Kedah, hendak buat macam mana. Kalau Yang Berhormat tidak faham cara saya bercakap, pergi ke bilik Interpreter, tanya. Jangan Yang Berhormat marah saya. Ini cara saya bercakap. Macam Yang Berhormat Pengkalan Chepa bercakap, saya tidak faham dia dan dia tidak faham saya, lepas itu dia marah dekat saya. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, minta simpanglah dari Allah S.W.T., kalau

DAP memerintah, saya ingat pindaan Perlembagaan ini akan dibuat 10 kali dalam setiap persidangan Parlimen. Kita mesti ingat, kita ini hidup di dalam zaman yang membangun, zaman moden. Kalau Perlembagaan kita sudah lama, kita perlu ubah kita kena ubah mengikut peredaran zaman, mengikut peredaran masa, bukan mengikut kehendak nafsu seseorang pemimpin. Jadi.....

Tuan Wong Wing On: [*Bangun*]

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh, boleh....

Tuan Wong Wing On: Jikalau itu mengikut zaman moden, mengapa tidak dijadikan Ahli Yang Berhormat dari Limbawang itu - pinalah Perlembagaan Barisan Nasional, pinalah Pelembagaan UMNO, jadikan Ahli Yang Berhormat dari Limbawang itu Ketua Pemuda UMNO atau Ketua Pemuda Barisan Nasional. Ini lebih baik, bukan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini sudah keluar daripada tajuk. Kita bercakap fasal Perlembagaan, dia bercakap fasal UMNO. Ini mana ada standard. Kita bercakap fasal pindaan Perlembagaan, parti lain cerita. Ini DAP barukah? [*Ketawa*] DAP baru, baguslah. Young blood people macam ini kena naiklah. Yang lama-lama yang tidak kena mengena berhentilah, ganti yang baru.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kena sambung esok dalam masalah ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 *ptg.*

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kemunduran Perkhidmatan Awam di Malaysia

6.31 *ptg.*

Dr. V. David: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat ada 71/2 minit.

Dr. V. David [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini bagi menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu aspek yang paling mustahak, Dewan yang mulia ini kepada satu hal ehwal negara iaitu tentang Perkhidmatan Awam dalam bentuk yang kita menghadapi masalah, dengan izin, 'decay', dalam masa yang begitu singkat.

Saya ada keraguan bahawa perkhidmatan awam kita telah menjadi lebih teruk dari masa ke semasa, dan ini telah

menjadi keputusan terutamanya selepas Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1971.

Pada masa Malaysia mendapat kemerdekaan dari Kerajaan British tahun 1957, negara kita mewarisi satu struktur perkhidmatan awam yang lengkap daripada kuasa, dengan izin, colonial powers, dan kita dikehendaki meningkatkan dan mengemaskini struktur atau, dengan izin, streamline the structure, selaras dengan keperluan negara semasa yang sedia ada. Tetapi adakah kita membuat begitu?

Jawapannya ialah, "TIDAK".

Apa yang telah berlaku ialah bilangan kakitangan Kerajaan telah meingkat tetapi ianya tidak membawa mutu perkhidmatan yang cemerlang dengan kenaikan bilangan kakitangan itu. Pada masa ini perkhidmatan awam kita mempunyai 850,000 orang pekerja dan lebih daripada 647,000 atau 75% terdiri daripada pekerja-pekerja dari satu kaum sahaja. Perkhidmatan awam kita tidak dapat bertanding dengan kadar pembangunan negara dan beberapa prosedur-prosedur pentadbiran tidak selaras dengan keperluan semasa.

Dengan izin, most important structure, jika ianya dibandingkan dengan zaman komputer ini. Jika kita dapat pergi ke sesebuah jabatan Kerajaan untuk mendapat maklumat lanjut tentang sesuatu perkara dalam jangka masa yang tertentu, jawapan yang selalu diberi oleh kakitangan kaunter ini, ia tidak boleh dilaksanakan. Kakitangan berkenaan seterusnya akan memberi beberapa borang permohonan-permohonan untuk diisi terlebih dahulu sebelum permintaan boleh menerima satu pertimbangan atau proses. Selepas ini kita dikehendaki

membuat lawatan ke jabatan tersebut dan mengikut setiap peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang harus diambil oleh kita.

Ada juga didapati bahawa pegawai yang bertugas tidak berada di tempatnya, atau dia ada tetapi beliau tidak mempunyai, dengan izin, knowledge tentang peraturan-peraturan kerana ia baru sahaja dipindahkan dari jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kakitangan kaunter mengambil kesempatan ini untuk menolak permohonan kita tanpa memberi sebab dan seterusnya akan memberi balik kepada kita supaya membuat rayuan. Rayuan ini jika sekiranya ditimbang akan mengambil beberapa bulan lagi, sebelum keputusan muktamad diberitahu kepada pemohon.

Segala peristiwa dan urusan tersebut tidak bermakna lagi kerana keadaan yang sedia ada semasa membuat permohonan, dia sudah tidak ada lagi sudah berubah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah secara ringkas, Ahli-Ahli Yang Berhormat, keadaan yang sedia ada di jabatan-jabatan Kerajaan kita, beberapa contoh lagi boleh dilihat setiap hari di Jabatan Pendaftaran Negara, di Jabatan Imigresen, tempat pungutan dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah habis, 71/2 minit.

Dr. V. David: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Boleh.

Dr. V. David: Tiap-tiap Jabatan Pendaftaran, Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan sebagainya. Dalam kes Jabatan Imigresen, semasa kita membuat lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Imigresen bertempat di Pusat Bandar Damansara di Kuala Lumpur, kita boleh lihat beberapa orang menunggu di hadapan pintu jabatan tersebut begitu awal iaitu pada pukul 5.00 pagi atau 6.00 pagi untuk mendapat tempat di barisan hadapan selepas pintu jabatan tersebut dibuka pada pukul 8.00 pagi. Tehma kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jawapan, silakan Yang Berhormat.

6.40 *ptg.*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kita Malaysia bernasib baik kerana mewarisi satu Perkhidmatan Awam yang cekap daripada pemerintahan British semasa kita mencapai kemerdekaan. Tetapi sesuatu warisan yang baik tidak akan kekal selamanya sekiranya ia tidak diperbaiki dan dimajukan dari masa ke semasa. Banyak contoh negara-negara lain yang juga mewarisi sistem pentadbiran yang baik daripada penjajah, tetapi setelah beberapa tahun kemudian sistem pentadbiran menjadi kucar-kucir kerana ia tidak diurus dan diubahsuaikan mengikut keperluan semasa.

Di Malaysia, Perkhidmatan Awam sentiasa peka kepada keadaan dan keperluan semasa. Falsafah dan strateginya tidak berubah sejak tarikh negara ini mencapai kemerdekaan. Semasa mencapai kemerdekaan, Perkhidmatan Awam di Malaysia

memainkan peranan sebagai maintenance administration, dengan izin, iaitu untuk bertanggungjawab memelihara keselamatan dan ketenteraman awam serta memungut cukai. Perkembangan ini berlaku pada akhir tahun 1960an telah menyebabkan Perkhidmatan Awam mengubahsuaikan peranan kepada pentadbiran dan pembangunan. Dalam tempoh itu, Perkhidmatan Awam telah mencebur diri secara langsung ke dalam aktiviti perniagaan dan pembangunan infrastruktur. Dalam kata lain, Perkhidmatan Awam melalui badan-badan berkanun telah menjadi rakan kongsi dalam sektor perniagaan.

Mulai tahun 1980an, sektor swasta telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk memainkan peranan utama dalam pembangunan negara. Dengan itu, Perkhidmatan Awam mula mengubahsuaikan peranan kepada penglibatan secara langsung di dalam pembangunan negara kepada peranan sebagai fasilitator dan penasihat untuk sektor ekonomi dan perniagaan. Perkembangan ini jelas membuktikan bahawa falsafah dan strategi Perkhidmatan Awam sentiasa disusun semula bagi memenuhi keperluan dan inspirasi semasa.

Berbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan kecekapan dan integrasi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam. Berbagai program pembangunan sumber manusia telah dijalankan, bukan sahaja untuk peningkatan kecekapan, tetapi juga melibatkan pembentukan nilai, sikap dan etika kerja yang murni. Namun demikian, rasuah tidak boleh dihapuskan sama sekali.

Bagi mengatasi perkara ini, langkah-langkah preventif dan punitive telah diambil. Dari aspek preventif, langkah-langkah yang telah diambil termasuklah

menanam sikap amanah, bertanggungjawab serta etika kerja yang baik. Peraturan dan prosedur mengenai tatakelakuan dan tata tertib telah pun dilaksanakan sekian lama. Dari segi punitive atau hukuman, peraturan-peraturan tata tertib juga diperuntukkan dengan jelas hukuman-hukuman kerana salah laku. Selain daripada itu, Badan Pencegah Rasuah telah diwujudkan untuk membendungkan kegiatan rasuah.

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa Perkhidmatan Awam telah bebas daripada campurtangan politik. Bagi tujuan perlantikan, misalnya, Perlembagaan telah mewujudkan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan untuk mengendali perlantikan kakitangan Kerajaan secara adil dan saksama. Namun demikian, Perkhidmatan Awam sudah pasti terikat dengan dasar-dasar negara yang digubal oleh pihak Eksekutif yang terdiri daripada kalangan politik yang membentuk pentadbiran negara.

Kerajaan tidak mempunyai dasar dan mensyaratkan hanya satu-satu kaum sahaja diambil berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam. Namun begitu, di bawah Dasar Ekonomi Baru, keutamaan telah diberi kepada penglibatan bumiputera dalam semua sektor, termasuk Perkhidmatan Awam sebagai satu strategi untuk memperbaiki tahap pencapaian ekonomi yang rendah di kalangan kaum bumiputera. Peiaksanaan dasar ini tidak harus dilihat sebagai satu ciri polarisasi kaum dalam Perkhidmatan Awam. Di bawah Sistem Saraan Baru, kelayakan dan kebolehan diberi pengiktirafan sewajarnya. Ini terbukti daripada pengwujudan konsep perkhidmatan kritikal yang menyediakan ganjarannya lebih kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan penting yang diperlukan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, maka di sini saya menafikan tuduhan Yang Berhormat dari Puchong. Tuduhan ini tidak berasas, dan ia hanya menunjukkan bahawa Yang Berhormat tidak sedar atas perkembangan semasa dalam Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam telah berkembang dengan pesat dan sentiasa disusun semula bagi memenuhi keperluan dan inspirasi semasa untuk membolehkannya menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

**Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
(Cina)
Di Wangsa Maju, Setapak -
Pembinaan**

6.45 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, langkah MCA melancarkan Projek Langkawi bukan sahaja mencari gimmick politik, malah menggalakkan penindasan terhadap pendidikan Cina berterusan dari masa ke semasa. Masyarakat Cina di desa mengutip wang untuk mendapatkan RM20 juta bagi mencapai matlamat politik gimmick politik MCA, kerana semua masyarakat Cina tahu jumlah RM20 juta itu tidak memberi apa-apa makna dalam melaksanakan langkah-langkah meningkatkan tahap pendidikan. Kempen mengutip wang sahaja tidak mencukupi bagi meningkatkan pencapaian tahap pendidikan Cina ini. Selagi dasar pendidikan baru tidak diberitahu kepada orang ramai, masyarakat Cina hendaklah diberitahu berapa lama mereka mesti menanggung beban untuk mengutip wang sendiri bagi membiayai peruntukan perbelanjaan anak-anak mereka. Adakah

masyarakat Cina akan terus-menerus dipaksa mengumpulkan wang untuk mengisi tabung meningkatkan pendidikan Cina sehingga tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, seramai kira-kira 62,500 penduduk Cina daripada jumlah 125,000 orang penduduk di Bandar Baru Wangsa Maju dalam Wilayah Persekutuan sudah beberapa kali mengharapkan Kerajaan membina pembangunan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina bagi membolehkan anak-anak mereka mendapatkan pendidikan aliran Cina. Bagaimanapun, mereka hanya bergantung kepada sekolah-sekolah yang sedia ada di Sekolah Rendah Kebangsaan Cina May Yee di Jalan Genging, Klang. Sekolah berkenaan sekarang ini mempunyai 18 bilik darjah dengan bilangan murid pada tahun 1990 iaitu 1,355 orang. Bagi menampung keperluan murid-murid sekolah tersebut telah menggunakan sepenuhnya bilik darjah yang diperlukan ialah sebanyak 28 buah. Keadaan ini juga menunjukkan pro rata bilangan murid-murid yang belajar ialah di antara 45 hingga 50 orang bagi satu bilik darjah. Kesesakan ini tidak sesuai mengikut Sistem Pendidikan 3M yang dipraktikkan, iaitu bilangan maksima bagi satu bilik darjah ialah 30 orang sahaja. Kebanyakan murid-murid yang tinggal di Wangsa Maju terpaksa berulang-alik ke sekolah tersebut yang jaraknya di antara 4 km hingga 12 km. Pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina sama ada di Wangsa Maju ataupun di Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia adalah lebih perlu diutamakan daripada Projek Langkawi MCA itu.

Pada tahun 1990, terdapat 287 buah sekolah rendah di dalam Wilayah Persekutuan, dan daripada jumlah ini,

hanya 41 buah sahaja Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Angka tersebut tentulah tidak logik, kerana penduduk Cina di Wilayah Persekutuan dianggarkan 680,200 orang daripada jumlah semua penduduk 1.4 juta orang. Adakah MCA atau Parti Gerakan merasakan munasabah peratusan kanak-kanak yang akan memasuki alam persekolahan, iaitu hampir 50% keturunan Cina di Wilayah Persekutuan, tetapi sekolah yang akan menampung kemasukan mereka hanya 41 buah sahaja. Oleh itu, desakan seramai 5,027 keluarga di Wangsa Maju mahukan Kerajaan membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, di kawasan tersebut adalah lebih mustahak, munasabah dan terlalu penting daripada Projek Langkawi. Malah bukan sahaja di Wangsa Maju, tetapi di merata Kampung-kampung Baru di seluruh negara yang anggaran perbelanjaannya jauh lebih tinggi daripada RM20 juta itu.

Kawasan perumahan yang meliputi kawasan Wangsa Maju ini ialah Wangsa Maju Seksyen 1,2,4,5 dan 10, Taman Desa, Setapak, Taman Bunga Raya, Taman Wangsa Melawati, Taman Danau Kota, Taman Ibu Kota, Taman Setapak Jaya, Taman Sri Rampai, Taman Bandar Baru Rampai, Taman Melawati, Taman Melati Baru dan Taman Kampung Air Panas. Sekian,

6.51 *ptg.*

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, di atas ucapan Yang Berhormat tadi, di bawah ini, suka saya menjelaskan di sini bahawa projek-projek yang dijalankan untuk kita membangunkan pendidikan di negara ini adalah berasaskan kepada usaha-usaha seluruh masyarakat yang terlibat dalam pendidikan. Yang pentingnya ialah

pendidikan kita adalah berasaskan kepada dasar pendidikan kita dan langkah-langkah untuk kita membangunkan pendidikan ini berasaskan kepada Akta Pendidikan yang sedia ada untuk panduan kita.

Jadi, walaupun saya tidak perlu menjawab soalan apabila Yang Berhormat menyatakan mengenai apakah langkah MCA untuk meningkatkan lagi pendidikan, tetapi, saya percaya ini adalah usaha yang boleh dikatakan menggalakan kegiatan-kegiatan masyarakat untuk sama-sama berusaha meningkatkan perkhidmatan dan juga pembangunan pendidikan di kawasan-kawasan yang memerlukan sokongan.

Atas perkara yang dibangkitkan, iaitu untuk membangunkan sebuah sekolah, pembinaan sesebuah sekolah di mana-mana kawasan adalah berdasarkan kepada keperluan yang menyeluruh di sesuatu kawasan itu dan setelah kita mengambil kira beberapa perkara yang wujud. Jadi, di antaranya yang dipertimbangkan ialah tidak terdapat sekolah di kawasan yang berkenaan dan juga di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sekolah-sekolah yang sedia ada dan kita tidak dapat menampung pertambahan murid di kawasan berkenaan, dan kalau tidak ada juga rancangan untuk menambah bangunan atau bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Akhirnya sekali, ia juga bergantung sama ada atau tidak peruntukan untuk kita menjalankan projek-projek berkenaan. Jadi, berdasarkan kepada salah satu daripada perkara-perkara yang kita timbangkan, maka didapati 3 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan berdekatan, sepertimana yang

disebutkan tadi, iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Mun Yee, di Jalan Mawar di kawasan Setapak, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chong Hwa, Setapak dan juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chiao Man, di Jalan Pahang, Setapak, yang masih boleh menampung keperluan persekolahan pelajar-pelajar yang ingin memasuki SRJK(C) dari kawasan Setapak, Titiwangsa dan juga Wangsa Maju.

Di samping itu juga, di kawasan tersebut ada juga terletak sekolah-sekolah SRJK(C), iaitu 5 buah sekolah yang lain di kawasan yang berhampiran yang mana pelajar dari Setapak dan Wangsa Maju yang ingin memasuki SRJK(C) dapat bersekolah. Bila ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu mengenai perkara yang mana ada juga bilik darjah penuh sesak dengan pelajar-pelajar, ini bukanlah masalah kekurangan bilik, kadang-kadang apa yang terdapat ialah banyaknya pengagihan pelajar-pelajar itu di atas permintaan ibu bapa yang telah mendesakkan tempat di situ. Ada juga tempat yang masih didapati nisbah pelajar-pelajarnya di dalam sebuah bilik darjah adalah di antara 25 hingga 35 orang pelajar.

Perkara mengenai dua sesi di sekolah-sekolah Wilayah, ini memang dihadapi oleh semua sekolah dan oleh sebab itu kita masih berusaha untuk meningkatkan lagi tambahan bilik-bilik darjah di mana kawasan-kawasan yang penduduknya telah bertambah dan population density kian meningkat.

Kementerian Pendidikan juga ingin menyatakan di sini bahawa bahasa Cina boleh diajar jika ibu bapa kepada 15 orang kanak-kanak di sekolah yang berkenaan memohonnya. Inilah satu cara bagaimana kita dapat meneruskan usaha memperkembangkan pendidikan bahasa. Jadi, Kementerian Pendidikan juga berpendapat bahawa setakat ini belum ada lagi keperluan untuk kita membina sebuah sekolah SRJK(C) di kawasan tersebut. Di samping itu, dari perangkaan yang kita perolehi, menunjukkan bahawa keperluan sekolah kebangsaan di kawasan yang sama juga semakin meningkat dan pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan semua kaum perlu kita utamakan sekarang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6,55 petang.